



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2018

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA

SHAH ALAM, 3 DISEMBER 2018 (ISNIN)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Sungai Tua)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham Bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Datuk Abdul Rashid Bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.
(Selat Kelang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah Binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi, P.J.K. (Sementa)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain Bin Othman (Sabak)

Y.B. Puan Rozana Binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya Binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Mohd Shaid Bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin Bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Mohd Sany Bin Hamizan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman Bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal Bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Borhan Bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

Y.B. Tuan Mazwan Bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus Bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Tuan Mohd Najwan Bin Halimi
(Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Bakhtiar Bin Mohd Nor (Semenyih)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Shatiri Bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah Binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Azmizam Bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Harumaini Bin Haji Omar, D.P.N.
(Batang Kali)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Adhif Syan Bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi Bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey Bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Tuan Rizam Bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran Bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Mohd Fakhurulrazi Bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin Bin Haji Lias,
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Gayathri Prasena a/p Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Encik Jamil Hasib bin Abd Karim
Encik Nilam Mersa bin Mansur
Encik Mohammad Redzuan bin Adam

Pelapor Perbahasan

Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid
Encik Mohamad Izad Shafiq Bin Ahmad Mashudi

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN : Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan mesyuarat bagi Mesyuarat Kali Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Ke 14 pada 3 Disember 2018 dimulakan dengan Bacaan Doa.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : (Bacaan Doa).

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-Pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Salam Sejahtera dan selamat pagi saya mempersilakan Yang Berhormat Kota Anggerik.

Y.B. TUAN MOHD. NAJWAN BIN HALIMI : Soalan saya nombor 73. Terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD. NAJWAN BIN HALIMI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PENAMBAHBAIKAN PERKHIDMATAN PUSAT KHIDMAT DUN

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

(a) Apakah usaha atau langkah Kerajaan Negeri untuk membantu menambah baik perkhidmatan Pusat Khidmat DUN memandangkan kini wujud pertambahan beban tugas dan tanggungjawab di kalangan staf khususnya melibatkan proses pentadbiran dan pengurusan pelbagai Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Negeri Selangor?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Speaker dan Kota Anggerik yang bertanyakan soalan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri mengambil maklum berhubung tanggung jawab setiap Pusat Khidmat Masyarakat untuk menguruskan Inisiatif Peduli Rakyat (IPR). Sehubungan itu Kerajaan Negeri sedang mengkaji beban tugas dan implikasi kewangan yang akan ditanggung sebelum sebarang keputusan penambahan dilaksanakan. Dan perkara-perkara ini juga turut dipertimbangkan dalam usaha Kerajaan Negeri menyejajarkan IPR supaya bebanan-bebanan yang ditanggung itu tidak terlalu berat di Pusat-pusat Khidmat sebaliknya mengumpulkan inisiatif-inisiatif tertentu di agensi-agensi yang sudah menjalankan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti tertentu sebagai contoh, Yayasan Selangor. Yayasan

Selangor memang terkenal dengan aktiviti dan pengurusan pendidikan di dalam Negeri Selangor dan membantu menguruskan kecemerlangan pendidikan rakyat. Justeru selepas ini IPR secara perlahan-lahan akan dilaksanakan dalam inisiatif pendidikan terutamanya semakin banyak akan diuruskan terus oleh pihak Yayasan Selangor apatah lagi sekarang lagi kita mempunyai akses kepada sekolah-sekolah dan sebagainya. Jadi penyejajaran ini bukan hanya menjurus kepada penggunaan kos kewangan, tetapi juga akan melihat sejauh mana keberkesanan dan juga pemantauan terhadap aktiviti-aktiviti yang kita panggil sebagai IPR itu dapat kita laksanakan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya Yang Berhormat Sungai Tua. Bilakah Pusat Khidmat Masyarakat DUN Sijangkang semak masyarakat Kerajaan akan dibuka dan bilakah Penyelaras DUN akan dipilih kerana saya mendapat aduan tidak ada lagi Penyelaras DUN dan usaha atau inisiatif untuk program-program di peringkat Pusat Khidmat Masyarakat, Program IPR saya kira agak terjejas dan rakyat menimbulkan masalah ini kerana tidak ada akses yang mudah selain daripada mereka datang ke pusat Khidmat Masyarakat saya tetapi kita mempunyai kekangan. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Sijangkang. Pihak Kerajaan Negeri telah membuat keputusan dalam 3 minggu yang lepas untuk Pusat-pusat Khidmat di kawasan-kawasan yang dimenangi oleh Pembangkang dan saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat juga boleh bekerjasama dengan pihak Penyelaras sini dan insyaallah kita boleh bekerjasama demi kebaikan dan kekuatan rakyat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Pelek.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, soalan saya nombor 74.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : AKTIVITI PROMOSI DAN IKLAN PELANCONGAN DI SELANGOR

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- (a) Pelancongan mempunyai potensi tinggi dalam meningkatkan pendapatan negeri. Adakah kerajaan akan meningkatkan belanjawan untuk aktiviti promosi dan iklan pelancongan di Selangor?

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pelek, Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat. Peruntukan bagi tahun 2016 sehingga 2018 adalah berdasarkan pelbagai kaedah yang dilaksanakan bagi mempromosikan produk-produk pelancongan di Negeri Selangor. Jumlah peruntukan untuk program promosi dan acara yang telah diperuntukkan adalah seperti yang berikut. Pada tahun 2016 sebanyak RM5 juta, pada tahun 2017 jumlah peruntukan sebanyak RM4,500,000.00 manakala bagi tahun 2018 sebanyak RM4,500,000.00 dan bagi tahun 2019 telah diperuntukkan sebanyak RM5.51 juta. Masih juga kepada kerajaan kerana memperuntukkan RM1.6 juta bagi menambah baik perusahaan kraf tangan kerana hasil daripada kraf tangan merupakan barang-barang yang disukai oleh para pelancong.

Belanjawan dan peruntukan bagi aktiviti serta program promosi dan periklanan, pelancongan negeri perlu ditingkatkan untuk memastikan segala program yang direncanakan setiap tahun dalam skala yang lebih besar dapat dilaksanakan seterusnya meningkatkan 4 promosi demi menambah jumlah kedatangan pelancong ke negeri Selangor. Dan kepelbagaian fokus pasaran pelancongan, hal ini seterusnya dapat meningkatkan resit pelancongan atau pendapatan dalam bidang pelancongan bagi negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor melalui *Tourism Selangor* akan menggunakan peruntukan yang sedia ada yang disediakan oleh Kerajaan Negeri sebaik mungkin untuk memastikan pelancongan di Negeri Selangor tidak ketinggalan untuk dipasarkan dan dipromosikan di merata dunia. Sekali lagi saya ingin tegaskan Selangor menyumbang 23% jumlah pelancong yang datang melawat ke Malaysia iaitu sebanyak 22.5 juta orang pada tahun yang lepas. Statistik ini telah diberikan oleh *Tourism Malaysia* bagi tahun tahun 2017. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Meru. Tak hadir. Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya bernombor 76.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PARAS AIR EMPANGAN

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- (a) Nyatakan paras air terkini di semua empangan air di Selangor?
- (b) Adakah kedudukan paras air tersebut dalam keadaan normal?
- (c) Sejauh manakah paras air terkini mampu membekalkan air sekiranya berlaku kemarau panjang?

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Tuan Speaker dan Sungai Air Tawar. Pemantauan paras air bagi tujuh empangan di Negeri Selangor adalah melalui laman sesawang '*Intergrated Water Resources Information Management System (IWRIMS)*' oleh LUAS. Enam empangan telah mencapai kapasiti maksimum 100% kecuali Empangan Batu sahaja. Mengikut data paras air empangan sehingga 14 November 2018 adalah seperti berikut:-

(a) Empangan Batu	-	96.89%
(b) Semenyih	-	100.44 %
(c) Langat	-	100%
(d) Klang Gates	-	100%
(e) Sungai Selangor	-	100%
(f) Tasik Subang	-	100%
(g) Sungai Tinggi	-	100%

Kedudukan paras air empangan sehingga 14 November ini menunjukkan bahawa keadaannya sangat baik dan 6 daripadanya telah mencapai 100% kapasiti. Ia menunjukkan tren positif berikutan peningkatan intensiti hujan di kawasan tadahan air empangan semasa Monsun Peralihan pada bulan Oktober.

Jangka hayat simpanan air semua empangan di Negeri Selangor hingga 14 November mampu menampung bekalan air sehingga melebihi tiga bulan jika berlakunya kekurangan hujan di kawasan tadahan terutamanya semasa Monsun Barat Daya. Pihak LUAS akan memastikan kawalan pelepasan air empangan secara optimum bagi tujuan bekalan air. Perincian jangka hayat simpanan kapasiti takungan empangan sehingga 14 November adalah seperti berikut;

(a) Empangan Batu	-	199 hari
(b) Semenyih	-	231 hari
(c) Langat	-	99 hari

- (d) Klang Gates - 121 hari
- (e) Sungai Selangor - 134 hari
- (f) Tasik Subang - 190 hari
- (g) Sungai Tinggi - 99 hari

Sekian.

TUAN SPEAKER : Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya ialah di manakah lokasi atau daerah sering kali menjadi punca masalah NRW ini dan berapakah jumlah kerugian di sebabkan NRW bagi tempoh sepanjang 2018 ini dan yang kedua apakah sasaran yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan Negeri dalam mengurangkan NRW ini dan berapakah jumlah peruntukan keseluruhan bagi mencapai sasaran ini?

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Minta maaf ya Yang Berhormat. Ini soalan berkait rapat dengan air terawat. Jadi di bawah Air Selangor.

TUAN SPEAKER : Dia tidak berkaitan. Tak perlu jawab. Dusun Tua.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Berbalik daripada isu empangan tadi kita dimaklumkan bahawa empangan akan menakung lebih kurang 100% air daripada hujan, jadi soalan ingin bertanya sebab biasanya kita menampung air 100% hatta ketika musim hujan, adan akibatnya apabila empangan penuh kita melepaskan air itu dan lazimnya mengakibatkan banjir. Apakah pihak LUAS ada perancangan untuk melepaskan air itu di waktu hari tidak hujan terutama di musim hujan di mana air memang *confirm* akan penuh, dan apakah ada perancangan untuk melepaskan pada waktu tertentu bukan pada musim hujan. Maksudnya bila musim hujan kita lepaskan dan kemudian kita takung apabila musim tidak hujan. Terima kasih.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Dusun Tua. Sememangnya begitu menjadi penjadualan dalam pelepasan air ni, dia tidak dibuat bila air hampir penuh melimpah baru dilepaskan, jadualnya dibuat cuma pengurusan dibuat secara optimum untuk pastikan dalam masa kita melepaskan air itu tidak merugikan air kita sama juga tidak menyebabkan air itu nanti akan menjadi masalah apabila dilepaskan, ada penjadualannya yang dibuat secara optimum. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Yang Berhormat saya ingin bertanya berkenaan dengan empangan ataupun ban yang sebelum ini telah rebah di sekitar persisiran sungai di kawasan Sungai Air Tawar. Adakah langkah-langkah kerajaan Negeri dalam membaik pulih empangan yang pecah ini ataupun akan terus mengekalkan zon penampungan yang sekarang ini telah dimulakan.

TUAN SPEAKER : Saya rasa Yang Berhormat tak perlu jawab ya. Ini dia tak berkaitan soalan, soalan adalah paras air empangan, ini soal ban, ini berkaitan dengan perkara yang lain, ini perlu tanya soalan yang lain ya. Baik. Saya mempersilakan Semenyih.

Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya nombor 77.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : KLINIK DESA

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- (a) Apakah usaha-usaha penambahbaikan terkini oleh kerajaan terhadap klinik-klinik desa di Selangor?
- (b) Berapakah yang diperuntukkan yang disalurkan bagi tahun 2016 hingga 2018 bagi menaik taraf klinik-klinik desa di Selangor?

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BT. MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Semenyih di atas soalan ini ialah mengenai menaik taraf klinik desa di Negeri Selangor. Di Negeri Selangor terdapat 15 klinik desa yang telah dinaikkan taraf menjadi klinik kesihatan. Kita tahu bahawa klinik desa dia mainly atau terutamanya adalah mengenai kesihatan ibu dan anak. Jadi apabila dinaikkan taraf menjadi Klinik Kesihatan, perkhidmatan yang ditambah itu adalah pesakit luar, perkhidmatan kecemasan, perkhidmatan farmasi, perkhidmatan makmal dan perkhidmatan kesihatan ibu dan anak juga. 15 Klinik Desa yang telah dinaiktarafkan adalah di Gombak, 2 Klinik Desa, Hulu Langat 2 Klinik Desa. Nama-namanya kalau Yang Berhormat berminat saya akan bagi terus kepada Yang Berhormat. Di Klang, di Petaling, di Kuala Langat, Kuala Selangor, dan Sepang semuanya 15 Klinik Desa.

Mengenai peruntukan yang disalurkan bagi tahun 2016 ke 2018, untuk menaik taraf klinik ini sebenarnya daripada 2016 ke 2018 tiada peruntukan khas untuk naik taraf

Klinik Desa di Selangor. Cuma penyelenggaraan dan pembaikan kecil dilaksanakan di bawah perbelanjaan mengurus sebanyak RM2.3 juta telah dibelanjakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat juga Klinik Desa Sungai Bertik, tanahnya telah diambil untuk dijadikan JambatanKe3 tetapi telah diganti dengan Klinik Kesihatan di Sungai Bertik itu dengan kos RM5.1 juta di tapak yang lain. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Kandis.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan Sungai Kandis nombor 78.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD. ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : SUMBANGAN KEPADA NGO DARI KERAJAAN NEGERI SELANGOR

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

(b) Adakah terdapat sumbangan atau peruntukan kepada NGO-NGO Islam yang berdaftar bagi menyemarakkan lagi aktiviti mereka?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Speaker dan Sungai Kandis yang bertanyakan soalan berkenaan dengan sumbangan Kerajaan Negeri kepada NGO-NGO. Yang Berhormat sekalian, dana bantuan ialah bantuan dalam bentuk kewangan daripada peruntukan zakat, daripada peruntukan zakat semasa yang diberi kepada NGO-NGO ataupun NGO-i (MAIS) setelah mematuhi garis panduan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan Negeri Selangor (MAIS) 2014/1435H dan Jawatankuasa Pembangunan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan berpuas hati dengan penilaian prestasi keberkesanan program yang ditetapkan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis di bawah Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan Negeri Selangor (MAIS) 2014/1435, Majlis boleh memperuntukkan sejumlah dana bantuan dan peruntukan zakat semasa kepada NGO Islam setelah Jawatankuasa Pembangunan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan berpuas hati dengan

- (i) Peranan dan tanggungjawab dimainkan oleh NGO ini dalam membantu Majlis serta agensi agama di bawah Majlis;
- (ii) Penilaian prestasi keberkesanan program yang telah ditetapkan.

Saya juga ingin menjawab soalan, oh tak apa kita sampai di sini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bandar Utama.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 79.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : MIGRASI METER PUKAL KEPADA METER INDIVIDU

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- (a) Penggunaan meter pukal di Pangsapuri Kos Rendah telah menyebabkan banyak isu pemotongan air apabila sesetengah penduduk tidak mahu membayar bil. Apakah terdapatnya usaha-usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan pelaksanaan migrasi meter pukal kepada meter individu dijalankan di kesemua pangsapuri kos rendah?

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Tuan Speaker, Bandar Utama. Air Selangor telah melaksanakan program migrasi bekalan air meter pukal kepada meter individu bagi kategori meter pukal yang berdaftar di bawah kod tarif air 17 (kondominium/pangsapuri), kod tarif air 18 (pangsapuri kos rendah/flat) dan kod tarif air 21 (kuarters kerajaan) bagi negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya semenjak tahun 2008 selaras dengan Warta Kerajaan Persekutuan, Kaedah-kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip 2014).

Statistik pelaksanaan Program Migrasi sehingga Oktober 2018 adalah seperti jadual di bawah.

Jumlah Taklimat Migrasi	Jumlah Akaun Meter Pukal yang telah melaksanakan Program Migrasi	Jumlah Akaun Meter Individu yang diwujudkan selepas Program Migrasi
720	856	203,052 akaun

Antara usaha-usaha dan langkah yang diambil bagi membantu proses migrasi Air Selangor telah melaksanakan taklimat program secara berterusan dengan mengadakan perjumpaan dengan Jawatankuasa Pengurusan Bersama Bangunan (JMB) serta

penduduk. Selain daripada itu Air Selangor juga membantu dalam memberikan nasihat dan cadangan bagi kelancaran proses permohonan oleh penduduk dan JMB serta mewujudkan Unit Khas Migrasi bagi membantu dan memudahkan permohonan migrasi bekalan air meter pukal kepada bekalan air meter individu. Terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Bandar Utama.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Terima kasih atas penjelasan tadi. Saya cuma ada beberapa soalan kerana berdasarkan pengetahuan saya Program Migrasi ini adalah atas permohonan ertinya bukan secara automatik kita akan migrasi meter pukal itu kepada meter individu. Jadi di sini timbulnya satu persoalan bila banyak pangsapuri tu dia perlu menunggu untuk permohonan mereka diluluskan.

Jadi soalan pertama adalah, adakah terdapatnya jangka masa untuk Kerajaan Negeri untuk memastikan seluruh meter pukal dimigrasi kepada meter individu dan soalan kedua; adakah kawasan-kawasan yang selalu mempunyai masalah pemotongan air ini diutamakan kerana di kawasan DUN Bandar Utama terdapat pangsapuri-pangsapuri kos rendah yang mereka tidak berupaya untuk memigrasikan meter mereka ke meter individu pada masa yang sama mereka selalu tidak mampu membayar bil. Jadi selalu kerap berlaku nya isu pemotongan air oleh SYABAS dan isu ini sangat mengganggu kerana pada saya air merupakan hak asasi manusia. Jadi ada orang yang ada penduduk yang sebenarnya dah bayar pun bil air tetapi oleh kerana meter pukal itu terus digunakan seluruh penduduk di pangsapuri tersebut terganggu. Terima kasih.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Pihak Air Selangor sentiasa mengambil berat berhubung dengan isu meter individu ini dan kita mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mempercepatkan dan memperbanyakkan usaha-usaha migrasi ini walaupun ada kekangan-kekangan yang tertentu dari segi teknikal dan sebagainya perkara ini tetap diteruskan dan kita akan cuba sedaya upaya secepat yang mungkin untuk menyelesaikannya dengan kekangan yang ada, dan kita memang menerima banyak aduan daripada pihak JMB terutamanya berhubung dengan pemotongan air, walaupun di kawasan yang ada meter individu ini ada juga pemotongan air ini. Kadang-kadang masalah dia selesai di individu tetapi di Bekalan Air yang bersamanya tempat yang *common area* pula menjadi masalah juga menyebabkan ada juga pemotongan di situ.

Dan masalah utama yang kita hadapi di pangsapuri kos rendah ini ialah keupayaan mereka untuk mendapatkan bayaran daripada penyewa mereka. Ini menjadi masalah

besar yang mereka hadapi bukan sahaja melibatkan meter individu tetapi juga di *common area*. Walau bagaimanapun saya tidak memberi alasan kita akan melaksanakan dan memang proses ini berterusan, selain daripada memberi taklimat dan juga melaksanakan pemasangan ini dan kita tidak memberi, kita menyusun mengikut jadual, ada kekangan dan sebagainya dan tidak semestinya kita memberikan dan kalau nak ikut pemotongan ini banyak yang terlibat, saya tidak ada data tetapi saya dimaklumkan memang ada banyak tempat yang bermasalah dari segi pembayaran bil ini dan kita telah, saya pun telah mengambil beberapa langkah untuk membantu dalam kes-kes tertentu untuk meringankan beban, sebab siapa yang bayar tu yang tanggungannya, yang tak bayar tu tak ada masalah dia menyebabkan masalah kepada semua. Ini yang kita sedang usahakan tapi kita akan mempercepatkan lagi proses untuk migrasi ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Tuan Speaker. Jawapan tadi nak atasi kekangan ini adalah apabila JMB ni berminat nak tukar, jadi kena atasi kekangan tapi bagaimana pula JMB yang tak wujud ataupun JMB yang tak minat nak tukar? Di situ penduduk nak tukar tapi *management* tak nak tukar dan apa tindakan Kerajaan Negeri Selangor untuk bantu kes sedemikian.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Saya faham soalan itu sebab kawasan saya pun banyak JMB yang tidak berfungsi, yang tak adapun ada. Jadi memang menjadi masalah yang besar untuk kita berurusan dengan pangsapuri yang sebegini, memang menjadi masalah bukan sahaja dari segi dasar, dari segi undang-undang kita tak tahu nak berurusan dengan siapa untuk kita menyelesaikan masalah ini. Ini akan kita *look into this matter*, kita tidak ada jawapannya saya boleh beri, sekarang ni bagaimana kita nak uruskan sedangkan yang banyak memohon kita masih lagi dalam proses penyelesaian, jadi kita selesaikan yang itu dan dalam masa yang sama kita harus bagi pertimbangan bagaimana kita menghadapi isu ini bukan sahaja melibatkan air ini, ia melibatkan banyak perkara lain lagi kawasan yang tidak ada JMB ataupun JMB tidak berfungsi ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bandar Utama.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya mempunyai satu soalan lagi. Kerana di banyak tempat apabila adanya meter pukal ini, jadi JMB ni bila dia berhadapan dengan situasi ini mereka cuba nak potong air

penduduk dia yang tak bayar bil air tapi masalahnya secara dasar tidak mempunyai kuasa sebegitu, ertinya apabila meter pukal itu digunakan dan mereka tahu siapa yang tidak membayar bil air tetapi mereka tidak boleh memotong air penduduk begitu. Jadi saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri adakah kita akan melakukan sesuatu perubahan terhadap dasar itu. Terima kasih.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Itu soalan cepumas itu sebab urusan antara dalam JMB ni dia ada peraturan dan aktanya tersendiri yang kita pun kalau ikut yang banyak yang kita tak boleh buat dalam kawasan pangsapuri ni dan mereka tertakluk di bawah akta yang berkenaan. Walau bagaimanapun, saya banyak sebagaimana yang saya sebut tadi kita banyak membantu uruskan untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan pemotongan air ini dan kita memberi kelonggaran, kita cari penyelesaian. Walau bagaimanapun urusan migrasi meter ni kita akan laksanakan tetapi yang urusan antara JMB dalaman mereka ini selagi meter individu ini tidak dilaksanakan itu agak sukar untuk kita masuk campur dalam hal ini dan saya rasa yang ada pada kita sekarang ini ialah perbincangan penyelesaian dengan atau perbincangan dengan pihak-pihak yang berkaitan sahaja yang agak sukar untuk kita mengambil tindakan yang lebih.

TUAN SPEAKER : Taman Templer.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 80.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PEMBINAAN KIOSK

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

(a) Apakah Kerajaan Negeri berhasrat membina lebih banyak kiosk untuk menggalakkan rakyat berniaga?

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingat tadi Taman Templer keliru apa-apa pun terima kasih Taman Templer. Kerajaan Negeri melalui agensi dan beberapa Pihak Berkuasa Tempatan telah pun menyediakan beberapa hab perniagaan dan kiosks untuk usahawan berniaga di seluruh Negeri Selangor. Hab-hab perniagaan sedia ada ini antaranya untuk mempromosi dan juga

bagi menarik lebih ramai pengunjung membantu penjualan barangan peniaga-peniaga yang ada di sini yang ada di hab tersebut. Melalui Majlis Kerajaan Negeri pada 31 Oktober 2018 telah memutuskan supaya promosi dan pameran hasil produk Selangor diadakan di kawasan-kawasan tumpuan pelancongan seperti di *Uptown Shah Alam*, *Uptown Damansara*, Pasar Tani, *Bazarena* Shah Alam yang sesuai untuk dimasukkan ke dalam pakej pelancongan sebagai satu inisiatif bagi menarik pelancong luar negeri Selangor juga. Kini Kerajaan Negeri telah menumpukan kepada penambahbaikan promosi bagi hab-hab sedia ada. Templer bertanya tentang apakah hasrat Kerajaan untuk membina dan lebih banyak kiosks lagi jadi sebenarnya saya nak mengatakan di sini bahawa Kerajaan Negeri lebih menumpukan kepada penambahbaikan dan permohonan promosi bagi hab-hab sedia ada tetapi dalam masa yang sama menggalakkan lebih ramai usahawan berniaga melalui *hub virtual* ataupun tidak lagi berbentuk statik. Maksudnya kita nak menggalakkan supaya medium perniagaan yang terkini iaitu melalui bentuk alam maya ini diperbanyakkan. Sebagai contoh platform atas talian seperti *Lazada*, *Shopee*, *Fashion*, *Group On*, *Zalora* dan lain-lain merupakan satu medium yang lebih baik berbanding dengan kita membuat hab-hab statik. Ia lebih sesuai untuk peniaga kecil-kecilan tetapi tidak pada peniaga yang boleh untuk perkembangan perniagaan.

Jadi mekanisme ini dilihat lebih mudah dan praktikal bagi pembeli juga dan juga pengguna dan usahawan wajar mengambil inisiatif yang sedia ada yang sekarang ini Kerajaan Negeri melalui Sitech telah pun menawarkan *facility* penjualan produk di atas talian. Jadi penglibatan usahawan ini dalam *hub virtual* dilihat sebagai kaedah yang dapat meluaskan pasaran dengan lebih cepat dan kemas. Jadi *conclusionnya* ataupun dengan izin kesimpulannya kita lebih untuk melihat ataupun ingin *mentransform* daripada perniagaan statik buka gerai-gerai, hab-hab baru kepada membuka ataupun memberi tunjuk ajar kepada peniaga-peniaga kecil agar mereka dapat akses kepada perniagaan talian dengan latihan-latihan dan bimbingan yang diberikan. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD. ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sungai Kandis.

Y.B. TUAN MOHD. ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Terima kasih kepada Tuan Speaker. Sungai Kandis ingin bertanya tentang Pasar Jawa di Klang. Kita lihat bahawa Pasar Jawa ini adalah pasar yang lama memasarkan produk-produk hasil daripada kampung seperti makanan-makanan tradisi, tetapi saya melihat rupa wajahnya tidak begitu ceria dan menarik minat untuk pelancong untuk mendapatkan cenderamata atau pun bahan-bahan makanan tradisi. Apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor

untuk menaik taraf atau menjadikan ia sebagai suatu destinasi pelancongan untuk produk-produk tradisi Melayu. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Kandis. Berkaitan dengan soalan Pasar Jawa ini saya yakin ia bukan pasar pagi. Betul ke? Tidak. Oh pasar malam?

Y.B. TUAN MOHD. ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Pasar Jawa ni tempat jual kerepek-kerepek dan juga produk daripada luar bandar.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Oh okay. Minta maaf, saya melihat bahawa Pasar Jawa ini kalau mengikut maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat Sungai Kandis kemungkinan besar kalau ia nya perlu penambahbaikan perlu satu bentuk pembangunan yang lebih baik, insyaallah kita boleh melihat perkara ini lebih terperinci dan kita akan beri tumpuan sebab jawapan saya tadi kita tidak merancang untuk membuka pasar-pasar baru atau kiosk-kiosk baru tetapi bagi tujuan pembaikan atau pembangunan kita akan memberikan perhatian bagi tujuan ini. Jadi *insya-Allah* Pasar Jawa Klang akan saya memberi perhatian selepas ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Saya berminat dengan soalan Y.B. Taman Templer iaitu KIOSK ini bagi saya adalah satu peluang usahawan untuk orang muda di kawasan luar bandar. Jadi soalan saya adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang pelan untuk membina KIOSK untuk penjualan hasil pekebun kecil secara berpusat di setiap Adun untuk membantu pekebun kecil untuk memasarkan hasil mereka untuk pasaran daripada di luar kawasan mereka.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI. ISMAIL: Terima kasih Y.B. Sungai Air Tawar. Berkaitan dengan soalan ini sebenarnya ia lebih kepada mungkin di bawah Jawatankuasa Pertanian tetapi apa pun baru-baru ini bagi pihak saya dan juga Jawatankuasa Pertanian pun ataupun Y.B. Pandan Indah telah pun berbincang dan juga kita merancang untuk duduk semeja untuk memikirkan apakah bentuk KIOSK-KIOSK pelaksanaan *half-half*, apa ni yang boleh kita tumpuan antara dua stanco ini. Tetapi untuk memberikan tumpuan kepada bukan sahaja kepada EXCO Struktur Pertanian kita juga *insya-Allah* bagi stanco Jawatankuasa apa ni usahawan kita melihat tentang peluang-peluang untuk mengorak memberi peluang kepada belia juga untuk tujuan perniagaan kecil ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Gombak Setia.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM: Soalan Saya selepas Taman Templer No. 81.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK: MERAPATKAN KESENJANGAN DIGITAL ANTARA BANDAR DAN BUKAN BANDAR

81. Berapakah Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- A) Apakah usaha kerajaan negeri untuk mengurangkan kesenjangan digital antara penduduk di luar bandar dan bandar dan apakah program WIFI Smart Selangor yang dilaksanakan telah berjaya menangani masalah ini?

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN: Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih soalan yang ditujukan oleh Y.B. Gombak Setia yang bertanya tentang Merapatkan Kesenjangan Digital Antara Bandar Dan Luar Bandar. Sambungan Internet iaitu Internet oleh PBT adalah merupakan faktor kejayaan utama dalam mengusahakan untuk mengurangkan kesenjangan digital antara penduduk di luar bandar dan bandar. Namun antara cabaran yang utama dalam usahakan untuk membekalkan perkhidmatan Wifi Smart Selangor percuma kepada masyarakat luar bandar adalah pemasangan hotspot *haif* Wifi terhad kepada kesediaan infrastruktur jaring teras daripada pihak kawasan sasaran. Walau bagaimanapun dengan strategik untuk menyediakan Wifi Smart Selangor percuma kepada perpustakaan-perpustakaan negeri, Institusi-Institusi Pengajian Tinggi termasuklah sekolah teknik dan sekolah vokasional, pusat tuisyen, balai orang ramai dan sebagainya. Secara tidak langsung telah berjaya untuk menjadikan WIFI Smart Selangor sebagai *enabler* untuk mengurangkan Kesenjangan Digital Antara Penduduk Di Luar Bandar Dan Bandar. Di samping itu juga suatu program pembangunan jangkauan komuniti telah dibangunkan bersama oleh Menteri Besar Selangor, Perbadanan MBI dan Perbadanan Perusahaan Negeri Selangor untuk menyediakan Smart Selangor i-Station di setiap perpustakaan daerah di negeri Selangor. Smart Selangor i-Station menyediakan kemudahan pembelajaran secara interaktif di luar bilik darjah untuk mengasah kemahiran literasi, numerasi, berfikiran aras tinggi menggunakan iOS koding, berkreaitif dan memahami pembangunan awal kanak-kanak. SmartSel Sdn. Bhd iaitu anak syarikat kerajaan negeri Selangor juga telah ditubuhkan pada penghujung Tahun 2017. Untuk menerokai permasalahan digital alternatif bagi tujuan untuk merapatkan kesenjangan digital antara penduduk di luar bandar dan bandar . Sekian.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM: Y.B. Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Gombak Setia.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM: Terima kasih Yang Berhormat EXCO di atas jawapan sebentar tadi menerusi jawapan tersebut. Saya amat yakin bahawa objektif utama untuk kerajaan negeri untuk menyediakan WiFi Smart Selangor ini adalah untuk mengurangkan kesenjangan digital atau pun digital cap di antara kawasan bandar dan luar bandar. Namun saya kita amat mengecewakan apabila dalam beberapa jawapan Y.B EXCO sebelum ini. Menyatakan bahawa kita dapat lihat lebih banyak hotspot Wifi sebenarnya. Dipasang di luar bandar sedangkan di dalam luar bandar kurang dan jawapan yang diberikan oleh EXCO adalah kerana infrastruktur kemudahan ICT di luar bandar ini kurang baik. Namun saya kira perkara ini harus kita lihat kembali. Sebab saya kira di luar bandar tidak ada hotspot dan sebagainya. Saya kira hari ini kawasan di luar bandar ramai sahaja penduduk yang menggunakan telefon bimbit dengan 4.3G dan sebagainya. Jadi saya kira apakah langkah segera boleh diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengembalikan pelaksanaan sistem ataupun program Wifi ini menepati objektif dan juga matlamatnya. Terima kasih.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN: Terima kasih Gombak Setia yang prihatin terhadap Wifi luar bandar dan saya rasa Yang Berhormat terlibat secara langsung semasa Yang Berhormat bekerja di bawah Menteri Besar yang dahulu. Di mana saya mengakui ia ada masalah bandar dan luar bandar. Kerana sebelum itu Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan 2 kerajaan yang berlainan dan kita ada masalah infrastruktur yang ditawarkan diberikan kepada TM dan Celcom tidak begitu apa mengambil berat tentang cadangan daripada Kerajaan Negeri Selangor. Tetapi selepas Pakatan Harapan menerajui kerajaan pusat keadaan berbeza sekarang. Di mana sepatutnya infrastruktur ini bukan di bawah portfolio saya. Di bawah infra yang EXCO di depan saya itu dia tolong jawab kerana ia melibatkan di mana masalah kita hadapi sekarang adalah infrastruktur di luar bandar yang tidak lengkap. So kita tengah satu Jawatankuasa yang ditubuhkan untuk pembekal-pembekal ini termasuk TM dan Celcom. Kita harap dalam jangka masa pendek ini kita dapat memastikan mana-mana tempat perlu diutamakan. Terutamanya di luar bandar. Di mana sebelum itu memang di luar bandar liputan di luar bandar telah pun *ok* tiada masalah. Hanya di luar bandar kita ada mengalami masalah sedikit masalah. So saya rasa selepas perbincangan saya dengan EXCO yang *in cash* infra ini kita mengenal pastikan keutamaan yang diberi itu. Terutama di luar bandar so saya harap Y.B. Gombak Setia bersabar sedikit kita akan memberi keutamaan perkara ini. Sekian.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM: Tuan Speaker:

TUAN SPEAKER: Ya. Gombak Setia.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM: Ya. Baik. Yang Berhormat EXCO di atas jawapan tersebut. Namun saya kira satu lagi persoalan yang ingin saya melontarkan ialah. Apakah sebenarnya struktur apa pun (dengan izin) *koman* untuk menentukan di mana kawasan-kawasan hotspot-hotspot ini di pasangkan sebab kita lihat ada jurang yang amat besar misalnya di Kota Anggerik ada 477, tetapi di Sementa hanya ada 3 dan sebelum ini Yang Berhormat EXCO minta Adun-adun supaya menentukan mana-mana Wifi. Jadi saya hendak tahu kalau selain daripada kerjasama yang diberikan Adun-adun bagaimana Kerajaan Negeri menentukan di mana kawasan-kawasan hotspot Wifi ini akan dipasang.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN: Terima kasih Y.B. Gombak Setia. Setakat ini kita ada 3, 834 jumlah hotspot WIFI di seluruh negeri Selangor. Di mana kebanyakan tumpuan di bandar Klang Valley terutamanya di Petaling Jaya dan Shah Alam. Selain kita memandukan kehendak daripada Adun kawasan berkenaan. Kerana sebelum ini kita utamakan Adun memberi kawasan tumpuan untuk orang ramai di dewan perpustakaan, surau, masjid yang di luar bandar memerlukan Wifi percuma. Dan selain itu kita akan memastikan di mana di luar bandar saya akan bincang dengan pihak berkenaan untuk menentukan saya rasa Kerajaan Negeri perlu proaktif kita tidak boleh menunggu lagi maklumat-maklumat yang diberikan kepada Adun-adun kerana ada Adun sibuk juga. Tidak memberi tempat yang diperlukan sebab itulah kita kena proaktif untuk memastikan tempat-tempat yang perlu diberikan WIFI hotspot Wifi. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya 82.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK: TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI SELANGOR

82. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan bilangan tapak pelupusan sisa pepejal yang masih beroperasi dan tidak beroperasi di Selangor mengikut daerah.
- b) Adakah Kerajaan Negeri pernah memulihkan tanah bekas tapak pelupusan sampah untuk tujuan pembangunan yang lain? Jika ya, nyatakan butir-butirnya

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Tuan Speaker Y.B. Kuala Kubu Baharu bertanya berkenaan tapak pelupusan sisa pepejal di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri mempunyai

sebanyak 3 buah tapak pelupusan sisa pepejal yang diuruskan oleh Syarikat Worldwide Holdings Berhad (WHD) selaku anak syarikat Kerajaan Negeri dalam pengurusan pelupusan sampah pepejal. Iaitu yang pertama tapak pelupusan Sanitari Jeram. Yang kedua tapak pelupusan Sanitari Tanjung Dua belas dan yang ketiga tapak pelupusan Panjang Bedena Sabak Bernam. Mana kala tapak pelupusan sisa pepejal yang telah di peruntuk dengan selamat ada 4 buah tapak iaitu:-

Tapak Pelupusan Kubang Badak, Mukim Bestari Jaya,

Tapak Pelupusan Sungai Kembang, Mukim Beranang,

Tapak Pelupusan Ampang Tenang, Daerah Dengkil, dan

Tapak Pelupusan Sungai Kertas, Daerah Gombak

Selain itu, Tapak Pelupusan Bukit Beruntung milik Masjid Daerah Hulu Selangor juga telah ditutup sepenuhnya dan sistem pepejal domestik dari kawasan MDHS dilupuskan di tapak pelupusan Sanitari Bukit Tagar. Milik KUB Berjaya *and* ROS Berhad. Pemulihan tanah bekas tapak pelupusan sistem pepejal telah dilakukan sejak Tahun 2011. Ke atas tapak pelupusan Sanitari Air Hitam, Puchong. Yang kini telah dijadikan taman rekreasi dan ditukar nama kepada Worldwide Park. Tapak pelupusan berkenaan berkeluasan 42 hektar yang menampung sejumlah 6.2 juta tan metrik sisa pepejal. Dan telah di peruntuk selamat serta menjalani kerja-kerja fasa penutupan 5 tahun. Antara kemudahan-kemudahan yang terdapat di taman rekreasi di Worldwide Park tersebut ialah taman permainan kanak-kanak trek berbasikal, jogging dan basibo. Taman tersebut turut memiliki station jana kuasa tenaga elektrik 2 megawatt yang dihasilkan di peruntuk daripada gas penutupan sisa pepejal. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Bharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Terima Kasih. Saya hendak tanya Y.B. EXCO bahawa 4 buah taman tapak pelupusan sampah yang telah dioperasikan itu apa kita buat atas dia. Adakah kita akan mengambil langkah sama seperti apa yang berlaku di tapak pelupusan di Puchong dan juga yang dikatakan ada satu lagi di Bukit Beruntung. Di mana dia juga ditutup dan sekarang ini kita mendapati mengalir ke sungai. Jadi apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri?.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Kerajaan Negeri akan mengarahkan Worldwide Holdings membuat kajian dan ambil kaedah yang paling sesuai untuk melangkah memulihkan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Speaker soalan saya No.83.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK: PELAN INDUK SUMBER AIR NEGERI SELANGOR

83. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM: Tuan Speaker. Y.B. Hulu Kelang yang bertanya soalan berhubung dengan Pelan Induk Sumber Air Negeri Selangor. Kerajaan Negeri strategik Selangor menyediakan Pelan Induk Sumber Air Negeri Selangor bagi tujuan perangka kerja-kerja strategik untuk sumber-sumber air mentah baik yang baru dikenal pasti ataupun air mentah tidak ada untuk menampung permintaan air mentah yang semakin meningkat. Pelan induk ini menggariskan langkah-langkah perlu diambil di antaranya:-

1. Mengenal pasti menilai dan mengesyorkan sumber bekalan air baru yang berpotensi untuk dibangunkan selaras untuk memenuhi permintaan bekalan air akan datang di dalam Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya. Dengan memberi tumpuan terhadap kawasan atau daerah yang berhadapan kekurangan air seperti Kelang, Gombak, Hulu Langat dan Kuala Lumpur. Dalam usaha untuk memenuhi permintaan air masa hadapan yang dijangka akan berlaku peningkatan permintaan daripada 5,500 juta liter sehari. Pada Tahun 2016 kepada 8,612 juta liter air sehari. Pada Tahun 2065 dengan mengambil kira juga majlis simpanan air rizab air pada kadar 15%.
2. Mengenal pasti sumber-sumber air mentah baru supaya kerajaan negeri boleh memperuntukkan atau pun menandakan mana-mana tapak yang bersesuaian untuk dibangunkan bagi projek-projek bekalan air di masa hadapan. Dengan ini supaya kos pengambilan tanah dapat dijimatkan. Antara sumber baru yang dikenal pasti yang akan dibangunkan:-
 1. Labohan Dagang Fasa 2 yang dicadangkan tahun operasinya pada Tahun 2022.
 2. Skim Rasau pada Tahun 2025 tahun operasinya.
 3. Langat 2 Fasa 2 2035 Tahun 2035 tahun operasi. Dan
 4. HORAS 3 pada Tahun 2060.

Ketiga persediaan semua pihak dalam menerapkan perubahan minda dan anjakan paradigma dengan persekitaran dan sumber air bagi memastikan kualiti air yang baik. Ini melibatkan juga penjagaan alam sekitar dan juga kelestarian. Dan berharap dengan fenomena perubahan cuaca *El Nino* dan *El Nina* ya. Yang keempat

merealisasikan matlamat untuk mewujudkan sistem agihan *interconnection* di mana melalui *interconnection* ini sekiranya berlaku nanti tugas di mana-mana loji, maka kawasan yang lain yang terjejas pada ketika ini tidak akan lagi dapat dibantu dengan sistem ini. Jadi, tidaklah timbul lagi di mana apabila satu loji itu berhenti tugas, maka bekalan air pada loji lain tidak dapat disalurkan. Ini dipanggil *interconnection* yang sedang diberi tumpuan untuk diselesaikan ataupun *loop system*. Maka ia tidak menjejaskan bekalan pada pengguna sebaliknya bekalan pada loji yang ditugaskan tadi boleh ditampung oleh loji rawatan air yang lain. Dan, yang kelimanya, menumpukan pembangunan sumber air baru terutamanya di hiliran sungai. Kalau dahulunya air banyak di hulu sungai, di kawasan tadahan kemudian kita hanya dapat menampung sekian air, tapi bila air itu mengalir ke dalam sungai di hilirannya kita tidak dapat ambil air itu, kita tidak dapat ambil air itu, menyebabkan airnya hanya mengalir ke dalam laut. Jadi, sekarang kita telah pun, dengan pelaksanaan HORAS 600 dan juga HORAS 3000, kita nak *harvest*. Kita nak ambil air itu di hiliran. Yang boleh memberikan kesan kepada rakyat dan mengamalkan sikap tidak membazir kepada sumber air sedia ada dan pada masa yang sama memupuk semangat cintakan alam sekitar di mana rakyat akan menjadi lebih bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan sungai-sungai yang merupakan sebahagian dari sumber air mereka.

Pelan induk ini akan disokong dengan dasar strategi dan pelan tindakan yang dapat memberi jaminan kepada kecukupan dan kelestarian sumber air mentah dan membantu pihak yang berkepentingan dalam membuat perancangan dan pelaburan dalam pembangunan sumber air mentah supaya sumber air mentah dapat diuruskan secara mampan dan *sustainability* iaitu lestari, kualiti dan kuantiti air secara jangka panjang sehingga tahun 2065. Sekian.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO, soalan tambahan saya adalah, adakah pendekatan itu berdasarkan pada pendekatan holistik di mana bersatu.. berpadunya di antara unit yang memproses dan penghantaran? Yang kedua, adakah projek , dengan izin, mengambil kira NRW yang amat buruk sekarang?

Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM : Sememangnya, terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya, sebarang pembangunan ataupun keperluan air negeri Selangor ini, adalah, mestilah di atas fokus kita kepada sumber air itu sendiri iaitu air mentah dan juga air terawat. Jadi, sebab air mentah, air terawat ini memerlukan air mentah untuk dirawat. Dan sebab itulah, bila kajian dibuat, yang disebut di sini ialah kajian berhubung dengan sumber air iaitu di bawah, yang di negeri Selangor adalah di bawah LUAS.

Yang mengambil kira keperluan air kita untuk tahun-tahun yang akan datang sehingga 2065. Bukan makna dia kita buat 2025 lepas itu kita diam sahaja. Bermakna setiap tahun itu perlu dikaji semula tetapi untuk perancangan yang ada ini, kita akan mengambil kira daripada *feedback* ataupun maklum balas daripada pihak *consultant* juga bahawa keperluan itu kita dah rancang sehingga 2065. Dan keperluan air terawat ini, dia agak berbeza walaupun dia mengambil sumber daripada air mentah tetapi keperluan logistiknya yang menyebabkan berlaku sedikit *gap* apa dipanggil, *gap* antara air yang dirawat dan air mentah ini, termasuklah pembinaan loji yang memakan masa, penukaran paip dan juga isu-isu logistik yang lain. Itu yang saya sebutkan tadi antaranya yang kita rancang itu ialah untuk melengkapkan *loop system* ataupun sistem *interconnection* antara semua loji-loji ini supaya sebarang gangguan air di mana pun tidak memberi kesan kepada pengguna sebaliknya kita boleh menggunakan sistem semua loji yang ada di dalam negeri Selangor. Tentang NRW ini, ini adalah di bawah air terawat dan saya pun telah jelaskan dalam membahaskan, dalam ucapan penggulungan berhubung dengan isu NRW yang sekarang ini berada di tahap 31%. Dan kita cuba kurangkan, sekurang-kurangnya 1 *percent* ataupun 1 peratus setahun untuk memenuhi keperluan air kita ini. Ini adalah satu kaedah sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat semua, bagaimana kita nak selamatkan ataupun nak *save* air ini ialah dengan mengurangkan NRW ataupun air yang tidak terhasil iaitu *non revenue water* ini yang biasanya, sebahagian besarnya adalah kerana kebocoran paip. Ini yang saya sebut semalam di dalam penggulungan itu, 6000km paip AC, AC paip ini yang perlu diganti dan *InshaAllah*, dengan usaha-usaha ini kita boleh mengurangkan NRW. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih, Tuan Speaker. Tadi Yang Berhormat EXCO telah menyatakan HORAS akan mula beroperasi pada tahun 2060, 40 tahun dari sekarang. Ijok ingin bertanya adakah betul? Sebab projek HORAS telah dimulakan lebih 5 tahun sudah dan dalam pelan, dia akan menampung bekalan air 2/3 kepada negeri Selangor. Kalau betul, Ijok juga ingin bertanya kenapa lama sangat projek ini akan siap?

Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Ijok. Sebenarnya yang Ijok rujuk itu adalah HORAS 300 yang telah pun siap. Ini HORAS yang baru. HORAS 3000, ini ialah yang sedang dalam proses pembinaan. Kita sebenarnya ada HORAS yang 300 ini, yang di Bestari Jaya ini ataupun yang dipanggil *Off River Storage* ini ya di Bestari Jaya yang terdiri ada 7 kolam yang sebenarnya yang dah siap. Dengan anggaran kapasiti 3 juta m³ (meter padu) dan keluasan badan airnya ialah 63.41 hektar yang ini dah pun beroperasi di Bestari Jaya. Inisiatif operasi

pengepaman air kolam atau OPAK ini adalah menggunakan kolam-kolam tersebut dan tujuannya adalah untuk meningkatkan kapasiti air terutamanya di Sungai Selangor yang membekal lebih 60% bekalan air Selangor dan juga di Lembah Kelang. LUAS juga telahewartakan 21 kolam sumber air alternatif di negeri Selangor lagi dengan kapasiti 1534 juta m³ (meter padu) ini bagi memastikan kelangsungan bekalan air di negeri Selangor. Banyak lagi benda-benda yang dihiliran ini yang telah diwartakan pun ada dan yang beroperasi pun dah ada. Ini yang HORAS 3000 ni yang baru dalam proses pembinaan dan makan masa, berperingkat-peringkat sehingga 2060. Ini yang kita bentang, terbaru ya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sg. Pelek.

Y.B. TUAN RONNIE LIEW : Tuan Speaker, soalan saya, tambahan saya ialah mengenai *progress* projek Langat 2. Sejauh manakah projek ini telah dijalankan dan bila akan di .. Langat 2?

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, ini tidak berkaitan dengan Pelan Induk. Jadi, saya rasa tidak perlu jawablah untuk soalan tersebut.

Y.B. TUAN RONNIE LIEW : Tak masuk dalam Pelan Induk? Langat 2?

Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM : Sebenarnya, dalam soalan itu, lebih khusus kepada air terawat. Ini kita bercerita mengenai Pelan Induk sumber air negeri Selangor.

TUAN SPEAKER : Jadi saya rasa, lain kali boleh kemukakan soalan lain ya. Teruskan Yang Berhormat Kota Damansara.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Soalan saya yang ke 84. Terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PEMBELAAN KAUM PEKERJA

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah rancangan atau dasar Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa pekerja (terutama swasta) terbela jika wujud atau disyaki dianiaya oleh majikan-majikan?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Untuk tahun 2018, kita tidak mempunyai apa-apa lagi inisiatif khusus untuk menangani pekerja-pekerja swasta. Namun mulai tahun depan 2019, sebagaimana yang telah dimaklumkan di dalam ucapan Belanjawan, dan dimasukkan dalam jadual belanjawan kita kerajaan negeri akan menubuhkan yang dipanggil sebagai Institut Pekerja di mana di dalam Institut itu akan dianggotai wakil daripada penjawat awam selaku penjawat awam, wakil persatuan penjawat awam (CUEPACS), MQC yang mewakili pekerja-pekerja swasta dan *Malaysian Employer Association* ataupun Pertubuhan Pengusaha-Pengusaha ataupun tuan punya syarikat yang akan tinggal di sana. Jadi, institut itu akan merangkumkan dan berbincang beberapa perkara yang bukan hanya persoalan kebajikan tetapi juga persoalan masa depan dan bagaimana memperkasakan pekerja kerana di dalam struktur kita, kita mempunyai Jabatan Tenaga Kerja dan Jabatan Perhubungan Perusahaan di samping boleh melanjutkan sebarang kes penganiayaan di Mahkamah Perusahaan untuk dibangkitkan jika bangkit sesuatu isu tentang penganiayaan kepada pekerja. Terima kasih.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Tambahan, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Silakan Kota Damansara.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Terima kasih, *Alhamdulillah* saya mengucapkan. Kota Damansara mengalu-alukan penubuhan Institut Pembedayaan Pekerja ya. Walau bagaimanapun, di akhir tahun 2019, Kota Damansara ingin menanyakan beberapa soalan tambahan iaitu dalam perbahasan yang lepas, saya ada menyatakan beberapa Akta yang berkaitan dengan pekerja iaitu Akta Kesatuan Sekerja, Akta Kerja dan Akta Perhubungan Perusahaan. Ada 20 konvensi yang telah saya sebutkan juga, iaitu Konvensyen 87 dan 98. Untuk itu, soalan saya, tambahan, ialah apakah mekanisme dan KPI kerajaan negeri bahawa institut ini telah berjaya mempromosi serta membela kaum pekerja dalam konteks 3 Akta yang telah disebutkan, 2 konvensyen dan juga lagi satu dokumen yang telah saya sebutkan iaitu *Code of Conduct*, dengan izin, *Code of Conduct of Industrial Harmony*. Soalan saya yang, tambahan yang lain Tuan Speaker ialah apakah mekanisme dan KPI kerajaan negeri bahawa institut ini telah berjaya membantu mengurangkan lambakan pekerja asing serta meningkatkan gaji minimum pekerja swasta dari RM1100 kepada RM1500? Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Kota Damansara. Secara asasnya, kerajaan negeri menubuhkan institut ataupun badan ini adalah untuk melihat segenap aspek sama ada daripada segi undang-undang mahupun pengisytiharan-pengisytiharan tertentu perwakilan pekerja dalam persidangan mereka atau pun sebagainya. Sebab itu, ia diwakili oleh Tokoh Pekerja, Tuan Syed Sahir Syed Mahmud, bekas Presiden MTUC, bekas Ahli Dewan Negara dan juga dianggotai oleh MTUC, dianggotai oleh CUEPACS dan sebagainya. Justeru, semua aspek ini saya percaya akan dibincangkan dan melihat bagaimanakah isu-isu tertentu pekerja sama ada isu di dalam konteks *local* mahupun konteks antarabangsa akan dibincangkan dan dibahaskan dan mencadangkan kepada pihak kerajaan negeri beberapa langkah untuk menangani isu-isu yang berkaitan keharmonian kerja dan *employers* dan juga berkaitan dengan akta-akta yang disebutkan sebentar tadi. Kedua, berkenaan dengan persediaan untuk pekerja-pekerja luar negara ataupun pekerja asing. Saya kira institut ini juga akan merangka pelan-pelan program sama ada pekerja swasta mahupun pekerja kerajaan, bagaimana berdepan dengan perkembangan zaman khususnya bila kita bincangkan *IR 4.0* ataupun *Industrial Revolution 4.0* yang kita bincangkan pada waktu ini dan bila pekerja-pekerja kita ini mahir dengan program latihan. Latihan apa, sektor apa, bidang apa, dan kebajikan bagaimana. Ini semua akan dibincangkan oleh institut ini supaya dapat diputuskan dan melengkapkan. Tentang *Terms of Reference*, terhadap pertubuhan ini, kita belum muktamadkan lagi kerana kita belum melaksanakan mesyuarat. Mungkin dalam, selepas ini, dalam bulan 1, bulan 2, sebelum acara perasmiaannya, pelancarannya kita akan meletakkan beberapa *Terms of Reference*, dengan izin, ataupun sudut kerja yang mereka harus tetapkan. Terima kasih.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Tuan Speaker, pencerahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, baik, silakan.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Terima kasih di atas penjelasan tadi. Kerana yang berkaitan dengan pekerja asing ini, Yang Berhormat, ialah mereka ini adalah pekerja yang kita katakan, sektor yang kebanyakan mereka kita nampak sendiri bahawa mereka ini terlibat dalam sektor-sektor yang tidak sepatutnya ada. Contohnya, jaga di depan kaunter yang tidak melibatkan tenaga-tenaga mahir. Kemudian di *Gas Station*, contohnya. Saya mengharapkan supaya institut ini dapat mengkaji semula, mengkaji bagaimana untuk mengurangkan pekerja yang tak perlu mahir supaya pekerja-pekerja tempatan tidak dianaktirikan oleh majikan-majikan. Saya harap dengan adanya institut ini, dapat menilai balik sebab *Industry 4.0* lebih kepada tenaga mahir. Jadi, kita kena lihat yang bukan mahir. Bagaimana kita nak kurangkan pekerja asing yang bukan mahir ini, yang terlibat dalam industri-industri yang tak sepatutnya mereka

berada. Di pasar malam, di macam-macam lah kerja. Jadi, saya harap supaya institut ini dapat mengkaji perkara tersebut.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Sebahagian daripada pelaksanaan, penguatkuasaan terletak pada Jawatankuasa Pusat ataupun kepada kerajaan *federal* sebab ia melibatkan Kementerian Sumber Tenaga. Dan pihak kerajaan negeri hanya dalam lingkungan, ruang lingkup setakat ini penjawatan awam kerajaan negeri dan anak-anak syarikat kerajaan negeri. Tapi, saya percaya institut ini akan melihat, dengan izin, ruang lingkup yang lebih luas untuk menangani isu-isu pekerja dan *InshaAllah* perkara ini kita akan bincangkan di pihak institut tetapi ruang penguatkuasaan kita itu agak terhad. Anak syarikat kerajaan negeri, kerajaan negeri dan mungkin syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kerajaan negeri, itu yang saya maksudkan. Di bawah apa Yang Berhormat sebutkan tadi itu banyak terlingkup di bawah ruang lingkup Jabatan Tenaga Kerja ataupun di bawah Kementerian Hal Ehwal Sumber Manusia. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Pada minggu lepas soalan saya telah dijawab bersama soalan Bukit Lanjan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sila Sungai Ramal.

Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya soalan nombor 86.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

TAJUK : KESESAKAN TRAFIK

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah perancangan untuk meleraikan kesesakan trafik akut di kawasan Sungai Tangkas Bandar Baru Bangi akibat kesempitan jalan keluar masuk ke kawasan itu yang tidak seimbang dengan kepesatan pembangunan perumahan di kawasan tersebut?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Tuan Speaker, pihak MPKj mempunyai cadangan jangka panjang bagi menaiktaraf Jalan Reko, Persiaran KWSP dan jejambat KTMB. Mesyuarat dan pembentangan cadangan projek telah diadakan pada 9 Oktober 2018 bersama beberapa pemaju dan perunding yang dipengerusikan oleh Tuan Yang Dipertua MPKj. Pihak perunding telah meminta mengkaji semula reka bentuk cadangan yang dibentangkan serta mengemukakan kos cadangan projek dengan mengambil kira kos pengambilan tanah dan yuran perunding. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR : Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Silakan Sungai Ramal.

Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR : Terima kasih Tuan Speaker. Yang pertamanya, saya ingin menyuarakan rasa kesal di sini kerana sekiranya telah ada satu mesyuarat seperti mana disebut tadi bertarikh 9 Oktober 2018 antara pihak MPKj dan pihak pemaju ianya tidak dimaklumkan kepada ADUN dan saya harap perkara ini diambil perhatian mungkin EXCO boleh mengarahkan kepada pihak PBT untuk projek-projek infra yang besar seperti ini pihak ADUN patutlah dijemput sekali boleh mendengar penjelasan dan hasil mesyuarat agar kami dapat menjawab kepada rakyat. Yang keduanya, kawasan ini Sungai Tangkas ini asal kawasan kampung. Penduduknya hanya 350 orang sahaja. Sekarang ini di belakang kawasan kampung itu telah dibangunkan projek sehingga melibatkan 23 buah apartmen, kuarters, projek perumahan dan penduduk telah bertambah kepada 15,000 orang. Pertambahan sebanyak 4200% pertambahan penduduk sedangkan jalan masih lagi jalan kecil yang sama semasa kampung itu wujud. Jadi, mohon disegerakan pelan untuk pembesaran jalan ini agar dapat menyelesaikan masalah kesesakan trafik yang akut di kawasan tersebut. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Saya akan minta pihak MPKj untuk menjemput Yang Berhormat Sungai Ramal bagi mesyuarat yang seterusnya dan bagi soalan yang kedua itu saya rasa itu satu cadangan bukan soalan. Saya tidak perlu jawab yang kedua itu.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya nombor 87.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN**

(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : LOJI RAWATAN AIR LABOHAN DAGANG

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah status terkini loji rawatan air Labohan Dagang?
- b) Bilakah projek pembinaan loji ini dijangka siap?

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Tuan Speaker, Yang Berhormat Sungai Panjang. Soalan berhubung dengan loji rawatan air Labohan Dagang. Ini saya rasa ini merujuk pada Labohan Dagang Fasa 1 yang saya ada sebut tadi Labohan Dagang Fasa 2 ini akan siap pada tahun 2022. Untuk kerja-kerja loji rawatan ini, yang fasa 1 ini setakat 30 Oktober 2018 status pelaksanaan loji rawatan air Labohan Dagang adalah seperti berikut. Pakej A ni kerja-kerja pengukuhan kolam dan juga muka sauk di Sungai Langat ini dah 92.8% siap. Ada sikit kelewatan di situ. Pakej B ni tentang kerja-kerja cerun dan juga kerja-kerja berkaitan bukit ini dah 50% dan Pakej C membekal, mentauliah loji rawatan ini sendiri telah pun 100% siap, memasang, menguji, mentauliah paip Pakej C2 pun 100% siap. Menguji dan mentauliah sebuah loji rawatan berkapasiti *200 million liter per day* ini dan *tons juta liter* sehari ini pun setakat ini berada di 64% siap. Jadi, keseluruhannya Yang Berhormat ialah kemajuan di tapak ialah 75% siap. Buat masa ini pihak kontraktor sedang dalam usaha menyiapkan kerja di tapak berdasarkan jadual yang telah ditetapkan. Ada sedikit perubahan-perubahan teknikal itu menyebabkan agak terlewat sedikit daripada asalnya. Yang mana yang dijadualkan siap ialah pada Disember 2018 inilah *delay*. Ada kelewatan sedikit namun jadual kerja telah disemak dan lanjutan masa telah diluluskan sehingga 23 April 2019 dijangka siap. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 88.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : PENCALONAN TAPAK WARISAN SEMULA JADI DUNIA UNESCO DI SELANGOR

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apa perkembangan terkini berkenaan pencalonan dua tapak Warisan Dunia UNESCO daripada Selangor iaitu Permatang Kuarza Gombak Selangor dan FRIM?

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Lanjan, Yang Berhormat Tuan Speaker. Pada masa ini, Jabatan telah memulakan kerja-kerja menyediakan Dossier bagi tapak Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) dan FRIM. *Dossier* merupakan satu dokumen utama yang disediakan bagi mengangkat tapak PKGS dan FRIM ke arah Tapak Warisan Dunia (UNESCO). *Dossier* penting dalam memberi penerangan mengenai kepentingan sesuatu tapak dan menjelaskan *Outstanding Universal Value (OUV)* tapak tersebut. *Dossier* juga mengandungi butir-butir tapak, justifikasi pencalonan dan tatacara perlindungan, pengurusan serta pengekalan integriti tapak-tapak tersebut.

Berdasarkan perancangan carta perbatuan, pencalonan (*inscription UNESCO*) bagi tapak FRIM adalah pada tahun 2021 dan tapak Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) adalah pada tahun 2022.

Sebagai makluman, PLANMalaysia@Selangor, Jabatan Warisan Negara dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah menganjurkan satu Persidangan Tapak Warisan Negeri Selangor pada 14 – 15 November 2018 bersempena usaha pencalonan *World Heritage Site UNESCO (WHS-UNESCO)* bagi dua tapak warisan iaitu Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) dan FRIM. Tujuan penganjuran persidangan ini diadakan adalah seperti berikut :-

- i. Sebagai perkongsian ilmu hasil penemuan kajian saintifik melibatkan fakta *Oustanding Universal Value (OUV)* bagi kedua-dua tapak.
- ii. Sebagai satu platform kerjasama demi mengukuhkan lagi proses pengiktirafan WHS-UNESCO dan
- iii. Sebagai hebahan dan promosi terhadap Tapak-Tapak Warisan Negeri Selangor KE Arah Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Justeru pihak Jabatan diminta mempercepatkan proses pengiktirafan ini untuk UNESCO agar tapak-tapak ini dapat dipromosikan dan dijadikan salah satu destinasi pelancongan bertaraf dunia di masa akan datang. Terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya ada satu soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa dijangka pada tiga dan empat tahun yang akan datang ini FRIM dan juga Permatang Kuarza Gombak akan kita *expect* ianya akan diluluskan pengiktirafan mereka di peringkat UNESCO. Dalam tiga dan empat tahun ini, apa yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa kawasan-kawasan yang mengelilingi dua-dua tapak ini akan dijaga, dipulihara dan juga dipelihara oleh Kerajaan Negeri supaya tidak ada pembangunan termasuk pembangunan daripada Kerajaan Pusat ataupun daripada GLC seperti PKNS tidak menjejaskan permohonan UNESCO ini?

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI : Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya pada bulan lepas, saya telah menghadiri satu *briefing* yang dibuat oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan ini adalah laporan yang dibuat oleh Jabatan dan mereka mengatakan bahawa memang tujuan tindakan-tindakan akan diambil untuk menentukan bahawa kawasan di sekitar tapak-tapak ini tidak akan dibangunkan oleh mana-mana pihak. Jadi, pihak Jabatan akan menentukan sekiranya ada apa-apa permohonan mereka akan membantah. Terima kasih Y.B.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Silakan Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Soalan tambahan yang kedua yang berkaitan dengan jawapan Yang Berhormat. Saya rasa gembiralah kerana Yang Berhormat bersama dengan Jabatan Perancang Bandar dan Desa memang prihatin tentang isu ini. Cuma satu minggu yang lalu kita terperanjat bila kita menerima satu mesej di mana dalam iklan surat khabar terdapat satu pembangunan di dalam kawasan hutan simpan Bukit Lagung dan kawasan tersebut sebenarnya masuk dalam kawasan yang kita panggil *Treasury Buffer* (Zon Penampakan Treasury). Keduanya, isu itu berkaitan dengan FRIM. Keduanya adalah kes ataupun permohonan Permatang Kuarza Klang di mana sering kali Kerajaan Pusat selalu mengatakan bahawa mereka masih dalam perbincangan dengan Kerajaan Negeri untuk menjalankan projek ECRL

dengan izin, *we are still in discussion with the State Government*. Kita boleh lihat banyak berita ataupun laporan surat khabar dan sebagainya. Jadi, saya rasa bukan sahaja Bukit Lanjan tapi seluruh Negeri Selangor perlu diyakinkan bahawa Kerajaan Negeri boleh memastikan dua-dua tapak ini dan juga kawasan yang mengelilingi *core zone, secondary zone* dan juga *treasury zone, buffer* nya akan dipelihara oleh Kerajaan Negeri.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI : Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita tidak dapat maklumat tentang projek-projek ataupun permohonan-permohonan yang Y.B. sebut tadi. Kami akan siasat dan akan ambil tindakan yang sepatutnyalah. Terima kasih Y.B.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tambahan.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO, tentang Permatang Kuarza bagaimanakah promosi yang telah dilakukan setakat ini? Dan saya difahamkan dan saya telah terima satu *copy* dengan izin, *Coffee Table Book* yang memperihalkan tentang projek tersebut. Saya nak tau di manakah tahap adakah Ahli-Ahli Dewan ini menerima satu naskhah *Coffee Table Book* itu? Dan untuk makluman Dewan saya ingin memaklumkan bahawa kehadiran Permatang Kuarza sebagai *National Heritage* adalah dialu-alukan sehingga ada satu komuniti perumahan yang menamakan kawasan perumahan mereka sebagai *Sixteen Kuarz Cost Melawati*.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI : Terima kasih Yang Berhormat. Buat masa ini sebenarnya tidak ada promosi khusus tentang Bukit Kuarza ini kerana kawasan ini memanglah dikenali oleh orang ramai baik dalam dan luar negara. Tapi untuk masa-masa hadapan bila telah diiktirafkan sebagai UNESCO kita akan membuat promosi yang lebih hebat lagilah untuk kawasan-kawasan ini. Terima kasih Yang Berhormat.

TUAN SPEAKER : Subang Jaya.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 89.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE**

(N31 SUBANG JAYA)

TAJUK : KUMPULAN DARUL EHSAN (KDEB)

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah kos pengutipan sampah setiap rumah selepas KDEB mengambil alih kerja tersebut daripada MPSJ?
- b) Jika kos setiap rumah untuk kutip sampah adalah lebih tinggi bawah KDEB, sila jelaskan sebab mengapa dan proses perolehan untuk memastikan KDEB mendapatkan kontraktor pada harga terbaik.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Subang Jaya, terima kasih Tuan Speaker. Kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam adalah perkhidmatan yang melibatkan penggunaan jentera dan tenaga buruh yang ramai. Perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam ini sememangnya melibatkan kos yang agak tinggi kerana faktor penting yang menentukan kejayaan kedua-dua perkhidmatan kutipan sisa pepejal ini adalah komponen 3M iaitu *machinery*, *manpower* dan *management* yang melibatkan kos yang besar. MPSJ akan menjadi PBT yang kesepuluh yang bakal menggunakan perkhidmatan KDEB Waste Management Sdn. Bhd., sebuah *project management company* yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri melalui MBI. KDEB Waste Management akan mengambil alih sepenuhnya perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam di MPSJ mulai 1 Januari 2019. Sebagaimana yang telah diputuskan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang Ke-7 2018 yang diadakan pada 7 Mac 2018 yang telah disahkan dan diluluskan oleh MMKN yang Ke-8 2018 pada 14 Mac 2018. Kos tahunan PBT berkaitan pengurusan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam hendaklah disalurkan kepada PMC untuk tujuan pelaksanaan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam dan kadar harga perkhidmatan bagi setiap premis yang dikenakan hendaklah tidak kurang daripada kadar harga yang dikenakan oleh PBT sebelum ini. MPSJ telah memperuntukkan sebanyak RM27.1 juta untuk kutipan sisa pepejal di dalam Bajet 2019 berbanding RM19.19 juta di dalam Bajet 2018 iaitu melibatkan peningkatan sebanyak 36%. Manakala bagi pembersihan awam pula bajet yang telah diperuntukkan oleh MPSJ bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM29.8 juta berbanding bajet bagi tahun 2018 iaitu sebanyak RM23.6 juta yang melibatkan peningkatan sebanyak 26%. Peningkatan peruntukan bagi tahun 2019 bukanlah disebabkan pengambilalihan oleh KDEB Waste tetapi sebaliknya berdasarkan jumlah inventori semasa yang terdapat di kawasan selain dari sudut *economy of scales* bagi memastikan kontraktor yang bakal dilantik kelak

mampu melaksanakan kerja-kerja perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam ini dengan menyediakan segala keperluan seperti jentera dan tenaga buruh yang mencukupi. Kadar harga bagi setiap unit rumah juga adalah berbeza-beza mengikut status dan kemampuan kewangan PBT. Di dalam konteks MPSJ yang berstatus perbandaran kadar harga bagi setiap unit rumah yang telah ditetapkan adalah hampir sama dengan kadar yang ditetapkan oleh PBT yang berstatus perbandaran yang lain di Selangor. Perlu saya maklumkan di sini bahawa kadar harga yang diberikan oleh MPSJ kepada KDEB Waste sebenarnya adalah jauh lebih rendah daripada kadar harga yang dianggarkan KDEB Waste di MPSJ. Anggaran harga KDEB Waste adalah berpandukan kadar harga untuk setiap premis yang digunapakai oleh syarikat-syarikat konsesi di bawah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SW Corp) di peringkat persekutuan. KDEB Waste akan menampung segala kekurangan kos operasi melalui mekanisme *cross subsidize* dari sedikit keuntungan yang diperolehi daripada perkhidmatan yang diberikan di PBT yang lain dan juga bantuan dari Kerajaan Negeri sendiri melalui UPEN. Seperti yang telah diperjelaskan peningkatan kos perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam adalah berdasarkan inventori semasa di kawasan selain daripada mengambil kira peningkatan kos operasi dan sebagainya. Rakyat sememangnya mengharapkan satu perubahan dan anjakan khususnya di dalam perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam. Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk memberi perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam yang terbaik kepada rakyat Negeri Selangor melalui KDEB Waste. Kerajaan Negeri akan memastikan setiap kos yang diperuntukkan oleh PBT kepada KDEB Waste ini adalah berbaloi dengan perkhidmatan yang efektif, sistematik dan *value for money* dengan peningkatan bajet yang diperuntukkan oleh MPSJ bagi tahun 2019 untuk pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Pelbagai pembaharuan bakal dilaksanakan oleh KDEB Waste di MPSJ sebagaimana yang telah dilaksanakan di PBT yang lain. Semua sub kontraktor KDEB Waste yang terpilih kelak akan menggunakan lori *compactor* dan *roro* baru buatan Jepun yang dilengkapi dengan teknologi terkini seperti *automatic vehicle*, *locating system*, *cctv*, *reverse camera* dan sebagainya. Penggunaan lori *compactor* dan *roro* baru ini akan dapat menyelesaikan pelbagai isu tipikal di dalam perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam seperti lori lama yang kerap rosak, tumpahan air *leache* dan sebagainya. KDEB Waste dengan kerjasama *Smart Selangor Delivery Unit* juga telah mewujudkan *Synchronize Command Centre* yang akan mengendalikan semua aduan yang diterima melalui pelbagai saluran termasuk aplikasi *1 Klik Selangor* selain membantu operasi seharian lori *compactor* dan *roro* KDEB Waste secara *real time*. KDEB Waste juga telah menetapkan di dalam prosedur operasi standard (SOP) mereka bahawa semua aduan yang diterima akan diberi maklum balas dan diselesaikan dalam tempoh 24 jam. Kesemua penambahbaikan ini akan dapat dinikmati oleh warga Subang Jaya bermula 1 Januari tahun hadapan dan kesemua ini adalah *value for money* dan setimpal dengan

bajet yang telah diperuntukkan oleh MPSJ kepada KDEB Waste. Berhubung dengan prosedur perolehan, KDEB Waste mengamalkan sistem tender terbuka sebagaimana arahan Kerajaan Negeri. Proses pemilihan akan dibuat secara telus dan berdasarkan merit oleh Jawatankuasa Tender KDEB Waste dan keputusan muktamad akan dibuat oleh Lembaga Pengarah KDEB Waste. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih. Saya dengar jawapan tadi terdapat *cross subsidy* untuk pengguna di Subang Jaya. Jadi sebagai Subang Jaya menjadi antara perbandaran yang paling kaya di Negeri Selangor, jadi adakah wajar kita teruskan *cross subsidy* kepada Subang Jaya? Saya rasa subsidi tu harus diberikan kepada Majlis Daerah yang lebih miskin dan mungkin penduduk Subang Jaya boleh bayar harga yang berpatutan.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Ya. Kos subsidi itu tidak sememangnya hanya untuk MPSJ. Dia juga terlibat PBT-PBT lain juga yang tidak mampu atau belum bayar atau tidak bayar *on time*, yang tu memerlukan kos subsidi bukan sahaja di MPSJ.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Speaker.

TUAN SPEAKER : Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat Kinrara, saya ingin tahu dengan adanya lori roro sampah KDEB yang baru ini adakah semua kawasan yang diuruskan oleh KDEB sekarang akan ada tong sampah yang baru? Ataupun mereka masih guna tong sampah yang lama?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Tong sampah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Bukit Lanjan tong sampah apa tu? Tong sampah besar? Tidak. Tong roro yang dimaksudkan tu adalah lori yang membawa tong roro. Ia untuk kutipan sampah lain selain daripada sampah domestik.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Maksudnya bukan untuk sampah domestiklah?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Bukan sampah domestik.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Sampah domestik ni kita masih gunakan lori yang biasa?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Ya. Lori *compactor*.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : *Compactor* yang biasa?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Ya. *Compactor* yang baru.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Yang baru?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Yang baru.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong? Tak hadir. Permatang.

Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 91.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : KESESAKAN TRAFIK

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- c) Nyatakan berapakah Nilai Aset, Liabiliti, Pendapatan & Perbelanjaan PKNS daripada 2015 – 2017?
- d) Nyatakan keluasan tanah yang dimiliki oleh PKNS serta anak-anak syarikat yang belum dimajukan lagi.
- e) Tanah milik PKNS di Bukit Belimbing Kuala Selangor (DUN Permatang) bilakah ianya hendak dimajukan?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Speaker dan Ahli Dewan Permatang yang bertanyakan soalan khususnya merujuk kepada aset, liabiliti dan kemampuan PKNS. Bagi jawapan (a), bagi tahun 2015 PKNS telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM609,141,000.00. Untuk tahun 2016, RM825,881,000.00 dan juga tahun 2017 RM624,358,000.00. Ini dibundarkan kepada ringgit yang paling

hampir. Manakala pada tahun 2015, perbelanjaan untuk PKNS adalah sebanyak RM462 juta, tahun 2016 perbelanjaan sekitar RM502 juta dan juga tahun 2017 perbelanjaan sebanyak RM508 juta. Jumlah aset yang dinilai atas aset-aset nilai PKNS pada tahun 2015 sebanyak RM5.4 billion, tahun 2016 RM5.9 billion dan pada tahun 2017 RM6.6 billion. Liabiliti yang ditanggung oleh PKNS daripada tahun 2015 hingga 2017, 2015 RM1 billion, tahun 2016 RM1.15 billion dan tahun 2017 RM1.74 billion. Jadi, bergantung kepada aset dan juga liabiliti yang ditanggung PKNS masih lagi dianggap berdaya saing dan boleh bertahan di samping pendapatan dan perbelanjaan yang dikira seimbang daripada hasil yang dibuat dan hasil yang dilaksanakan. Bagi keluasan tanah yang masih dimiliki PKNS dan anak-anak syarikat PKNS yang belum dimajukan sejumlah 9,016.72 ekar di seluruh Negeri Selangor belum dimajukan dengan yang paling besar adalah di Hulu Selangor seluas 6,289.17 ekar dan yang paling kecil ialah di Cameron Highlands maafkan saya di Port Dickson, di Port Dickson 0.46 ekar dan di Cameron Highlands 1.93 ekar. Untuk di seluruh Selangor yang paling kecil sekali tapak yang belum diusahakan ialah di Hulu Langat, di Kuala Langat maafkan saya iaitu sekitar 23 ekar. Manakala kalau nak tau tentang di Kuala Selangor sebanyak 142.33 ekar. Saya boleh sampaikan kepada Ahli Dewan dalam bentuk bertulis secara terperinci terhadap tanah-tanah yang belum diluaskan. Keluasan tanah milik anak-anak syarikat yang belum dimajukan, untuk yang belum dimajukan ada sekitar 108.413 ekar. Itu keluasan seluruh anak-anak syarikat yang belum dimajukan dengan Syarikat Worldwide Holding Bhd. di Subang Bestari, Petaling dan Sungai Buloh iaitu sebanyak 55.25 ekar yang belum dimajukan lagi untuk anak-anak syarikat. Ahli Yang Berhormat sekalian, untuk soalan (c) tanah milik PKNS di Bukit Belimbing, Kuala Selangor yang akan dimajukan dengan pembangunan bercampur meliputi kediaman, komersial iaitu kedai dan sebagainya adalah sebanyak 59.98 ekar dengan pecahan seperti berikut iaitu GM 1771, Lot 937 seluas 10.31 ekar dan HSD 287005, PT 3001 seluas 49.67 ekar. Dalam perancangan PKNS, tapak 10.31 ekar tersebut akan memfokuskan kepada pembangunan 120 unit rumah teres satu tingkat dengan keluasan 20' x 65' dengan anggaran harga jualan bermula daripada RM250,000.00 seunit. Manakala di atas tapak 49.67 ekar akan dimajukan dengan lain-lain pembangunan termasuk unit-unit kedai, unit-unit Rumah Selangorku dan kemudahan infrastruktur. Pada Februari 2018, PKNS telah membuat permohonan ke Majlis Daerah Kuala Selangor bagi penukaran *zoning* pertanian kepada kediaman bagi lot tapak yang seluas 10.31 ekar. Kelulusan kebenaran merancang dijangka boleh diperolehi pada awal tahun ataupun pertengahan tahun 2019 dan kelulusan pelan bangunan dijangkakan akan dapat pada tahun 2020. Kerja pembinaan dijangka akan bermula pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, perancangan pembangunan di tapak ini bergantung kepada kajian pasaran dan juga permintaan setempat. Terima kasih.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Tambahan.

TUAN SPEAKER : Seri Setia.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Sungai Tua. Saya nak tanya di kawasan Seri Setia ada rumah pangsa PKNS. Kita ada beberapa rumah pangsa PKNS. Kita hadapi masalah untuk kutipan penyelenggaraan. Mereka tidak ada JMB. Bagaimana untuk menguruskan pembayaran ataupun sampah pukal yang kadang-kadang bermasalah di kawasan-kawasan rumah pangsa PKNS ini? Atau adakah pihak PKNS ada cara untuk menubuhkan ataupun membantu mereka ini yang tidak ada JMB?

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat, saya rasa soalan ni dah jauh dah. Di antara Kuala Selangor jarak dia lebih sangat jauh terpesong tu di antara Kuala Selangor dengan Seri Setia lah jauhnya terpesong. Sebab soalan ni tentang liabiliti, aset dan sebagainya dan tanah yang perusahaan pembangunan PKNS saya rasa dah dijual dan sebagainya, itu biasanya urusan setempat. Saya rasa dah agak jauh terpesong jadi saya tak boleh nak bagi jawapannya yang spesifik untuk soalan tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Masa tamat. Sila duduk Batang Kali. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Sambungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2019 (Semua Peringkat).

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa Pembekalan. Bentara silakan. Saya menyebut Yang Berhormat Sungai Tua untuk menyambut penjelasan bagi Jadual B14 Jabatan Agama Islam Selangor. Silakan.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Saya telah menyentuh satu topik satu perkara tempoh hari khususnya daripada Sijangkang berkenaan dengan Penaik taraf Guru-guru Khafa dan kalau jumlah keseluruhan semuanya dinaikkan kepada D29 jumlah itu kita akan belanja sekitar RM141.8 juta dan pada ketika ini peruntukan sedia ada untuk pendidikan ataupun atau pun gaji untuk Guru-guru Khafa sekitar RM74 juta ringgit Malaysia. Perancangan tertentu akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Agama Islam, Bahagian Pendidikan JAIS untuk memastikan apa yang dikatakan Peningkatan, Pengupayaan Guru-guru Khafa ini dapat dibela dan di teruskan di masa-masa hadapan. Ada juga pandangan terutamanya daripada Pelabuhan Klang

dan tidak silap saya daripada Taman Templer berkenaan dengan Peperiksaan UPKK dan juga Peperiksaan PSRA.

TUAN Pengerusi: Silakan Sejangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN AHMAD HAIRI : Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang saya perlukan penjelasan yang saya tanyakan tempoh hari yang saya bahaskan tempoh hari adalah apabila Timbalan Menteri mengumumkan akan ada penyerapan Guru-guru Khafa kepada perjawatan tetap yang saya kira Selangor juga perlu mengambil peluang, saya tidak tahu sama ada akan ada perjawatan-perjawatan baru yang akan diwujudkan. Kalau sebelum ini perjawatan-perjawatan tetap ini dibekukan dan antara syarat-syaratnya adalah Guru-guru Khafa ini perlu mempunyai Diploma ataupun Ijazah Pendidikan dan saya kira sebelum ini Kerajaan Negeri telah merangsang Guru-guru Khafa ini untuk menyambung pendidikan di peringkat Diploma dan peringkat Ijazah Pendidikan yang mana disebabkan oleh ketiadaan perjawatan ini akhirnya mereka keluar dari Negeri Selangor ataupun mereka pergi ke tempat-tempat lain yang ada perjawatan tersebut. Saya juga bertanyakan berapa ramai di antara Guru-guru Khafa kita ini pada hari ini mempunyai Diploma ataupun Ijazah Pendidikan yang boleh diberi peluang ini dan apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memberikan satu insentif kepada Guru-guru Khafa ini untuk terus melanjutkan pelajaran ke peringkat pendidikan sekurang-kurangnya pendidikan untuk sebagai satu pra syarat mereka ini di letakkan dalam jawatan tetap.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang. Maksudnya pada ketika ini pihak Kerajaan Negeri belum lagi menerima apa-apa peraturan permohonan dan juga makluman daripada pihak Kementerian apakah yang dikatakan tentang penyerapan dan juga *upgrading* yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Sebentar tadi. Memang telah ada permohonan dasar yang telah dibuat oleh Timbalan Menteri namun maklumat dan pendetailannya belum dan sebaik kita dapat nanti kita bersedia untuk menyambut baik dan menyokong saranan tersebut. Dipihak Pentadbiran Kerajaan Negeri pula apabila mereka telah menjadi Penjawat Negeri kita ada beberapa peruntukan di dalam Tabung Pendidikan Negeri yang saya telah sejajarkan semula itu salah satunya adalah untuk peningkatan dan pengupayaan Penjawat-penjawat Awam Negeri Selangor untuk melanjutkan pendidikan. Setakat ini di peringkat Master dan juga PHD namun begitu kalau ada keperluan-keperluan semasa saya rasa boleh serapkan dan selaraskan untuk menggalakkan pelajar-pelajar ataupun guru-guru di sekolah Khafa ini dapat melanjutkan pendidikan di peringkat Ijazah ataupun peringkat selanjutnya. Terima kasih saya rasa jelas ya. Yang Kedua apabila di bangkitkan oleh Taman Templer dan juga Pelabuhan Klang yang berkenaan PSRA dan juga UPKK dua peperiksaan ini sememangnya berasingan kerana satu

adalah di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Negeri itu di bawah JAIS iaitu PSRA dan UPKK adalah peperiksaan di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ataupun JAKIM. Walaupun kelihatan ia membebankan tetapi PSRA dan UPKK ini adalah penilaian-penilaian yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Agama khususnya Bahagian Pendidikan untuk memastikan kelayakan mereka memasuki sekolah-sekolah yang ditawarkan sama ada di peringkat JAKIM ataupun pihak Kerajaan Negeri Selangor dan pada masa ini belum ada perancangan untuk menyatukannya di bawah satu peperiksaan namun begitu saya akan membawakan suara hati Pelabuhan Klang dan juga Templer untuk kita angkat dan perbincangkan mungkin boleh di satukan sebagaimana peperiksaan UPSR di peringkat sekolah menengah ataupun dibuat di darjah 5 sahaja jadi tidak terganggu untuk penumpuan pada darjah 6 untuk peperiksaan UPSR sebagaimana yang ada di peringkat pendidikan di sekolah kebangsaan. Saya tertarik dengan Sungai Panjang bila Sungai Panjang membangkitkan tentang kemudahan serta infrastruktur di sekolah-sekolah menengah. Untuk makluman Sungai Panjang, setelah pengambilalihan sekolah menengah agama oleh Kementerian di Peringkat Pusat pihak Kerajaan Negeri hanya membantu daripada segi utiliti iaitu bil air dan bil eklektik ataupun telefon di sekolah-sekolah menengah agama. Jadi infrastruktur dan sebagainya di bawah adalah di bawah kelolaan dan di bawah urusan pihak Jabatan Kemajuan Islam ataupun di bawah Kementerian di bawah Jabatan Perdana Menteri ataupun di peringkat pusat. Ahli Yang Berhormat sekalian berkenaan isu keseimbangan guru yang dibangkitkan oleh Bukit Malawati, saya kira ini secara keseluruhannya secara keseluruhannya keseimbangan guru di sekolah-sekolah JAIS ini memang tidak ada keseimbangan sebab kita ambil ini adalah nisbah guru-guru di Khafa di sekolah-sekolah JAIS. Untuk bilangan guru perempuan adalah sebanyak 5,699 dan untuk guru laki-laki ialah 1,188. Jadi itu telah mencerminkan apa yang dibangkitkan oleh Bukit Malawati keadaan di sekolah-sekolah apabila tidak adanya keseimbangan guru-guru laki-laki dan wanita kerana keseluruhan pun guru-guru wanita memang melebihi daripada guru-guru laki-laki di peringkat Jabatan Agama Islam. Pelabuhan Klang dalam pendidikan membangkitkan satu VOT berkenaan makanan bila saya semak adalah berkaitan dengan makanan-makanan yang disalurkan kepada anak-anak yang tinggal di asrama di sekolah-sekolah JAIS. Kalau Pendamaran minta kita kurangkan anak-anak nanti *complain* makanan tidak cukup. Jadi melibatkan makanan anak-anak kita memang jumlahnya besar ia bukan makanan-makanan pegawai-pegawai JAIS sahaja. Ini adalah melibatkan guru-guru dan juga pelajar-pelajar yang tinggal di Sekolah-sekolah Agama JAIS. Seterusnya saya juga ingin memberikan maklum balas berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Hulu Klang berkenaan dengan pentauliahan pengajaran di Negeri Selangor. Secara asasnya pihak Jabatan Agama Islam JAIS berfungsi untuk menguatkuasakan dan proses dasar dan sebagainya akan ditetapkan oleh Majlis Agama Islam. Justeru pentauliahan dan unsur-unsur perkara di bawahnya adalah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam dan

jawatankuasa yang terlibat untuk menetapkan siapa yang diberi pentauliah dan siapa yang tidak diberi pentauliah yang diketuai penah Mufti dan juga panel yang dianggotai oleh Majlis Agama Islam. Justeru Jabatan Majlis Agama Islam akan menerima senarai mereka yang lepas, mereka yang layak dan senarai-senarai itu yang akan dijelujur di masjid-masjid bagi tujuan penguatkuasaan dan perkara-perkara yang dibangkitkan. Tentang.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Terima kasih Pengerusi, terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya nak tanya soal berkaitan dengan tauliah ini. Betul la di Negeri Selangor dan juga di Negeri-negeri lain maksudnya bila kita hendak mengajar di surau ataupun bila kita nak mengajar di Masjid ini perlu dapatkan tauliah. Mereka yang hendak mengajar ini perlu mendapatkan tauliah ada proses temu duga dan ada proses saringan. Cuma kita hendak tanya maksudnya ustaz-ustaz atau pun tidak ustaz yang mendapat tauliah ini, bila dah dapat tauliah dia boleh mengajar dekat surau dan boleh mengajar dekat masjid. Yang menjadi persoalannya bila pergi mengajar dekat surau dan masjid ini siapa yang pantau. Isi pengajaran ataupun isi kuliah ataupun pentazkirah yang telah disampaikan oleh para-para ustaz ataupun para-para pendakwah ini sebab kedapatan apa yang dimaklumkan kepada kita ada di kalangan penceramah-penceramah ataupun penkuliah-penkuliah ini yang bila dapat tauliah bila mereka bertazkirah ataupun berkuliah di masjid ataupun surau mereka menghentam Kerajaan. Ini yang menjadi masalahnya jadi kita nak tahu dapat maksudnya dapat kuliah betul ambil kuliah betul tapi yang menjadi masalah kepada kita bila dah dapat kuliah mereka di surau di masjid mereka hentam Kerajaan. Ini pada saya kita harus siasat dan harus kita teliti dan perlu ada satu Jawatankuasa untuk memantau pentazkirah-pentazkirah ini. Misal kata mereka melanggar undang-undang dan juga peraturan kita hendak minta tauliah mereka ini ditarik semula. Wallahuallam.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Ini soalan ke cadangan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Dia bercampur-campur Yang Amat Berhormat. Soalan pun ada geram pun ada begitulah maksudnya.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat, saya rasa baik kita menjelaskan daripada segi dasar polisi dan peraturan dan kerja secara asasnya telah berulang kali disebutkan boleh malahan peringatan dan nasihat daripada Duli Yang maha Mulia Sultan tentang pengucapan-pengucapan berbaur politik yang boleh menjurus kepada aspek-aspek perpecahan terutama sekali di masjid dan Rumah-rumah Allah dan Rumah Ibadat. Justeru prinsip itu pertahankan dan kita dielakkan

semenjak dahulu lagi, semenjak daripada tahun 2008 lagi. Justeru pemantauan yang kita buat saya rasa pihak Kerajaan Negeri tidak mempunyai kemampuan untuk melihat dan meneliti kesemua masjid dan surau kalau kita ada keupayaan melihat dan meneliti semua masjid dan surau susah lah kita ada pula polis akidah ke, polis syariah ke di peringkat Negeri. Kita tidak ada pada tahap itu. Jadi tidak merancang untuk ke arah itu pun. Jadi bagi pandangan saya daripada masa ke semasa boleh melaporkan terperinci dan kita memberi jaminan apa-apa laporan ada gambar, rakaman, ada makluman, ada maklumat awal kita akan datang memantau dan melihat sejauh mana kecaman dan juga teguran yang dibuat terhadap pihak Kerajaan Negeri. Namun secara prinsipalnya ini prinsipal saya dan juga saya rasa prinsipal kita selaku Kerajaan kita tidak mahu mengulangi kesilapan-kesilapan Pentadbiran yang kita pernah jatuhkan sebelum ini iaitu Barisan Nasional. Mereka bertindak terlalu keras, mengharamkan, menangkap dan pada waktu itu kita menyerang mereka kerana menghalang mereka berdakwah. Bagi pihak Kerajaan Negeri kritikan, teguran boleh dibuat di *Facebook* orang kritik kita, di media orang kritik kita, di masjid orang nak kritik kita boleh tetapi asasnya adalah ilmu, asasnya adalah pengetahuan, asasnya maklumat yang benar. Kalau kritikan itu dibuat dengan dasar yang tidak tepat dan kita ambil tindakan mengikut asas-asas yang sedia ada termasuk dengan cadangan daripada pihak Templer untuk menggugurkan ataupun menafikan tauliah-tauliah yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Terima kasih sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Cuma nak tanya sikit sahaja. Kita sebagai Wakil Rakyat atau ADUN yang dipilih oleh rakyat memang lah kita sentiasa dijemput oleh pihak-pihak NGO ataupun Badan yang menganjurkan program dengan kerjasama pihak masjid tetapi dukacitanya kita diminta untuk merasmikan sesuatu program di dalam masjid kita tidak dibenarkan untuk bercakap di dalam masjid. Ini saya rasa perlu satu penjelasan ataupun arahan daripada pihak Kerajaan Negeri adakah kita-kita ini sebagai Wakil Rakyat yang dipilih sebagai melalui amalan demokrasi berparlimen di dalam negara kita ini kami tidak dibenarkan bercakap di dalam masjid sedangkan kita buklah berpolitik, kita hendak menyebutkan berkenaan IPR, kita nak menyebutkan berkenaan insentif-insentif yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada seluruh masyarakat di dalam Negeri Selangor. Ini agak mendukacitakan kita sebab bila kita sebagai Wakil Rakyat tidak dibenarkan di dalam masjid. Kita bukan hendak bercakap berkenaan politik, tidak sama sekali kerana medan politik ada di luar tapi di masjid pun kita faham kita terlalu akur dengan titah yang telah disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Kita tidak mahu berpolitik di dalam masjid. Sekian, terima kasih.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Dari semasa ke semasa sebenarnya pihak Yang Berhormat dan sebagainya boleh memohon kepada Pejabat-pejabat Agama

Daerah untuk melakukan ucapan ataupun menyampaikan satu perkara berkaitan dan ia bergantung pada kelulusan yang dikeluarkan. Sebenarnya ada sesetengah Ahli Yang Berhormat telah diberi kebenaran sementara kebenaran. Kebenaran satu minggu dua minggu atau satu ketika dua ketika atau tika-tika yang lain la. Jadi makluman tentang perkara-perkara tersebut sebenarnya boleh dirujuk apabila kita mempunyai hubungan dan berkomunikasi dengan Pejabat-pejabat Agama yang sedia ada dan ia sebagainya dibuat adalah untuk mengelakkan sebarang kontroversi dan juga mengelakkan sebarang pandangan-pandangan. Jadi kalau mereka melakukan kesilapan kita boleh tangkap dan kita boleh dakwa sebagaimana yang saya sebut sebentar tadi.

Y.B. TUAN MOHD. SANY BIN HAMZAN : Adakah menjadi dasar Yang Berhormat Ahli Politik tidak boleh diberikan tauliah?. Kisah yang telah saya sebut dalam perbahasan saya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tidak ada dasar bertulis seperti itu Yang Berhormat tapi asasnya kita cuba mengelakkan hal tersebut kerana ia acap kali mengundang walaupun kita berucap pada asasnya terhadap dasar-dasar Kerajaan Negeri tapi selaku Ahli Politik sejauh mana kita boleh mengawal upaya keupayaan kita, pasti kita akan menyebutkan sedikit. Ini la sumbangan besar Kerajaan terhadap pihak pembangunan Islam sebagai contoh. Boleh sahaja di tafsir dengan pandangan politik, ini boleh sahaja di tafsir. Jadi lebih baik kita kurangkan sedikit, namun kebenaran-kebenaran daripada masa ke semasa boleh dipohon saya rasa tersebut kepada Pejabat Agama maklumkan kepada mereka asasnya, programnya, detailnya yang akan disebut. Dan saya percaya sedia ada perbincangan di antara kedua-dua pihak di antara Pejabat Agama dan Pusat-pusat Khidmat Masyarakat untuk program-program yang sedia ada. Tidak ada bertulis *politician* ke bukan *politician* ke tidak ada. Tapi asasnya yang kita mahu ialah nak elakkan kontroversi dan cuba mengelakkan. Memang kita nak elakkan sebarang kontroversi dan sebagainya. Justeru untuk menyudahkan huraian saya tentang Hulu Kelang sebentar tadi, jadi saya sarankan tadi, ia diketuai oleh Mufti dan bagi pihak Jabatan Agama ialah pelaksanaan program-program yang didasarkan dan ditetapkan oleh Majlis Agama Islam. Jadi pihak yang terbabit termasuk nama-nama yang dibangkitkan yang kemudiannya mereka adalah Profesor dan juga Pensyarah serta Dekan di Universiti-universiti saya rasa pendekatan musyawarah dan juga muzakarah boleh dilaksanakan di antara kedua-dua pihak. Jadi boleh sahaja menulis surat kepada Mufti bermuzakarah dan bagitahu kepada pihak Mufti apakah pandangan-pandangan dan mengapa kita tidak layak dan sebagainya dan mungkin ada perkara-perkara tertentu yang terperinci khususnya berkenaan dengan hukum berkenaan dengan peraturan agama dan sebagainya yang boleh dibincangkan dalam hal tersebut. Ini dalam isu penyelesaian yang saya anggap boleh dihuraikan dengan secara harmoni dan tidak melibatkan prasangka-prasangka di antara kedua-dua pihak dan tohmahan-

tohman. Seperti tohman wahabi, tohman berkenaan dengan ajaran yang dianggap terkeluar daripada akidah Ahli Sunnah dan sebagainya supaya penjelasan-penjelasan ini dapat dilakukan dan mengelakkan ia menjadi satu perbincangan publik bukan izin saya kata perbincangan agama tidak boleh menjadi perbincangan publik. Tetapi isu pertikaian yang kadangkala menjurus kepada persoalan-persoalan yang agak terperinci ia kadangkala boleh menjerumus ke arah fitnah dan juga prasangka-prasangka yang tidak elok. Jadi saya rasa ada baiknya kita anjurkan muzakarah, perbincangan. Muzakarah ini tidak perlu majlis media saya kira. Boleh adakan di rumah boleh jemput dan saya percaya pihak Mufti atau Timbalan Mufti atau pihak yang terbabit boleh menjelaskan kenapa ditolak, apa yang perlu dipertingkatkan dan sebagainya. Ini cadangan yang tulus daripada saya. Ahli Yang Berhormat sekalian, justeru saya kira saya telah menjelaskan semua perkara-perkara yang berkaitan Jabatan Agama, namun sekali lagi mengingatkan kepada Ahli-ahli Dewan bila kita sebut tentang P ini adalah Pengurusan. Dan sebahagian daripada yang saya sebutkan ini masih lagi dalam bab Pembangunan Projek dan Program yang ada dalam boleh di bahaskan dalam P nanti. Jadi kalau nak bincang P ni kalau boleh Pengurusan, tapi tak apalah saya dah jawab juga sebahagian dan kalau boleh kita memantapkan disiplin itu terutamanya speaker untuk elakkan masa yang terlalu panjang. Ada lagi tak?. Tak ada.

Y.B. TUAN MOHD. ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Tuan Pengerusi, saya ada bangkitkan hal halal. Belum dijawab.

TUAN PENERUSI : Cukuplah, Cukup Yang Berhormat. **Jadual B14**, iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia Dua Ratus Tujuh Puluh Lima Juta Empat Ratus Dua Puluh Satu Ribu sembilan ratus tujuh puluh lapan dan sen lapan puluh untuk kepada B14 Jabatan Agama Islam Selangor menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : **Jadual B15**, Jabatan Kebajikan Masyarakat Ringgit Malaysia Dua Puluh Dua Juta Satu Ratus Ribu Enam Puluh Lima Dan Sen Sembilan Puluh.

TUAN PENERUSI : Sebelum saya izinkan ya, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat semua tumpukan kepada perbahasan untuk Jawatankuasa untuk Pengurusan ya. Jangan serong belok kepada Pembangunan. Pembangunan kita boleh masuk ke P nanti ye. Ok saya silakan Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada muka surat 118. Butiran 512000, Perkhidmatan Luar, Kod Objek 11000 Gaji dan Upahan. Tuan pengerusi, hari ini adalah Hari Orang Kurang Upaya Antarabangsa.

Izinkan saya berhujah sedikit mengenai kebajikan OKU. Jabatan kebajikan masyarakat telah menjalankan satu program khusus untuk OKU iaitu Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang telah dipelopori oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia bermula pada tahun 1984 di Batu Rakit Terengganu. Program ini berkembang dengan pesat dan mendapat permintaan. Kini di Selangor terdapat sebanyak 54 buah PDK dengan jumlah kehadiran OKU seramai 2294 orang. Saya ingin memberi tumpuan kepada petugas-petugas yang berkhidmat bertahun-tahun memberikan sepenuh perhatian dan tenaga kepada OKU ini. Mereka berkorban dan hanya dibayar *allowance* sebanyak RM800 sebulan. Bayangkan nilai ini jauh lebih rendah berbanding gaji minima yang telah ditetapkan. Apatah lagi tanpa kemudahan yang sepatutnya diterima seperti kerajaan, kakitangan kerajaan yang lain. Seramai 294 orang petugas-petugas PDK ini perlu diberikan pendapatan yang setimpal dan kewajaran dan sewajarnya. Sesuai dengan tugas mulia mereka memberi penjagaan dan pemulihan kepada OKU. Saya difahamkan Kerajaan Persekutuan yang membayar *allowance* mereka. Maka dengan ini saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri buat *top up* kepada *allowance* mereka. Saya juga difahamkan Kerajaan Johor telah membuat *top up* kepada *allowance* mereka sebanyak RM300 sebulan. Inilah atas untuk memberi kepada petugas-petugas PDK ini dan supaya mereka boleh menikmati gaji minima. Cadangan saya adalah untuk mengiktirafkan sumbangan petugas-petugas PDK selama ini dan akan meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka kepada OKU-OKU di PDK Negeri Selangor. Sekian sahaja terima kasih.

TUAN Pengerusi : Subang Jaya.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Yang Berhormat Tuan Speaker, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada butiran Program 505000 Kod Objek 11000 berkenaan Gaji dan Upahan. Yang Berhormat Tuan Pengerusi untuk makluman Dewan yang mulia ini, Subang Jaya ada hubungan erat dengan JKM. Bawah Subang Jaya sebab dalam Subang Jaya sebagai bandar ada banyak masalah kebajikan. Oleh itu, saya ambil perhatian bahawa dari tahun 2018 hingga 2019 terdapat penurunan perbelanjaan dan ini merisaukan saya sedikit. Memandangkan keadaan *work load* dengan izin JKM di Subang Jaya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, untuk menghuraikan beberapa contoh bagi di Subang Jaya untuk mereka yang mengendalikan *work load* untuk kanak-kanak. Setiap *officer* perlu mengendalikan 165 kes. Bagi mereka yang mengendalikan kes kebajikan setiap staf perlu mengendalikan 240 kes. Untuk kes kaunseling terdapat hanya satu *officer* dan beliau perlu mengendalikan 168 kes. Beban kes memang sangat berat, amat-amat berat dan ia adalah penting supaya sekurang-kurangnya staf sokongan yang dibelanja oleh negeri sekurang-kurangnya ditingkatkan atau terdapat penambahan staf untuk menyokong staf-staf persekutuan yang mengendalikan kes kebajikan. Bagi saya kalau penambahan

itu tidak boleh dibuat melalui perbelanjaan saya mencadangkan dari segi pengurusan bahawa satu penstrukturan semula dibuat di mana mungkin Jabatan Kebajikan Malaysia boleh melibatkan NGO-NGO yang mungkin perlu digazet untuk meringankan beban staf-staf JKM bukan sahaja di Subang Jaya tetapi juga di seluruh Selangor. Untuk memastikan bahawa kebajikan terutamanya untuk mereka daripada segmen B40 dijaga dengan secukupnya. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

TUAN PENERUSI : Ia, Pandamaran.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : Terima kasih Tuan Speaker. Saya merujuk kepada muka surat 120 butiran kod jumlah dia. Jumlah yang dasar sedia ada berbanding 2018 dan 2019 beza dia adalah satu juta tiga puluh ribu berkurangan dan bilangan jawatan yang sama saya ingin dapat pencerahan daripada kerajaan. Kenapa penurunan yang teruk satu juta ini, dari segi mana, gaji pun turun memandangkan kerja-kerja berat daripada JKM tu berat. Sebab peningkatan orang yang untuk meminta. Terima kasih.

TUAN PENERUSI : Kampung Tunku.

YB. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada muka surat 119, butiran program 512000 mengenai perkhidmatan luar. Jadi Kampung Tunku kesal kerana peruntukan untuk perkhidmatan luar telah menurun sebanyak lapan ratus tiga puluh empat juta enam ratus dua puluh dua ringgit dan sembilan puluh empat sen. Kerana seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Subang Jaya dan juga Yang Berhormat Pandamaran, beban kerja Jabatan Kebajikan Malaysia amat berat kerana kekurangan pekerja sosial. Namun kebajikan rakyat tidak boleh diabaikan jadi Kampung Tunku ada dua cadangan. Yang pertama untuk meningkatkan peruntukan untuk perkhidmatan luar supaya kebajikan pekerja sosial juga dijaga dan kedua berlandaskan harapan Kerajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan *Volunteerism* dengan izin kesukarelawanan antara anak muda mungkin Kerajaan Negeri Selangor boleh meningkatkan kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Malaysia dalam menganjurkan program *Volunteerism* dengan izin. Ini untuk menarik anak muda supaya terlibat dan berminat dalam bidang kebajikan atau *social work* dengan izin dan juga dalam isu kesihatan mental mungkin kerja *training of trainers* dengan izin boleh dipermudahkan melalui kerjasama dengan lebih erat dengan JKM. Terima kasih.

TUAN PENERUSI : Kota Anggerik.

YB. TUAN MOHD. NAJWAN BIN HALIMI : Terima kasih Yang Berbahagia Tuan Speaker. Saya merujuk kepada muka surat 119, butiran 512000 kod objek 424000 saya

suka untuk mencadangkan tentang apakah rancangan Kerajaan untuk membantu Pegawai-pegawai JKM ini yang terdedah kepada risiko dalam pengendalian Pusat-pusat Penjagaan dan mengendalikan mereka yang gelandangan dan mungkin ada terlibat alam HIV. Jadikan tugas mereka ini bukan sahaja tidak mengira masa tapi juga terdedah kepada risiko tercedera dan juga dijangkiti wabak-wabak yang serius ini. Jadi saya suka mencadangkan jika sekiranya pihak Kerajaan Negeri boleh mewujudkan satu skim insurans perlindungan kepada mereka ini dan apakah komitmen Kerajaan Negeri bagi memastikan usaha ini tercapai. Terima kasih.

TUAN Pengerusi : Ya Bukit Gasing.

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran : Terima kasih, saya ada dua perkara yang saya ingin bangkitkan dalam B15 muka surat 118 Pentadbiran dan Kewangan. Perkara pertama ialah berkenaan dengan gaji upahan, adakah kita hendak mengubah lokasi Pejabat JKM kerana apa yang kita ada di Daerah Petaling ialah 3 pejabat JKM. Untuk kawasan MBPJ terletak di Seksyen U5 Shah Alam, untuk kawasan Shah Alam juga terletak di Shah Alam dan untuk kawasan MPSJ terletak di Subang Jaya. Jadi untuk penduduk-penduduk di Petaling Jaya mereka terpaksa pergi jauh sampai ke Seksyen U5 Shah Alam untuk perkhidmatan JKM dan ini adalah orang yang kurang kemampuan tetapi mereka perlu mengambil teksi begitu jauh untuk sampai ke sana kerana tidak ada cara yang lain untuk sampai ke sana. Mereka yang ada kereta itu bukan penerima JKM lah. Mereka yang penerima JKM yang tulen menghadapi kesusahan untuk sampai ke sana. Kalau boleh Pejabat JKM itu haruslah kembali ke kawasan Petaling Jaya ataupun kalau tidak boleh dalam jangka masa pendek, saya harap Pejabat Cawangan Subang Jaya boleh digunakan oleh penduduk di Petaling Jaya kerana yang anehnya penduduk di kawasan Petaling Jaya di kawasan DUN Bukit Gasing, DUN Taman Medan mereka lebih cepat dan senang untuk sampai ke SS15 Subang Jaya berbanding hendak pergi Seksyen U5. Tetapi oleh kekangan sistem yang ada di JKM mereka terpaksa pergi sampai ke Seksyen U5. Jadi saya harap satu arahan dan ini tidak ada implikasi kos, arahan sahaja boleh diberi supaya Pejabat Cawangan Subang Jaya boleh menerima pemohon *walk in* daripada penduduk miskin, penduduk OKU yang perlu berurusan dengan pejabat JKM. Mungkin pemproses selepas itu boleh dibuat di Pejabat Daerah Petaling tapi *at least the walk in counter* itu mereka boleh gunakan SS15 Subang Jaya. Itu perkara yang pertama.

Perkara yang kedua, Kenderaan Dan Jentera. Saya ingin bertanya ada tak kenderaan untuk Pegawai JKM di Daerah Petaling ini mencukupi untuk mereka membuat semua tugas-tugas mereka termasuk menghantar anak jagaan daripada tempat jagaan ke mahkamah, untuk membuat lawatan ke rumah dengan sebagainya. Saya ingin mendapat kepastian dan jika tidak mencukupi sebagai sebuah negeri yang bukan

miskin, saya harap kita boleh membantu mereka untuk mendapat kelengkapan yang secukupnya supaya mereka boleh menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya. Sekian, terima kasih.

TUAN PENERUSI: Ya Rawang silakan.

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT : Terima kasih kepada Tuan Penerusi. Saya ini merujuk kepada muka surat 119 - Butiran Program 51000, Kad Objek 42000- Pembelian Dalam Negeri, so soalan saya adalah adakah pemberian bantuan untuk JKM ini sepenuhnya di tanggung oleh Kerajaan Negeri atau dia akan dikongsi dengan Kerajaan Persekutuan? Yang kedua seperti yang dikatakan tadi, Daerah Gombak menghadapi masalah yang sama juga. Jarak daripada Rawang atau DUN Kuang ke Pejabat JKM itu agak jauh mengambil 40 minit sehingga 1 jam dan orang-orang yang memerlukan bantuan JKM ini memang miskin so memang mereka menghadapi kesusahan untuk pergi ke Pejabat JKM yang terletak di DUN Sungai Tua so yang ini harap dapat penjelasan daripada pihak kerajaan dan satu lagi adalah berkenaan dengan setiap tahun untuk orang yang mendapati JKM ini kena mendaftar semula so sekarang dengan Sistem e-Kasih adakah Kerajaan Negeri akan menggunakan e-Kasih sebagai satu platform supaya mereka tidak perlu untuk membuat pendaftaran semula setiap tahun? Sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Batang Kali.

Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Dari penelitian saya terhadap B15 ini ke atas semua butiran program ataupun kod objek, ianya mengalami penurunan yang begitu ketara. Dalam setiap bajet yang akan dikemukakan untuk Tahun 2019. Apakah rasional penurunan yang sangat ketara untuk setiap objek ini? Sama ada Objek 110 hinggalah ke Objek 40000 sedangkan JKM merupakan jabatan yang begitu sinonim dengan masyarakat luar bandar terutamanya. So itu soalan saya Yang Berhormat Tuan Speaker .

TUAN PENERUSI: Bukit Melawati.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULFIKLI : Terima kasih Tuan Speaker. Saya merujuk kepada muka surat 119. Butiran Program 512000 Perkhidmatan Luar, Kod Objek 11000 –Gaji dan Upahan. Saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan Negeri, berapakah jumlah sukarelawan JKM yang berdaftar di Negeri Selangor mengikut daerah dan adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah baik manfaat yang diterima oleh para sukarelawan JKM ini memandangkan mereka telah banyak membantu rakyat Selangor khususnya dalam situasi bencana yang membantu mereka, jadi itu sahaja. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI: Taman Templer.

Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAH : Terima kasih Tuan Pengerusi. Muka surat 119 Pemberian Dalam Negeri. Saya nak ucapkan syabas dan tahniah kepada EXCO Kebajikan kita. Kira-kira dua bulan tiga bulan yang lalu, saya rasa ada satu taklimat yang diberikan kepada kita semua wakil-wakil rakyat daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat di peringkat Persekutuan. Sebab itu kalau boleh saya hendak mencadangkan juga, kalau boleh taklimat ini bukan setakat sahaja diberikan kepada kita wakil-wakil rakyat tetapi taklimat ini juga diberikan kepada Ahli Majlis dan MPKK kita sebab kita baru dapat Kerajaan Persekutuan ini, dahulu kita tahulah maksudnya ada jabatan-jabatan kerajaan yang makan dua, maksud makan dua ini dia dapat peruntukan daripada Negeri dan dia dapat peruntukan daripada Federal dan sudah tentulah peruntukan daripada Federal inilah yang merupakan peruntukan yang banyak sebab saya rasa itu perlu untuk diadakan taklimat kepada kita punya Ahli Majlis dan juga MPKK dan yang keduanya muka surat 118 Sewaan. Kita tengok sewaan ini amat tinggi sampai RM1,700,000.00 jadi kita perlukan sedikit penjelasan. Kalaulah andai kata sewaan itu dapat diturunkan mungkin peruntukan bajet itu kita boleh kita salurkan untuk kita membantu masyarakat dan juga penduduk yang memerlukan. Terima kasih Pengerusi.

TUAN PENGERUSI: Silakan Kerajaan.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih kepada Yang Berhormat sekalian yang telah mengemukakan soalan-soalan dan pertanyaan kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Saya akan cuba sebaik mungkin dan belum mendapat jawapan-jawapan yang pantas dan sebagainya. Untuk makluman semua, kita tahu Jabatan Kebajikan Masyarakat ini adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Jadi Kerajaan Negeri menambah baik di mana menambah peruntukan-peruntukan di mana yang tidak mencukupi dan memang ada penurunan secara umum telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar secara purata 5% kepada semua peruntukan-peruntukan. Mengenai jika berlaku ketidakcukupan ini untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai dua sumber untuk memohon pertimbangan penambahan. Pertama adalah daripada Kerajaan Persekutuan sendiri, di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Kebajikan dan Masyarakat dan kedua di bawah Kerajaan Negeri Selangor dan *In Sha Allah* dan saya merasakan sekiranya ada bahagian gaji dan upahan yang tidak mencukupi tentulah mereka akan mengemukakan bantahan semasa kita melakukan bajet Belanjawan baru-baru ini. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kuala Kubu kerana mengenai penambahbaikan kepada imbuhan kepada PTK,

petugas-petugas PTK. Jadi dalam masa yang singkat saya memegang EXCO Kebajikan ini, memang itu juga menjadi *concern* saya dengan izin dan memang ada dalam perancangan kita untuk kita menambahkan imbuhan mereka cuma kita perlu berbincang juga dengan Kerajaan Pusat kerana merekalah selama ini mereka yang membayar elaunnya dan untuk perkara ini akan saya bawa untuk kita bincangkan dengan Kerajaan Negeri sama ada kita dapat menambah elaun kepada mereka. Saya dalam perancangan tahun ini sebenarnya adalah untuk 2019 adalah untuk kami membantu dalam latihan kepada petugas-petugas di PTK ini, yang itu di bawah kontrol ataupun kawalan di Kerajaan Negeri tetapi elaun ini kalau kita memikirkan keseluruhan petugas PTK yang ada sekiranya Kerajaan Negeri bersetuju saya rasa ia tidak akan jadi masalah dan kita akan bawa ke depan dan kita akan bincangkan. Mengenai nisbah di antara pekerja ataupun penjawat di JKM dengan beban kerja mereka, itu kita sedia maklum dan saya merasakan bahawa perkara ini perlu diambil maklum oleh Kerajaan Pusat untuk menambah jumlah pekerjanya. Kerajaan Negeri tidak mampu untuk menambah jumlah dengan banyak. Kita ambil prihatin perkara ini dan kita akan bawa saya tahu Negeri Selangor mempunyai 6 juta penduduk kalau kita bandingkan dengan negeri-negeri lain di dalam Semenanjung maka sudah tentulah beban yang dialami oleh petugas-petugas JKM ini sangat tinggi dan saya menyokong tentang peningkatan staf ini cuma saya perlu berbincang dengan JKM kerana pengambilan staf ini bukanlah perkara yang saya boleh jawab spontan begini perlu ada unjuran, perlu ada kajian dan perlu ada persetujuan dari pihak Kerajaan Pusat. Kampung Tunku telah membangkitkan tentang Peruntukan Perkhidmatan dan saya juga ingin mengatakan bahawa memang dalam hasrat kita adalah untuk menambahkan *volunteerism* ini sukarelawan untuk membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk melaksanakan tugas atau berkhidmat kepada Kerajaan namun belum ada lagi cadangan sebelum ini untuk menambah staf daripada kalangan mereka kerana kita melanggan staf dari kalangan NGO dan sebagainya kita perlu mengikutinya ataupun memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Pusat dan tentulah sekali lagi saya menerimanya dan akan bawa dan saya tahu dan runsing dan saya dapati inilah aduan dan saya berterima kasih kepada Yang Berhormat sekalian kerana membangkitkan perkara ini, pembelaan kepada petugas-petugas Jabatan Kebajikan Masyarakat sebenarnya dan saya lihat komitmen mereka terhadap kebajikan masyarakat ini sungguh tinggi dan kadang-kadang kita pun hairan juga bagaimana mereka buat kerja sama juga dengan pusat-pusat khidmat kita memanggil mereka dan merujuk kes-kes kepada mereka. Perkara ini agak baru dan cadangan yang *fresh* saya kira jadi saya bawa ke depan dan tidak boleh memberi jawapannya sekarang. Saya nak menyebut tadi tentang perbelanjaan, tentang sewa. Sewa yang ada terpapar di sini adalah sewa untuk semua pusat-pusat khidmat ataupun pusat-pusat pejabat-pejabat kebajikan masyarakat yang ada di Negeri Selangor. Jadi perkhidmatan luar ini adalah perkhidmatan daerah, perkhidmatan pentadbiran dan kewangan itu Jabatan Kebajikan Masyarakat di

peringkat negeri dan kemudian perkhidmatan luarnya adalah di peringkat kawasan dan mengenai jarak pusat-pusat, pejabat-pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat yang dikatakan jauh dan kita diminta untuk mempertimbangkan supaya mereka ataupun rakyat dapat boleh pergi ke kaunter yang lebih dekat. Pejabat-pejabat Kebajikan Masyarakat ini sebenarnya adalah telah ditentukan oleh jabatan-jabatan Kebajikan Masyarakat di peringkat Pusat kerana dia adalah jabatan di peringkat Pusat mereka yang menentukan di mana pejabat ini terletak dan sebagainya maka sekali lagi saya mengambil cadangan ini untuk kita bincangkan sama ada boleh diselaraskan supaya ia tidak terletak begitu jauh daripada rakyat. Dan mungkin kita perlu cadangan yang baik adalah mungkin kita perlu menjadikan bahawa pusat-pusat kebajikan masyarakat ini sebagai *one-stop centre* dan kemudiannya maklumatnya disalurkan kepada negeri-negeri. Jadi, di mana sahaja yang mereka ada, mereka boleh pergi ke pejabat yang paling dekat dan kemudian maklumatnya disalurkan.

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT : Ya, ada penambahan sikit berkenaan dengan ini. Cuma sebelum ini, kita pernah mencadangkan supaya pusat khidmat boleh satu, jadi satu..

TUAN Pengerusi: Yang Berhormat, penambahan atau minta penjelasan?

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT : Penjelasan. Ya. So, ada cadangan tersebut, pusat khidmat sebagai satu *one-stop centre*. Adakah yang ini boleh dipertimbangkan?

Y.B. PUAN DR. SIRI MARIAH BINTI MAHMUD : Yang Berhormat, sebenarnya pusat khidmat masyarakat kita yang sedia ada, sebenarnya adalah secara tidak rasmi ataupun rasa memang sudah menjadi *one-stop centre* kerana bila rakyat datang kepada kita, biasanya petugas-petugas kita bertindak sebagai perantara di antara JKM dan rakyat dan biasanya, saya tidak tahu pengalaman saya yang singkat ini, kadangkala kita jemput Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk bertemu beberapa klien di tempat kita. Dan kita mendapat respon yang baik daripada mereka dan saya juga ingin mencadangkan sebenarnya tadi, Yang Berhormat Templer telah menyebut tentang taklimat yang telah diadakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor menjemput pegawai-pegawai terus daripada Putrajaya untuk menjelaskan tentang khidmat Jabatan Kebajikan Masyarakat ini. Saya ingin juga mencadangkan bahawa sebenarnya pusat-pusat khidmat Yang Berhormat sekalian boleh menjemput Pegawai Kebajikan Daerah ya, ke pejabat Yang Berhormat sekalian untuk duduk menjelaskan dan juga berdialog dengan pusat khidmat kita dan juga aktivis-aktivis kita ya, yang ada di dalam DUN kita supaya mereka tahu apakah bantuan-bantuan yang telah disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sebenarnya banyak bantuan yang telah disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Mengenai juga tentang

keperluan untuk memohon semula ya, bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, ada sebabnya Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, tidak menggunakan senarai e-Kasih ya. Jabatan Kebajikan Masyarakat, pegawainya turun sendiri untuk membuat penilaian kepada pemohon-pemohon jadi mereka ada sebab bentuk bantuan yang diberi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ini mungkin sedikit berlainan daripada apa yang disediakan oleh badan-badan lain. Badan-badan kebajikan lain yang melalui e-Kasih itu. Jadi, permohonan ini memang setelah mereka, rakyat yang menerima apa-apa bantuan sudah diberitahu tentang masa dan bila ia akan berakhir, dan mereka beberapa sebelum tempoh itu berakhir mereka diminta untuk memohon semula. Ya, ini penting kerana biasa berlaku dan pernah berlaku Yang Berhormat sekalian, bantuan orang tua dan sebagainya ya, yang telah luput dan bantuan itu masih masuk di dalam akaun mereka ini. Jadi, saya kira Pusat Khidmat Masyarakat kita boleh membantu rakyat-rakyat yang perlu untuk menyambung semula bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan saya rasa memang dilakukan oleh Pusat Khidmat Masyarakat Yang Berhormat sekalian.

Mengenai kenderaan yang dibangkitkan oleh Bukit Gasing tentang sama ada mencukupi untuk tugas atau tidak. Secara umumnya, dapat saya katakan memang, secara umumnya tidak mencukupi ya, secara umumnya. Dan memang di dalam, kalau Yang Berhormat selain melihat tentang *one-off* bantuan yang akan diberi oleh kerajaan negeri Selangor kepada JKMN Selangor adalah antaranya untuk kenderaan dan jentera sebenarnya tapi saya tak pasti ia untuk daerah ataupun untuk negeri ya. Dan, banyak lagi perkara-perkara yang diturunkan kepada JKMN dalam catatan saya ini ada satu unit lori, satu unit kereta ya dan juga pembelian-pembelian yang dimohon oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan permohonan. Jadi, saya rasa saya sudah menjawab secara umum, oh skim insurans belum. Saya tidak pasti Yang Berhormat sekalian sama ada sekarang ini kerajaan pusat sudah ada skim untuk melindungi pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat daripada risiko tercedera dan dijangkiti ini. Saya kira, ini jawapan yang perlu saya cari, beri secara bertulis ya. Sekian, Yang Berhormat.

TIMBALAN SPEAKER : Jadual B15 iaitu wang sejumlah RM22,100, 65.90 untuk Kepala B15 Jabatan Kebajikan Masyarakat menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan ya. (Ahli Dewan berkata ya). Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B16 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. RM9,795,500.00.

TUAN Pengerusi: Kuala Kubu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada muka surat 122 Butiran 5050000 Pentadbiran dan Kewangan. Kod Objek 24000 Sewaan. Tuan Pengerusi, saya dapati jumlah yang diperuntukkan untuk sewaan ini adalah RM1,089,000.00. Ini adalah satu jumlah yang sangat besar jadi saya nak tahu apa yang kita sewa kerana kalau membandingkan dengan seluruh jumlah dia hanya RM9 juta lebih, untuk sewaan sudah RM1 juta lebih. Perkara yang kedua ialah mengenai dengan kod objek 290000 Perkhidmatan Ikhtisas di mana peruntukannya RM1.2 lebih juta. Boleh saya dapatkan maklumat yang selanjutnya? Adakah ia adalah untuk melantik perunding untuk kajian tapak kepada tapak warisan yang akan disenaraikan di Unesco ataupun tapak warisan kebangsaan? Itu sahaja, terima kasih.

TUAN PENERUSI: Silakan Yang Berhormat kerajaan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Sebenarnya saya belum mendapat jawapan daripada pihak Jabatan. Sebab dia, pertanyaannya adalah agak spesifik. Mohon

TUAN PENERUSI: Jawapan bertulis nanti.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Diberi jawapan secara bertulis,

TUAN PENERUSI: Ya.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih.

TUAN PENERUSI : Jadual B16 iaitu wang sejumlah RM9,795,500.00 untuk Kepala B16, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. (Ahli Dewan berkata ya). Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar RM15,379,616.60

TUAN PENERUSI : Jadual B17 iaitu wang sejumlah RM15,379,616.60 untuk Kepala B17, Jabatan Perkhidmatan Veterinar menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. (Ahli Dewan berkata ya). Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B18 Pejabat Daerah dan Tanah Petaling RM15,281,350.40.

TUAN Pengerusi : Jadual B18 iaitu wang sejumlah RM15,281,350.40 untuk Kepala B18, Pejabat Daerah dan Tanah Petaling menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. (Ahli Dewan berkata ya). Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B19 Pejabat Daerah dan Tanah Gombak RM14,010,384.60.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Pengerusi.

TUAN Pengerusi : Ya Hulu Kelang, silakan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Saya merujuk muka surat 136, 136 Vot B19 Pejabat Daerah dan Tanah Gombak. Butiran 505000 Emolumen. Saya merujuk kepada apa yang telah saya bincangkan di peringkat dasar dengan merujuk untuk diperhalusi di peringkat Jawatankuasa. Tentang nasib peniaga-peniaga yang telah berada di kawasan susur keluar dari NKVE, EKVE ke MRR2. Ini merujuk pada satu kisah yang, mereka, terdapat pampasan yang telah dikeluarkan bagi pembinaan GLT2 ataupun MRR2 sebanyak RM180 juta. Ini adalah untuk pembayaran kepada pampasan kepada penduduk di sekitar Wilayah Persekutuan dan Selangor yang tanah dan rumah mereka terbabit dalam projek Jalan Lingkaran Tengah 2 ataupun MRR2. Menteri Kerja Raya pada masa itu, Dato' Seri S. Samy Vellu berkata pengambilan tanah di Wilayah Persekutuan membabitkan tanah di Selangor dan Wilayah Persekutuan sebanyak 94 rumah di Wilayah dan 125 rumah di Selangor. Dan dengan itu, mereka telah mendapat pampasan termasuk mereka yang dikatakan setinggian ataupun peneroka bandar, termasuk yang berniaga. Di kalangan mereka ada yang telah mendapat pampasan ganti rugi, bantuan sebahagian mereka tercicir. Jadi, saya bercakap tentang mereka yang tercicir. Yang tercicir ini, mereka mendapat surat daripada JKR yang nak menjalankan projek untuk dipindahkan ke satu lokasi termasuk lah lokasi yang ada pada kali ini. Tetapi bagi pemindahan yang terakhir, mereka tidak diberikan sebarang tempat ganti ataupun tempat untuk dia berniaga, ataupun yang tertentu kecuali dinyatakan ada pemberian bantuan dari pemaju Konsisi untuk memberikan RM8000 pukul rata pada 38 peniaga-peniaga yang meniaga di kedai situ. Ada di kalangan mereka yang terima pada dasarnya tapi ada di kalangan mereka yang tidak mahu terima tapi keseluruhan mereka berjanji mereka ingin menuntut lebih dan pada hari ini selepas 2 tahun peristiwa itu berlaku, Jawatankuasa yang menyelaraskan mereka menyatakan bahawa mereka terbuka. Sesiapa yang nak ambil RM8000 boleh ambil tetapi kalau yang tak ambil tu, dia dapat lebih kemudian, jangan merajuk yang lain itu. Dalam masa yang sama, mereka juga telah berusaha dan berjuang dan saya memberi

sokongan dan Dato' Menteri Besar yang lalu, Bukit Antarabangsa, telah bersetuju untuk memberikan tempat gantian dan telah saya dimaklumkan usaha-usaha ini telah dilakukan di peringkat Menteri Besar yang lalu dengan DO Gombak dan juga dengan MPAJ. Jadi, saya menyeru agar peruntukan yang dilakukan untuk Pengurusan, pada bajet akan datang akan ditumpukan sebahagiannya untuk membolehkan perkara ini dilakukan. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Silakan Yang Berhormat kerajaan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, pada dasarnya, apabila melibatkan soal pampasan bila berkaitan dengan tanah yang diambil untuk pembangunan dan sebagainya. Yang pertama adalah, kita kena lihat kepada hak di bawah kanun tanah negara. Sekiranya itu adalah hak bagi penghuni di atas itu, sekiranya hak tertentu, ia akan dibayar pampasan mengikut undang-undang dan sekiranya tidak ada hak di bawah undang-undang maka sebarang bayaran yang ditawarkan oleh pemaju atau mana-mana pihak ia merupakan bayaran ex gratia. Bila ex gratia itu susah tentu dia merupakan satu sagu hati. Jadi sagu hati tu sudah tentu dia tidak dapat memenuhi kehendak-kehendak pihak-pihak tertentu. Jadi, walau bagaimanapun kerajaan akan menjadi orang tengah dalam perkara ini apabila dia melibatkan khususnya satu pihak ni adalah pihak pemaju dan satu pihak ni adalah penghuni atasnya maka kita akan melihat dan membantu untuk mencari penyelesaian yang sebaiknya.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Mereka faham itu bukanlah pampasan mereka tidak berhak kepada pampasan. Mereka menerima itu sebagai ganti rugi bantuan ganti rugi iaitu bantuan. Cuma mereka merasakan bahawa ada kelainan di antara pentadbiran dahulu dan pentadbiran sekarang. Peristiwa itu berlaku ketika Pakatan Harapan berada di Selangor iaitu Pakatan Rakyat punya dasar adalah tidak ada pengusiran sehingga diberikan tempat ganti. Dan sebaik sahaja tempat itu dipaksa roboh papan tanda dinaikkan tanah hak milik kerajaan negeri Selangor. Jadi mereka makin terasalah. Macam mana mereka dilakukan sedemikian itu tanpa perundingan yang boleh di menjanjikan sesuatu yang lebih satu penyelesaiannya. Dengan ini saya berharap perkara ini dapat ditangani kerana pengharapan mereka itu lebih tinggi berbanding pengharapan daripada kerajaan sebelum ini.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya Pengerusi. Bila dikatakan tapak gantian itu dia juga ada berbagai status yang berlainan sama ada gantian itu diberikan tanah hak milik ataupun untuk sementara bagi ataupun untuk ditawarkan supaya dipajak atau sebagainya. Jadi ada berbagai keadaan. Jadi kita kena lihat keadaan sebenarnya. Yang penting adalah bila pihak penghuni kita ada hak dari segi undang-undang maka

kita kena lihat kewajaran, apakah tawaran yang diberikan itu. Dan sudah tentu kalau nak mengikut kehendak penghuni yang tidak berhak itu, maka sukar. Jadi kita kena lihat kerana sama ada dia memadai atau tidak. Kadang-kadang adalah soal subjektif. Jadi walau bagaimanapun saya kata kerajaan negeri sudi mendengar dan satu keputusan perlu dibuat dan keputusan muktamad itu perlu dipatuhi. Itu saya rasa prinsip juga harus diikuti kalau tidak, tidak dapat kita menyelesaikan masalah.

TUAN Pengerusi : Jadual B19 iaitu wang sejumlah RM14,010,384.60 untuk kepala B19 Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B20 Pejabat Daerah dan Tanah Kelang, RM14,942,977.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI : Tuan Speaker, Pengerusi?

TUAN Pengerusi : Sementa, sila.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI : Terima kasih Tuan Pengerusi. Sementa ingin membangkitkan butiran aktiviti 55,000 kod objek 11000 iaitu gaji dan upahan. Saya ingin membangkitkan tentang isu penghulu-penghulu yang ada di Daerah Kelang. Terdapat 6 penghulu mukim di Daerah Kelang yang saya kira mereka bekerja mereka begitu efisien. Dan luas kawasan yang perlu mereka jaga juga agak luas. Namun mereka tidak ada pembantu ataupun kerani di ofis penghulu ini. Jadi apabila penduduk ataupun masyarakat datang ke pejabat-pejabat penghulu untuk mendapatkan perkara-perkara yang mereka perlukan pejabat penghulu kosong. Tidak ada orang yang menjaga. Jadi Sementa ingin menyarankan agar penghulu-penghulu di Daerah Kelang diberikan seorang kerani bertugas untuk membantu mereka. Terima kasih.

TUAN Pengerusi : Sila Yang Berhormat Kerajaan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya. Terima kasih Yang Berhormat Sementa. Tuan Pengerusi tentang pembantu atau kerani untuk benda ini. Ini melibatkan isu penjawatan yang harus kita kaji cadangan Yang Berhormat Sementa tersebut.

TUAN Pengerusi : Jadual B20 iaitu wang sejumlah RM14,942,977 untuk kepala B20 Pejabat Daerah dan Tanah Kelang menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli

Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B21, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat, RM12,293,601.10.

TUAN PENERUSI : Ya, Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin berdiri untuk berbahas di bawah muka surat vot B21 muka surat 148 butiran program 505000 Khidmat Pengurusan kod objek sebagai 30000 iaitu aset. Perbahasan saya adalah berkenaan dengan kedudukan pejabat lama Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat yang terletak berdekatan dengan Stadium Jugra. Bangunan tersebut telah pun dikosongkan sejak beberapa tahun yang lepas selepas Pejabat Tanah Dan Daerah Kuala Langat di tempatkan ataupun dipindahkan ke tempat baru yang terletak tidak jauh dari mahkamah syariah Daerah Kuala Langat. Walau bagaimanapun bangunan lama yang dikosongkan itu adalah terletak di satu tempat yang sangat strategik iaitu bersebelahan sahaja dengan jalan Kelang Banting di Bandar Teluk Datuk. Dan tetapi ia telah dikosongkan. Banyak cadangan telah pun dikemukakan untuk pembangunan semula tapi sehingga sekarang masih belum ada apa-apa lagi rancangan terbaru daripada kerajaan. Ada cadangan untuk menjadikan tempat itu sebagai satu kawasan untuk taska dan juga tadika, ada juga rancangan untuk menjadikan tempat itu sebahagian daripada Stadium Jugra. Iaitu kemudahan rekreasi dan sukan untuk Kuala Langat. Ia juga berdekatan dengan banyak bangunan-bangunan lama dan bersejarah di kawasan Teluk Datuk dan mungkin boleh dijadikan sebagai satu daya tarikan pelancongan ataupun aktiviti-aktiviti kesenian ataupun kebudayaan. Apa pun sekali saya kira dari segi pengurusan harta dan aset ini pejabat perlulah melihat apakah kegunaan yang boleh yang ada pada bangunan tersebut supaya ia boleh digunakan ataupun dioptimumkan kegunaannya untuk kebaikan warga dan penduduk Kuala Langat. Begitu juga untuk warga-warga kerja bagi kerajaan di kawasan Kuala Langat ini. Sekian, terima kasih.

TUAN PENERUSI : Sila Yang Berhormat Kerajaan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Pengerusi. Ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Banting. Yang telah pun mengemukakan beberapa cadangan yang baik. Pihak kerajaan negeri ambil maklum tentang cadangan-cadangan tersebut. Terima kasih.

TUAN Pengerusi : Jadual B21 iaitu wang sejumlah RM12,293,601.10 untuk kepala B21 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata TIDAK.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B22 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat RM14,028,214.65

TUAN Pengerusi : Ya Sungai Ramal. Silakan.

Y.B. TUAN MAZWAN B. JOHAR : Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada butiran program 5526000 dan kepada aset 30,000. Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat dalam kawasan kompaun pejabat Daerah itu terbina sebuah dewan serbaguna yang terbaru, Dewan diberi nama Dewan Deman's Dewan Deman's cara sebut saya tahu saya pasti Deman's ejaannya pelik sikit. Dalam kawasan terutama Sungai Ramal ini memang sangat kekurangan dewan serbaguna. Jadi ini sesuatu yang sangat bagus dihargai tetapi baru sahaja siap. Boleh digunakan pada tahun ini. Bila saya nak gunakan untuk program sahaja terus ada kerosakan. Saya difahamkan berkenaan dengan siling runtuh tak silap saya dan ada pendawaian pun rosak, Air-cond tidak dapat berfungsi dengan baik. Dalam keadaan dewan baru sahaja siap. Jadi satu contoh yang sangat tidak baik yang dibuat oleh kita sebagai pihak kerajaan. Saya mohon aset-aset terutama daripada pihak kerajaan yang dibina ini dijaga dengan sangat cemburu dan penuh teliti sebagai contoh kepada pihak lain dan saya ingin juga bertanya mudah-mudahan dewan ini sekarang selamat dan baik pulih sempurna untuk digunakan semula memandangkan keperluan yang tinggi untuk kegunaan dewan serbaguna dalam kawasan Sungai Ramal. Terima kasih.

TUAN Pengerusi : Sila Yang Berhormat Kerajaan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Pengerusi. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Ramal. Sudah tentu pihak kerajaan akan memastikan selepas pembaikan dewan tersebut dalam keadaan terbaik sebelum dapat dibuka untuk kegunaan orang ramai. Tapi saya rasa saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa kita perlu memastikan bahawa sebarang pembinaan itu menepati piawaian keselamatan yang sepatutnya. Jadi mungkin kita akan melihat bagaimana kita dalam keadaan ini kita juga perlu melihat punca di mana pihak mana yang telah memantau projek ini dan gagal memastikan ia menepati piawaian yang diperlukan

supaya tindakan dapat diambil dan memastikan perkara seperti ini tidak berulang lagi. Terima kasih.

TUAN Pengerusi : Jadual B22 iaitu wang sejumlah RM14,028,214.65 untuk kepala B22 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat Yang tidak bersetuju sila kata TIDAK.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B23 Pejabat Daerah dan Tanah Sepang RM11,164,080.25.

TUAN Pengerusi : Dengkil.

Y.B. Tuan Adlif Syan Bin Abdullah : Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya ingin membangkitkan butiran 505000 kod objek 11000 gaji dan upahan. Dewan yang mulia, di Dengkil kita menghadapi tekanan ataupun kekangan pembangunan yang amat-amat luar biasa. Dan di Dengkil juga terbabit dengan dua kerajaan pentadbiran, Kuala Langat dan Sepang. Dan termasuk juga sedikit di Hulu Langat. Saya melihat keadaan ini apabila gaji dan upahan oleh pegawai-pegawai tadbir ini sepatutnya ditimbang agar di naikkan disebabkan faktor-faktor kerja lebihan masa contoh saya boleh bangkitkan apabila aktiviti pembangunan pengeluaran tanah daripada pemaju-pemaju yang dilihat seolah-olah mencabar kewibawaan atau kuasa pejabat pegawai-pegawai Pejabat Daerah. Ini termasuk juga dengan kekangan tugas di antara pihak Majlis Perbandaran, Penguatkuasaan, Kejuruteraan dan Pegawai Pejabat Daerah. Saya ada beberapa perkara bila membangkitkan isu penguatkuasaan akibat daripada pengeluaran-pengeluaran tanah haram ini, dia ada pertembungan kuasa dan saya mohon daripada pihak Dewan agar diberi kuasa selebihnya kepada Pejabat Daerah, Penguatkuasa melakukan atau mengambil tindakan aduan sekiranya tidak boleh selesai. Contohnya saya terpaksa berhubung dengan Pegawai Daerah Sepang agar mencadangkan beliau mengeluarkan *stop work order*. Sepatutnya benda tu selesai di peringkat Majlis Perbandaran Sepang. Dia membabitkan kebenaran merancang dan cuma di sini saya cuma bangkitkan kalau boleh dipertimbangkan, ada klausa ataupun kuasa yang lebih kepada Pegawai Daerah Sepang untuk membantu Pejabat Wakil Rakyat menangani aduan-aduan mengenai kerja-kerja tanah haram ataupun kerja-kerja tanah yang melebihi waktu, menyusahkan pengguna jalan raya, menyusahkan masyarakat sekitar. Dah, itu saja. Terima kasih.

TUAN Pengerusi: Sila Yang Berhormat kerajaan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan terima kasih juga YB Dengkil. Berkenaan dengan gaji. Gaji Pegawai Kerajaan adalah di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam. Jadi kita di peringkat negeri, kita tiada kuasa dalam perkara itu.

Yang keduanya tentang kuasa penguatkuasaan ini ya. Ia bergantung pada keadaan. Kalau sekiranya dia melibatkan tanah kerajaan, sudah tentu dia di bawah Kanun Tanah Negara di mana ia adalah punca kuasa kepada Pegawai Daerah. Dan sementara itu kalau perkara yang berkaitan dengan bangunan ataupun pembangunan iaitu yang memerlukan KN dan sebagainya, ia adalah di bawah Majlis Perbandaran ataupun Pihak Berkuasa Tempatan di mana punca kuasanya adalah sama ada Akta Kerajaan Tempatan ataupun Akta Bangunan, Jalan dan Parit. Jadi itu sebenarnya (kuasa itu) adalah jelas. Jadi tidak ada isu di mana pihak Pejabat Tanah dan Daerah tidak ada kuasa ke atas sesuatu aktiviti. Ia bergantung pada jenis aktiviti dan juga tanah juga. Jadi sekiranya kerja-kerja yang haram yang dilakukan di atas tanah kerajaan, sudah tentu ada beberapa klausa di bawah Kanun Tanah Negara termasuk Seksyen 425 di mana pencerobohan berlaku maka ada kuasa untuk pihak Pejabat Daerah dan Tanah untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Dan sekiranya bukan dengan tanah persendirian yang melibatkan pembangunan iaitu dia melibatkan pembinaan bangunan ataupun struktur lain, dia memerlukan juga permit daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Jadi saya kira itu adalah jelas. Cuma kalau pihak Pejabat ADUN menerima aduan tersebut, maka pihak Pejabat ADUN perlu menyalurkan aduan tersebut kepada jabatan yang berkenaan (yang berkaitan) sama ada Pejabat Tanah dan Daerah ataupun Pihak Berkuasa Tempatan. Terima kasih.

TUAN PENERUSI: Jadual B23 iaitu wang sejumlah RM11,164,080.25 untuk kepala B23 Pejabat Daerah dan Tanah Sepang menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata 'ya', Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata 'tidak'. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B24 (Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor) RM12,292,104.85.

TUAN PENERUSI: Ya sila.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Terima kasih Tuan Pengerusi. Muka surat 167, butiran program 505000 – Khidmat Pengurusan, kod objek 28000 – Penyelenggaraan Pembaikan Kecil.

Untuk makluman Tuan Speaker dan Yang Berhormat,

Telah berlaku pengurangan dalam bajet daripada RM649,400 kepada RM550,430. Untuk makluman Tuan Pengerusi dan juga pihak kerajaan, di Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor ada masalah dari segi bangunannya yang uzur ataupun perlu ada baik pulih. Contohnya bilik-bilik. Saya mendapati silingnya hampir roboh. Jadi saya pernah tanya pada pegawai di jabatan berkenaan, bolehkah menggunakan peruntukan Adun sendiri? Sebab saya nak bantu. Tapi memandangkan peruntukan Adun tak berapa nak cukup, jadi saya minta jasa baik pihak Dewan untuk mempertimbangkan pada tahun hadapan untuk pembaikan ataupun baik pulih untuk pejabat ataupun bangunan Daerah Kuala Selangor. Terima kasih.

TUAN PENERUSI: Sila Yang Berhormat kerajaan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Terima kasih Tuan Pengerusi.

TUAN PENERUSI: Sebentar Yang Berhormat, ada Ijok minta.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rujuk pada peruntukan kepada Pejabat Daerah Kuala Selangor yang muka surat 169 dan juga pada muka surat 168 – Pengurusan Tanah, butiran 525000.

Saya nak tegur sikit sebab pengurusan tanah yang telah tergendala di kawasan Ijok. Ini pasal pemberian tanah di Kampung Keretapi, Kampung Seri Sentosa, Kampung Seri Aman. Dah lebih lima tahun dan dulu saya telah diberitahu pada oleh sebab oleh Pejabat Tanah, dia akan selesai pada tahun lepas. Tetapi hampir sekarang, pengurusan tanah untuk nak membahagi-bahagikan tanah masih belum selesai. Jadi oleh sebab peruntukan yang kurang, adakah Pejabat Tanah ada kemampuan untuk menyelesaikannya? Itu saya nak tanya pada pihak kerajaan.

TUAN PENERUSI : Sila Yang Berhormat kerajaan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya, terima kasih YB Jeram dan juga YB Ijok. Berkenaan dengan yang dibangkitkan oleh YB Jeram tentang keadaan yang uzur pejabat tanah daerah, peruntukan yang diberikan (disediakan) di sini termasuk juga pembaikan dan baik pulih pejabat. Jadi kerajaan sudah mengambil tindakan dan telah pun dimasukkan dalam bajet sekarang ini.

Dan juga perkara yang dibangkitkan oleh YB Jeram. Sekarang ini adalah di peringkat pengukuran tanah. Jadi dalam tindakan JUPEM. Jadi kita perlu menunggu JUPEM untuk menyiapkan pengukuran, maka kerja selanjutnya dapat dilaksanakan. Terima kasih.

TUAN Pengerusi: Jadual B24 iaitu wang sejumlah RM12,292,104.85 untuk kepala B24 – Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata 'ya', Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata 'tidak'. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B25 – Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor RM12,877,534.30.

TUAN Pengerusi: Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih Tuan Pengerusi. Perbincangan saya mungkin tidak perlu dijawab tapi saya nak bahas di sini. Saya merujuk kepada muka surat 172 – butiran 505000, kod objek 11000 (gaji dan upahan).

Tuan Pengerusi,

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Pegawai DO kerana saya difahamkan beliau akan berpindah ke tempat lain atas sebab naik pangkat. Saya berterima kasih kepada beliau yang berkhidmat di Hulu Selangor selama empat tahun ini kerana tiga sebab :-

- a) Beliau telah menjadikan Hulu Selangor sebagai satu tempat yang bebas daripada pencurian pasir;
- b) Beliau telah menyiapkan kerja-kerja persempadanan semula. Bukan saja SPR ada persempadanan semula, Pejabat Daerah juga ada persempadanan semula. Mukim untuk kawasan Rasa dan Batang Kali dan seterusnya memudahkan kerajaan negeri (inilah Adun saya) yang menolong menyerahkan borang *and* Notis Borang 5A kepada penduduk-penduduk);
- c) Beliau adalah seorang pencinta sejarah, maka amat sesuai di Kuala Kubu Baharu yang penuh dengan sejarah. Galeri Sejarah Kuala Kubu Baharu telah menggunakan kuarters kerajaan dan beliau yang membenarkan dan mengenakan sewaan yang murah. Itu saja. Terima kasih.

TUAN Pengerusi: Sila Yang Berhormat kerajaan. Tak ada? Oh tidak ada ini. Isu sejarah eh? Baik. Jadual B25 iaitu wang sejumlah RM12,877,534.30 untuk kepala

B25 (Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor) menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata 'ya', Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata 'tidak'. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B26 – Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam RM13,238,436.60.

TUAN Pengerusi: Jadual B26 iaitu wang sejumlah RM13,238,436.60 untuk kepada B26 (Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam) menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata 'ya', Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata 'tidak'. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B27 – Jabatan Kehakiman Syariah RM37,791,985.15.

TUAN Pengerusi: Ya Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Pengerusi. Saya merujuk muka surat 182, kod 54100 (gaji dan upahan) iaitu ini berkenaan dengan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor yang merupakan sebahagian daripada apa yang dikatakan insitisi agama negara yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya cukup gembira dan bersyukur kerana selama kita meluluskan belanjawan bagi jabatan ini, prestasinya makin meningkat dan terus meningkat. Apabila saya bercakap tentang isu Jabatan Kehakiman Negara pada tahun lepas, kita menggambarkan suasana gah yang ada itu, dia menzahirkan kepimpinan yang baik di kalangan kakitangan dan terbuka dari segi PR. Saya senang untuk berada di sana, berbincang dengan beberapa pegawai termasuklah Ketua Hakim Syariah sendiri. Jadi apa yang saya nak nyatakan ini adalah satu peristiwa yang kita patut bangga di Selangor kerana dalam Pilihan Raya yang lalu, hampir semua Ketua Hakim Negeri-negeri telah berada di Jerai untuk mempertahankan kemenangan menteri mereka. Sepatutnya tidak begitu. Kecuali Selangor dan satu negeri yang lain. Kita ucapkan syabas. Saya rasa bangga dan bahagia kerana kita mempunyai Ketua Hakim Syariah yang mempunyai prinsip yang jelas yang tidak menggadaikan prinsip. Jadi itu adalah satu perkara yang saya ingin tegaskan kerana apa yang kita buat pada hari ini ada kesannya. Apa yang kita timbangkan pada hari ini ada kesan kebaikannya dan keberkatan itulah yang kita nak dan dengan keberkatan itu saya bersyukur kerana apabila seorang hakim menggadaikan prinsip

TUAN Pengerusi: Boleh Yang Berhormat duduk sebentar, Yang Berhormat? Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan perlu bersidang semula.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 1 tengah hari, dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 petang)

(Dewan Disambung Semula)

(Tuan Timbalan Speaker Mempengerusikan)

TUAN Pengerusi: Selamat petang Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa. Kita masih di B27. Silakan Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : *Bismillahirrahmanirrahim.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bercakap tentang Jabatan Kehakiman Syariah. Di mana pada pilihan raya yang lalu, sebahagian besar daripada ketua-ketua hakim syarie negeri selain daripada Selangor yang berpegang kepada prinsip yang betul dalam pergi ke Jerai untuk menyokong dan berkempen menggunakan sumber-sumber daripada jabatan untuk memenangkan menteri di Jabatan Perdana Menteri. Pendekatan itu adalah satu pendekatan yang salah kerana apabila seseorang itu menang sebagai Ahli Parlimen (menjadi Menteri), tugasnya adalah untuk mewakili kerajaan dan pentadbiran kerajaan semata-mata. Apabila dia bertanding dalam pilihan raya seterusnya, dia tidak berhak untuk dibantu ataupun menyeru agar dibantu oleh satu jentera yang dananya, personaliti dan sebagainya adalah orang-orang yang mewakili satu-satu institusi yang terhormat iaitu yang saya nyatakan tadi sebagai institusi agama negara. Jadi itu merupakan satu perkara yang penting yang kesan kepada kita membuat keputusan di sini ada keberkatannya. Apabila kita memberi input yang baik, kita teliti dalam memberi pandangan, kita menghalusi sesuatu cadangan dan kita menekankan bahawa setiap sen yang diberikan oleh rakyat dan diluluskan dalam bajet ini bererti digunakan dengan betul, dengan baik dalam pentadbiran kerajaan negeri dan institusi di bawahnya.

Dan saya ingin merakamkan rasa bangga saya, bersyukur saya kepada pasukan Jabatan Hakim Syarie Selangor yang tidak terkesan pun walaupun dia mendapat tentangan dan tekanan yang hebat. Kalau kita ingin senaraikan untuk rekod ya yang hadir pada masa itu adalah Ketua Hakim Syarie Wilayah Persekutuan, Ketua Hakim Syarie Pulau Pinang, Ketua Hakim Syarie Terengganu, Ketua Hakim Syarie Perak, Hakim Rayuan Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Pakar Rujuk Jabatan Kehakiman Syarie Malaysia, Hakim Mahkamah Tinggi Syarie Perak, Hakim Mahkamah Tinggi Syarie Wilayah Persekutuan, Hakim Mahkamah Tinggi Syarie Negeri Sembilan, Hakim Mahkamah Tinggi Syarie Wilayah Persekutuan, Hakim Mahkamah Tinggi Syarie Pahang, Hakim Mahkamah Tinggi Syarie Wilayah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rendah Syarie Wilayah Persekutuan. Saya nyatakan ini kerana kita perlu menginsafi bahawa imej Islam terjejas dengan perbuatan orang-orang yang ini. Mereka berada di tempat yang tinggi iaitu Ketua Hakim, Hakim Rayuan dan hakim-hakim ini mempunyai kredibiliti yang tidak

boleh dipertikaikan sepatutnya. Apabila dia telah bias dan dia (motif dia) telah pergi turun kempen dengan jentera, dengan kakitangan pejabat yang ramai (ada sampai 30 orang) tujuannya adalah untuk memenangkan seorang yang kalau menang akan melantik mereka semula ke jawatan. Apabila seseorang itu mempunyai cita-cita untuk menjadi hakim dan bekerja untuk terus menjadi hakim, kita pun rasa segan dan malu kepada masyarakat bukan Islam yang memandang di manakah *corrupt* nya. Istilah yang telah dikemukakan dalam beberapa komen ia adalah *corrupt practices* yang tidak patut dibenarkan.

Jadi dengan itu saya ingin Dewan kita yang mulia ini merakamkan rasa penghargaan yang sangat tinggi pada Ketua Hakim Syariah Selangor yang di bawah pimpinan dan pentadbiran peruntukan kewangan yang diputuskan di Dewan Negeri ini (Dewan yang mulia ini) kita telah mempunyai mereka yang ada integriti yang tinggi, kredibiliti yang tinggi, amanah yang tinggi dan sifat ketakwaan yang membolehkan mereka mengadili sesuatu kes itu dengan aman dan tenteram. Itu saya mohon agar peruntukan ini diberikan seadanya dan diberikan sokongan yang padu. Terima kasih.

TUAN Pengerusi: Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN AHMAD HAIRI : Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya saya nak mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor dan juga kerajaan negeri Selangor yang saya kira pada hari ini dapat memperkasakan institusi kehakiman ataupun secara khususnya saya nak menyebutkan bahawa prasarana ataupun infrastruktur Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Selangor ini dapat dipertingkatkan sekurang-kurangnya.

Saya merujuk kepada butiran 541000 (24000 – sewaan) muka surat 182. Kita membelanjakan lebih daripada RM17juta pada tahun 2018 dan anggaran pada tahun 2019 lebih daripada RM18juta untuk tujuan sewaan. Walaupun tadi saya sebutkan telah diperkasakan institusi ataupun Kompleks-kompleks Kehakiman Syariah Negeri Selangor, tetapi saya kira ianya juga menjadi bebanan kepada kerajaan negeri dengan sistem pembangunan yang ada. Bahkan lagi apabila kita dapat maklumat bahawa banyak perkara-perkara yang melibatkan pembangunan kompleks itu ataupun apabila telah siap, banyak kerosakan-kerosakan yang saya kira tidak munasabah dan sangat mengecewakan kerana syarikat tidak bertanggungjawab lagi dikatakan bahawa sudah tidak bertanggungjawab di atas segala kerosakan yang berlaku. Walhal ada sebahagian daripada pembangunan itu termasuklah (saya dimaklumkan) sistem audiovisualnya yang tidak berfungsi sejak daripada awal lagi, sistem mombornya tidak berfungsi dan banyak lagi perkara-perkara yang sangat mengecewakan di dalam

pembangunan ataupun pemerksaan Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Selangor ini.

lanya juga memberikan kesan yang tidak baik apabila berlaku juga pecahan cermin, pintu yang secara tiba-tiba (bukan sekali, bahkan lebih daripada itu) terutamanya di Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Selangor di Shah Alam ini. Jadi saya nak tahu

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Minta penjelasan. Saya nak tahu daripada YB Sijangkang, siapakah Exco yang ditanggungjawabkan untuk memantau perjalanan Jabatan Kehakiman Syariah?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Hulu Kelang. Sudah tentunyalah Exco Agama dipertanggungjawabkan dan ini juga sebahagian daripada urusan hal ehwal agama Islam di negeri Selangor.

Saya kira dengan perkara-perkara yang berlaku tempoh hari yang saya percaya juga tafsiran kerosakan terutamanya berkaitan dengan kefungisian yang telah dianggarkan juga oleh pihak Kerja Raya dan ada perkiraan di situ pertimbangan untuk meminta supaya pemaju untuk mengambil tanggungjawab ini. Dan saya tidak tahu status dia pada hari ini. Kalau boleh kerajaan negeri memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini apakah statusnya pada hari ini. Segala kerosakan-kerosakan yang pada pemikiran kita sepatutnya masih lagi menjadi tanggungjawab kepada pemaju tetapi disebabkan oleh (saya ingat) perjanjian-perjanjian yang agak berat sebelah pada pemikiran saya yang akhirnya kerajaan negeri terpaksa ataupun terpaksa menanggung segala perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Mungkin kerajaan negeri boleh memberikan *detail* nya termasuk daripada anggaran keperluan untuk baik pulih tadi yang terpaksa ditanggung dan apakah keputusan terakhir? Adakah ia diserahkan semula secara keseluruhannya kepada kerajaan negeri kerana dia satu kompleks kehakiman, Bahkan kompleks-kompleks yang lain di peringkat daerah juga terlibat dengan perkara-perkara seperti ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Taman Medan.

TUAN PENERUSI: Silakan Taman Medan.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : *Bismillahirrahmanirrahim.* Assalamualaikum W.B.T. Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negeri Selangor. Saya turut terpanggil untuk sama-sama berkongsi dan juga untuk memberikan beberapa butiran-butiran yang berkait dengan kenaikan kadar peruntukan yang diperuntukkan kepada Jabatan Kehakiman Syariah Selangor.

Saya ucapkan syabas kepada pihak kerajaan negeri di atas keprihatinan untuk memartabatkan institusi kehakiman syariah di negeri Selangor yang saya lihat sejak Pakatan Harapan mentadbir negeri Selangor, sudah ada peningkatan dari sudut kualiti dan juga dari segi bagaimana melaksanakan tanggungjawab terutamanya ada beberapa elemen seperti mana yang saya tertarik bila adanya satu program yang dinamakan sebagai '*fast track*' pada hal menyelesaikan urusan perceraian. Walaupun perceraian ini sesuatu yang (perkara yang) hendak ataupun wajar dielakkan, tetapi bilamana urusan itu disulitkan, ia adalah sesuatu yang boleh membawa mudarat kepada sebelah pihak terutamanya di sebelah wanita. Lalu apa yang saya dapat maklumat daripada pihak Jabatan Kehakiman Syariah Selangor ialah sasaran mereka untuk menetapkan bahawa kes itu diselesaikan dalam tempoh 6 jam. Tapi ada syarat. Tidak semua kes.

Antara syarat-syaratnya ialah (saya kongsi dengan Ahli-ahli Dewan, Yang Berhormat sekalian). Antaranya yang pertamanya kalau '*fast track*' ini ialah :-

- a) Kedua-dua pihak hendaklah ada kepersetujuan untuk mendaftarkan (memohon) perceraian;
- b) Tidak ada sebarang tuntutan bertindih dalam proses tersebut seperti tuntutan harta sepencarian dan juga penjagaan anak (maknya diasingkan);
- c) (Tidak) wanita yang terbabit dalam perceraian itu tidak berada dalam keadaan suci (dalam keadaan haid, maka dia tidak boleh bercerai. Bukan tidak boleh, haram hukumnya walaupun sah kerana dibimbangi mendatangi mudarat);
- d) Tidak bersama selama sepuluh hari. Kalau bersama bimbang ada meninggalkan sesuatu.

Ya syarat-syarat itulah difahamkan. Tetapi begitu juga ia juga sesuatu yang memang boleh diaplikasikan di seluruh peringkat yang mana ia sebagai satu daripada kayu ukur (penanda aras) kepada peningkatan kualiti yang dilaksanakan khidmatnya oleh Jabatan Kehakiman Syariah Selangor melalui pelaksanaannya di peringkat mahkamah ke mahkamah syariah ya. Dan begitu juga saya melihat peningkatan kualiti itu juga perlu dalam banyak kes-kes yang lain. Kes-kes umpamanya maaf dengan izin saya mohon kes poligami umpamanya. Orang ber *complain* beritahu "*macam mana ni? Susah sangat sampai setahun*". Saya kata "*tengoklah, kalau berjaya memberikan keyakinan kepada pihak mahkamah, tak ada masalah*". Tetapi itulah kita lihat ada beberapa elemen.

Kemudian dari segi umpamanya pengurusan Mahkamah Syariah perlu dipertingkatkan dengan menggunakan dana yang membiayai dengan peruntukan tersebut dari segi bagaimana fizikal mahkamah-mahkamah syariah seperti mana yang dinyatakan oleh

Ahli Yang Berhormat dari Sijangkang tadi yang menyentuh tentang keadaan fizikal ataupun prasarana di Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Selangor di Shah Alam yang saya sendiri tengok memang agak uzur, agak suram. Kadang-kadang orang pergi Mahkamah Syariah ni dia ada satu perasaan tertentu yang dia rasakan sebagai kebimbangan tidak akan beroleh apa yang diinginkan.

Saya juga merujuk umpamanya dalam apa yang saya lihat dengan saya merujuk kepada laman web Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor, ada satu rujukan yang saya nak rujuk tentang bagaimana untuk nak menghubungi Mahkamah Syariah kalau nak mendapatkan maklumat-maklumat. Apa yang dipaparkan antaranya ialah Mahkamah Rendah Syariah Daerah Petaling didapati talian tetapnya tergendala. Bertarikh 4 Julai 2018 pada jam 9.00 pagi dan talian untuk menghubungi mahkamah itu hanya boleh dihubungi dengan satu nombor telefon bimbit bernombor 011-35935586. Saya tidak pasti pihak mahkamah syariah menyedari keadaan itu atau tidak yang kadang-kadang boleh menyukarkan usaha. Bila telefon gunakan talian telefon selular ataupun telefon bimbit kadang-kadang bateri habis. Pada waktu pejabat ni. Saya pernah cuba hubungi nombor ini tapi '*nombor yang anda dail tidak dapat dihubungi*'. Sampai macam tu. Ini mahkamah syariah. Satu yang perlu dipertingkatkan kualitasnya.

Dan saya juga menyanjung ada beberapa program seperti mahkamah turun padang seperti mana dilaksanakan di DUN Semenyih. Pergi ke perkampungan orang asli untuk kes-kes yang berkaitan dengan umpamanya kes permohonan wali hakim yang membabitkan golongan orang asal sebagainya. Saya begitu berasa gembira kerana inilah contoh yang ditunjukkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor yang wajar dicontohi oleh mana-mana institusi kehakiman syariah di negeri-negeri lain di seluruh Malaysia. Dan saya ucapkan syabas, tahniah. Mudah-mudahan akan lebih dipertingkatkan lagi, diperkasakan dan juga ditambah lagi kualiti dari segi bagaimana melaksanakan tanggungjawab tersebut.

Jadi saya dengan izin untuk sama-sama dengan Ahli-ahli Dewan Yang Berhormat sekalian untuk menyarankan agar belanjawan ini kepada peruntukan kepada Mahkamah Syariah ataupun Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor ini agar dapat diluluskan. Sekian, terima kasih.

TUAN Pengerusi: Sila Yang Berhormat Kerajaan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Saya mengambil bahagian ini bagi pihak Menteri Besar. Sepertimana yang dinyatakan isu yang dibangkitkan Sijangkang iaitu tentang Kompleks Kehakiman yang telah pun yang pada dulunya dibina ataupun dibuat pembinaannya ada beberapa perkara yang tidak sempurna disitu dan saya ingat seawal 2016 lagi pihak

Jawatankuasa Audit telah pun turun padang dan telah pun mengenalpasti tentang masalah-masalah yang dibangkitkan. Tinggal lagi kita mengharapkan untuk maklumat atau pun soalan yang ditanyakan itu sebenarnya dalam Kod 541, minta maaf dalam Kod Pentadbiran dan Kewangan, Kod 541001 iaitu dasar baru iaitu sejumlah RM800,000.00 telah diperuntukkan untuk penyelenggaraan bangunan-bangunan ibu pejabat, yang mana kontraktor. Perlantikan kontraktor bidang *facilities management* telah pun dilaksanakan. Tinggal lagi saya belum ada lagi maklumat tentang apakah status yang kita kenakan kepada kontraktor-kontraktor yang telah pun tidak dapat melaksanakan ataupun tidak dapat membuat bangunan tersebut dengan sempurna. Itu saya perlukan sedikit masa untuk memberikan jawapan. Satu lagi tentang Taman Medan telah bertanya saya nak jawab macam inilah. Mestilah yang bertanya lebih faham tentang apakah jawapannya. Iaitu *fast track* saya akui sebenarnya di Selangor satu-satunya negeri telah mengumumkan *fast track* perceraian. Bukan untuk menggalakkan perceraian Tuan Timbalan Pengerusi, tetapi sebenarnya untuk memudahkan. Tetapi perceraian itu yang ini dimaklumkan jika ia nya tidak behadapan dengan empat syarat yang ditentukan itu, mereka boleh ataupun pentadbiran boleh menjatuhkan dalam masa 24 jam sahaja. Jadi inilah satu-satunya negeri yang mana Jabatan Kehakimannya telahpun diperkasakan, diberdayakan bukan sahaja dalam aspek perceraian, tetapi isu-isu kadang kala Jabatan Kehakiman tidak lagi menguruskan prosiding ataupun pendengaran itu hanya di kompleks-kompleks mahkamah, tetapi mereka turun padang untuk menyelesaikan masalah. Jadi itu sahaja yang saya nak jawab. Tentang lagi talian yang dapat dihubungi itu In Sha Allah saya akan panjangkan untuk ia nya diperbaiki. Terima kasih.

TUAN PENERUSI: Jadual B27, iaitu wang sejumlah RM37,791,985.15 untuk kepala B27, Jabatan Kehakiman Syariah menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B29, Perbendaharaan Negeri. Perbelanjaan am. RM140,449,311.85.

TUAN PENERUSI: Kuala Kubu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum ini saya nak tanya kenapa tak ada B28. Sekejap macam ingat tak *print* kan ok saya teruskan untuk B29. Saya rujuk kepada butiran 508010, Kod Objek 11000. Gaji dan upahan. Tuan Pengerusi saya nampak Perbendaharaan Negeri Selangor agak berlainan dengan perbelanjaan bekalan bagi jabatan-jabatan lain. Kerana dia tiba-tiba wujudkan satu RM5,000,000.00 juta. Sebelum ini macam tak ada gaji, RM10.00. Ini berikutan dengan juga perbelanjaan perjalanan saya rasa berkaitan. Jadi kita tak faham macam ada sikit apa *transformation* ataupun apa. Saya rujuk kepada lagi satu

kod 42000, pemberian dalam negeri. Di mana peruntukannya diturunkan daripada RM92,000,000.00 ke RM56,000,000.00. Adakah pemberian dalam negeri ini adalah merujuk kepada program air percuma atau pun apa-apa program IPR dimasuk di sini?. Kalau kita ada senarai lebih senang untuk kita memahami Perbendaharaan Negeri Selangor ini berkenaan dengan perkara ini. Itu sahaja.

TUAN PENERUSI: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih untuk menyambung apa yang dibangkitkan oleh Kuala Kubu Baharu. Cuma nak tanya apakah perbelanjaan yang dijangka ini dalam 42000 bernilai RM57,000,000.00 kerana ini adalah angka yang sangat besar dan mungkin patut ada pecahan sedikit dan juga 52000 pada muka surat seterusnya muka surat 187 ada RM68,000,000.00. Jadi apa yang dijangka akan dibelanja dengan wang ini.

TUAN PENERUSI: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Pengerusi. Merujuk kepada muka surat 186, kod objek sebagai 41000, biasiswa dan bantuan pelajaran. Setahu saya peruntukan ini diletakkan di bawah Pejabat Menteri Besar sebegini iaitu biasiswa dan bantuan. Di mana terdapat satu projek yang dinamakan *Brain Bank*. *Brain Bank* ini adalah untuk menawarkan tempat bagi rakyat Malaysia yang berpotensi dan ditawarkan membuat PHD dalam bidang-bidang yang khusus untuk diberikan bantuan. Sebagaimana yang saya maklum, bahawa program ini telah dijalankan tapi yang peliknya tidak ada lagi penerima. Jadi kita nak penjelasan tentang di sinilah tentang tempat *Brain Bank* itu hendaklah dihuraikan. Kemudian merujuk kepada kod 42000. Pemberian elaun negeri, saya minta penjelasan kenapa angkanya begitu besar RM92,000,000.00 pada tahun depan akan diberikan RM56.99 juta dan satu lagi adalah tentang kod 4000 muka surat bawahnya iaitu pemberian berkenaan elaun tetap yang besar bilangannya RM107,000,000.00 juta menjadi RM56.99 juta. Sila bagi penjelasan.

TUAN PENERUSI: Ya, sila Yang Berhormat Kerajaan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Terima kasih Pengerusi, yang pertama saya ucapkan terima kasih kepada Hulu Kelang, kepada Bukit Gasing dan juga Kuala Kubu Baharu yang telah pun membangkitkan beberapa soalan. Saya jawab yang pertama dahulu di bawah butiran 508010 di bawah 41000, biasiswa, derma siswa dan bantuan pelajaran. Saya kira soalan telah pun dijawab semasa penggulungan Yang Amat Berhormat tempoh hari yang mana kita telah satukan dan letak dalam satu tabung maka kita tinggalkan kepala itu sahaja. Jadi apabila ada RM10.00 itu bererti masih wujud tapi mungkin untuk tempoh masa tidak diperlukan ataupun telahpun disalurkan kepada tabung. Sebab itu dia menunjukkan RM10.00 itu adalah kita perlu untuk mengekalkannya untuk masa hadapan juga dan belum dikeluarkan daripada

perancangan kerajaan khususnya dalam perbelanjaan pentadbiran ini dan soalan daripada Kuala Kubu Baharu tadi yang nombor tak ada 28, itu cuma nombor dulu ada dikeluarkan. Jadi tidak menjadi isu. Ini hanya penomboran sebab sebelum ini ada jabatan tertentu perlukan kemudian telahpun disatukan, dikeluarkan. Jadi tidak dikekalkan nombor itu kerana yang nombor 29,30 itu dia kekal. Jadi mungkin akan menimbulkan kekeliruan sekiranya kita sambung balik nombor tersebut. Saya percaya Yang Berhormat faham sebab ini umpama B1 untuk Pejabat Menteri Besar. Jadi B2 dia ada jabatan tertentu. Mungkin B2 itu dikeluarkan tetapi B3 juga kekal. Jadi untuk mengelakkan kekeliruan maka tidak diulangi, dikosongkan di B02 itu. Jadi B28 adalah dalam keadaan yang sama juga. Di mana kita kosongkan, kita gunakan tapi tidak menjejaskan perbelanjaan kita sebab sama angka, yang penting adalah di manakah perbelanjaan, anggaran kita di mana, di mana kita belanja, di mana kita nak belanja untuk pengurusan, di mana kita nak belanja untuk pembangunan. Itu memang kita bukan bererti bila kita keluarkan B28 duit itu lenyap. Tidak. Memang tidak ada peruntukan untuk kepada tersebut. Ini cuma dalam apa itu *accounting purposes* dia ada penomboran dan ikut jabatan yang sebelum ini dan untuk soalan daripada Hulu Kelang juga, sebenarnya dalam pemberian elaun tetap ini dia sebenarnya ada pengurangan, bajetnya kurang daripada RM107,498,505.00 kepada RM56,990,080.00 dan ini adalah satu pengurangan kerana dalam keadaan kita telah pun mengurangkan banyak bajet dan juga dalam pemberian ini juga telah pun kita kurangkan sebab dari segi kos pentadbiran juga ada terjejas sedikit. Jadi secara umumnya, pemotongan sebanyak 5% ke atas peruntukan mengurus sedia ada jabatan dan agensi telah pun dilaksanakan. Jadi dengan jumlah keseluruhan RM51.9 juta ini jumlah yang besar. Jadi walau bagaimanapun, bagi peruntukan emolumen, pemotongan 5% hanya dibuat selepas mengambil kira kenaikan 3% pada tahun 2019. Untuk makluman, walaupun pemotongan 5% kepada peruntukan mengurus sedia ada dilaksanakan. Kerajaan Negeri Selangor telah mempertimbangkan permohonan-permohonan baru di bawah dasar baru dan *one off* bagi memastikan penyampaian perkhidmatan jabatan-jabatan tidak terjejas dengan pengurangan perbelanjaan mengguna mengurus ini, jabatan diharapkan dapat mengoptimumkan perbelanjaan dan juga mengamalkan perbelanjaan yang berhemah, yang itu sahaja jawapan saya. Terima kasih.

TUAN Pengerusi: Jadual B29, iaitu wang sejumlah RM140,449,311.85 untuk kepala B29, Perbendaharaan Negeri perbelanjaan am menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang setuju sila kata ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B30, Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor. RM2,226,290.00.

TUAN Pengerusi: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Pengerusi. Saya ingin timbulkan isu ini dan ia merupakan satu pada pandangan saya bagus Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Selangor di mana kalau kita rujuk pada muka surat dinyatakan sebagai 190 peruntukannya itu sederhana. Berdasarkan kepada perjawatan, dalam buku perjawatan muka surat B30, 361 ada Kumpulan Pengurusan Tertinggi, 00, tidak ada. Kumpulan Pengurusan dan Profesional 5 orang. 5 orang juga tahun depan. Kumpulan Pelaksana 35 orang. Satu jabatan yang slim yang urus yang bagus yang menzahirkan professionalism dan penekanan tentang pelaksana yang berkesan. Tidak ada Kumpulan Pengurusan Tertinggi memadai dengan Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Jadi persoalan saya disini, adalah adakah ini merupakan satu perkara yang baru diamalkan tak perasan yang lepas-lepas adanya jabatan ini. Adakah ia baru dan adakah ia merupakan satu, apakah sebabnya diwujudkan secara berasingan dan adakah dahulu dia dari sebahagian daripada Jabatan Kehakiman Syariah?. Itu soalan saya.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Hulu Kelang, untuk maklumat Yang Berhormat semua Jabatan atau pun kod ini adalah kod B30 adalah kod baru yang diwujudkan dan tujuan utama, dulu isu pendakwaan ini diletakkan di bawah Jais tapi sekarang ini Jabatan ini diwujudkan untuk berdiri sendiri dengan tujuan pendakwaan. Ini adalah proses di mana kita ingin memastikan bahawa *separation of power* itu ataupun dengan izin ataupun kuasa itu berlaku diwujudkan jabatan ini. Dan Ketua Jabatan ini adalah terdiri daripada mereka yang dilantik ataupun individu yang dilantik di bawah Gred 52 jadi untuk tujuan itu sebab emolumen kalau kita lihat ia masih baru kita masih lagi, apa ni belum, orang kata belum mantap lagi tapi permulaan 35 perjawatan itu untuk tahun hadapan memadai untuk memulakan langkah pendakwaan dan pengasingan kuasa ini. Terima kasih.

TUAN PENERUSI: Jadual B.30 - iaitu wang sejumlah **RM2,226,290.00 (Ringgit Malaysia Dua Juta, Dua Ratus Dua Puluh Enam, Dua Ratus Sembilan Puluh)** untuk Kepala B30 Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui

SETIAUSAHA DEWAN : Jumlah Perbekalan, **Ringgit Malaysia Dua Bilion, Empat Ratus Sembilan Puluh Enam Juta, Satu Ratus Sembilan Puluh Tujuh Ribu, Lapan Ratus Tiga Puluh Lima (RM2,496,197,835.00)**.

TIMBALAN SPEAKER : Jumlah Perbekalan **Ringgit Malaysia Dua Bilion, Empat Ratus Sembilan Puluh Enam Juta, Satu Ratus Sembilan Puluh Tujuh Ribu,**

Lapan Ratus Tiga Puluh Lima (RM2,496,197,835.00) menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 1 dan Fasal 2

TUAN Pengerusi: Fasal 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual

TUAN Pengerusi: Jadual menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Pengerusi, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Dewan bersidang semula.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa Perbekalan dan telah dipersetujui tanpa apa-apa pindaan. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui

SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan kali yang ketiga. Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan 2019.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Rang Undang-undang Peruntukan DiRaja (Pindaan) 2018.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan DiRaja , 1959.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Enakmen Peruntukan DiRaja (Pindaan) 2018 perlu dipinda di bawah peruntukan-peruntukan bagi Kelas III dan Kelas IV.

Bagi Kelas III, peruntukan telah bertambah daripada **RM6,748,814.76 (Ringgit Malaysia Enam Juta, Tujuh Ratus Empat Puluh Lapan Ribu, Lapan Ratus Empat Belas dan Sen Tujuh Puluh Enam)** kepada **RM7,025,201.76 (Ringgit Malaysia Tujuh Juta, Dua Puluh Lima Ribu, Dua Ratus Satu dan Sen Tujuh Puluh Enam)** iaitu peningkatan sebanyak **RM276,387.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Tujuh Puluh Enam Ribu, Tiga Ratus Lapan Puluh Tujuh)** Pertambahan peruntukan adalah bagi menampung perbelanjaan emolumen kakitangan Istana.

Bagi Kelas IV, peruntukan telah berkurang daripada **RM15,687,064.45 (Ringgit Malaysia Lima Belas Juta, Enam Ratus Lapan Puluh Tujuh Ribu, Enam Puluh Empat dan Sen Empat Puluh Lima)** kepada **RM15,033,074.45 (Ringgit Malaysia Lima Belas Juta, Tiga Puluh Tiga Ribu, Tujuh Puluh Empat dan Sen Empat Puluh Lima)** iaitu pengurangan sebanyak **RM653,990.00 (Ringgit Malaysia Enam Ratus Lima Puluh Ribu, Sembilan Ratus Sembilan Puluh)**. Pengurangan ini adalah disebabkan oleh pelarasan di bawah perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan Istana serta pengurangan peruntukan *One-off* bagi perolehan kenderaan pejabat Istana untuk tahun 2019.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian

Dengan penjelasan tadi, saya dengan ini mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama Enakmen Diraja (Pindaan) 2018 dibaca kali kedua.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah disokong. Saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya mempersilakan Kerajaan kalau ada penggulungan, tidak ada.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan Kali Yang Kedua sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui

SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan kali yang kedua . Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan DiRaja 1959.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini fasal demi fasal.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 1

TUAN Pengerusi: Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 2

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tuan Pengerusi

TUAN Pengerusi: Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Saya dah banyak kali rasa dah 10 tahun. Berdepan dengan dokumen seperti ini, ini kali pertama saya hendak tanya. Adakah formatnya ini begini. Maklumatnya bagi kami Ahli Dewan Negeri tidak faham apa yang dipinda. Nyatakan dengan mengatakan perkataan 6748814.76 dengan

perkataan sekian-sekian. Adalah ini satu ini prosedur undang-undang peraturan peruntukan DiRaja yang tidak ada butirannya. Kita tahu angka, satu angkat dipinda ke satu angka. Yang Berhormat maaf bertanya.

TUAN Pengerusi: Sila Kerajaan

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya, Tuan Pengerusi seperti saya jelaskan tadi, sebenarnya ada penjelasan telah pun diberikan semasa saya membentangkan untuk baca kali kedua. Iaitu kenaikan gaji dan juga untuk pengurangan kerana ada peruntukan *one off* yang tidak di perlukan perolehan kenderaan. Jadi ini adalah prosedur yang biasa yang kita lakukan selama ini, di mana penjelasan diberikan kenapa perlu dinaikkan perbelanjaan kerana ada kenaikan gaji dan kemudiannya mengapa perlu ada pengurangan kerana perbelanjaan tidak diperlukan

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Dia tidak ada *detail* sebagai mana dalam buku inilah. Tidak ada.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tidak ada.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tidak ada.

TUAN Pengerusi: Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Dewan bersidang semula.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipersetujui. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui

SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan kali yang ketiga. Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Peruntukan DiRaja (Pindaan)2018.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, Usul No. 15 Tahun 2018, Usul Peruntukan Pembangunan 2019.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan sukacita memohon membawa satu usul di dalam Dewan yang mulia ini yang berbunyi seperti berikut:-

“Bahawa menurut seksyen 9, subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan sebanyak (Ringgit Malaysia Satu Bilion, Dua Ratus Lapan Puluh Juta) **RM1,280,000,000.00** yang dinyatakan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2019, yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut seksyen 4(1) Akta yang sama, seperti mana terdapat di Jadual, hendaklah diluluskan”.

JADUAL

ANGGARAN PERBELANJAAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN 2019

Maksud	Tajuk	Amaun (RM)
P.01	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	858,232,000.00
P.04	Perbendaharaan Negeri Selangor	2,000,000.00
P.08	Jabatan Pertanian Negeri Selangor	15,790,000.00
P.10	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	5,600,000.00
P.12	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	194,000,000.00
P.13	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor	89,200,000.00

P.14	Jabatan Agama Islam Selangor	106,000,000.00
P.16	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor	2,720,000.00
P.17	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor	6,458,000.00
Jumlah		1,280,000,000.00

YANG BERTHORMAT TUAN SPEAKER DAN AHLI-AHLI YANG BERTHORMAT SEKALIAN,

Sejumlah **RM8,470,000,000.00** (Ringgit Malaysia Lapan Bilion, Empat Ratus Tujuh Puluh Juta) telah diperuntukkan bagi siling Rancangan Malaysia Kesebelas Negeri Selangor (RMKe-11) untuk tahun 2016 hingga 2020. Jumlah tersebut adalah termasuk **RM1,280,000,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Bilion, Dua Ratus Lapan Puluh Juta) bagi membiayai projek-projek pembangunan negeri tahun 2019, di mana **RM1,271,000,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Bilion, Dua Ratus Tujuh Puluh Satu Juta) diperuntukkan bagi perbelanjaan langsung manakala **RM9,000,000.00** (Ringgit Malaysia Sembilan Juta) adalah dalam bentuk pinjaman. Jumlah peruntukan mengikut Kepala adalah seperti dalam Usul Pembangunan 2019.

P01 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri

Sejumlah **RM858,232,000.00** (Ringgit Malaysia Lapan Ratus Lima Puluh Lapan Juta, Dua Ratus Tiga Puluh Dua Ribu) telah diperuntukkan kepada Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Peruntukan mengikut Pecahan Kepada atau P.K. adalah seperti berikut:

Sejumlah **RM39,800,000.00** (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Sembilan Juta, Lapan Ratus Ribu) telah diperuntukkan kepada Pecahan Kepala 1 atau P.K. 1- Ekonomi. Peruntukan tersebut bertujuan untuk menampung perbelanjaan penyelidikan pembangunan ekonomi, perindustrian dan pelaburan serta *Smart Selangor Delivery Unit* (SSDU).

Bagi P.K 2 – Luar Bandar, peruntukan sebanyak **RM34,046,000.00** (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Empat Juta, Empat Puluh Enam Ribu) disediakan bertujuan membiayai program pembangunan ekonomi nelayan, petani dan penternak, program pemberdayaan dan pembangunan sosio ekonomi, pembangunan ekonomi kampung tradisi, program pembangunan desa, kemudahan awam atau asas desa, naik taraf atau baik pulih jalan luar bandar serta pembangunan kampung baru.

Bagi P.K 3 – Usahawan, peruntukan sebanyak **RM6,350,000.00** (Ringgit Malaysia Enam Juta, Tiga Ratus Lima Puluh Ribu) disediakan untuk dana usahawan mikro Selangor, promosi usahawan, latihan usahawan mikro dan juga bagi program peningkatan keupayaan reka bentuk pembungkusan produk usahawan negeri Selangor.

Manakala bagi P.K 4 – Sosial, peruntukan sebanyak **RM78,060,000.00** (Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Lapan Juta, Enam Puluh Ribu) disediakan untuk tujuan perkhidmatan masyarakat, pembangunan orang asali, program pembangunan modal insan, hal ehwal pengguna, program kebudayaan, hal ehwal selain Islam dan program pembangunan minda rakyat.

YANG BERTHORMAT TUAN SPEAKER DAN AHLI-AHLI YANG BERTHORMAT SEKALIAN

P.K 5 – Pendidikan, sebanyak **RM77,239,500.00** (Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Tujuh Juta, Dua Ratus Tiga Puluh Sembilan Ribu, Lima Ratus) disediakan untuk tujuan program pendidikan serta pendidikan tinggi, projek bantuan sekolah, program kemahiran teknikal dan program pendidikan anak-anak pekerja ladang.

Bagi P.K 6 – Wanita, Kebajikan dan Kesihatan, sebanyak **RM79,740,000.00** (Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Sembilan Juta, Tujuh Ratus Empat Puluh Ribu) disediakan untuk menampung perbelanjaan program pemberdayaan wanita dan keluarga, program kebajikan serta pembangunan kesihatan.

Bagi P.K 7 – Generasi Muda dan Sukan, sebanyak **RM15,206,800.00** (Ringgit Malaysia Lima Belas Juta, Dua Ratus Enam Ribu, Lapan Ratus) disediakan untuk program pembangunan generasi muda, menaik taraf infrastruktur sukan dan program pembangunan sukan.

Bagi P.K 8 – Kerajaan Prihatin, sebanyak **RM2,000,000.00** (Ringgit Malaysia Dua Juta) disediakan untuk program kerajaan prihatin, pembangunan pekerja ladang dan juga bantuan NGO.

Bagi P.K 9 – Perbandaran, sebanyak **RM43,861,200.00** (Ringgit Malaysia Empat Puluh Tiga Juta, Lapan Ratus Enam Puluh Satu Ribu, Dua Ratus) adalah bagi menampung kos kemudahan asas dan kemudahan awam PBT, pengangkutan, pengurusan sisa pepejal serta kerajaan tempatan.

Bagi P.K 10 – Pelancongan, sebanyak **RM5,150,000.00** (Ringgit Malaysia Lima Juta, Satu Ratus Lima Puluh Ribu) disediakan untuk menampung kos promosi dan acara pelancongan, memajukan hasil kraf tangan serta menaik taraf produk pelancongan.

Bagi P.K 11 – Teknologi Maklumat dan Inovasi, sebanyak **RM14,150,000.00** (Ringgit Malaysia Empat Belas Juta) disediakan untuk melaksanakan pembangunan ICT, projek sains, teknologi dan inovasi serta program ICT Smart Selangor.

Bagi P.K 12 – Alam Sekitar, sebanyak **RM7,653,587.04** (Ringgit Malaysia Tujuh Juta, Enam Ratus Lima Puluh Tiga Ribu, Lima Ratus Lapan Puluh Tujuh dan sen Empat) disediakan untuk program alam sekitar, teknologi hijau dan pemuliharaan tapak pelupusan.

Bagi P.K 13 – Adat Melayu dan Warisan, sebanyak **RM1,966,500.00** (Ringgit Malaysia Satu Juta, Sembilan Ratus Enam Puluh Enam Ribu, Lima Ratus) disediakan untuk menaik taraf kelengkapan Muzium Sultan Alam Shah, pembangunan muzium-muzium daerah, penyelidikan adat Melayu, bahasa, kesenian, budaya dan warisan serta perolehan artifak.

Bagi P.K 14 – Perpustakaan, sebanyak **RM5,450,000.00** (Ringgit Malaysia Lima Juta, Empat Ratus Lima Puluh Ribu) disediakan untuk kerja menaik taraf perpustakaan daerah dan pekan, membina baru serta menaik taraf perpustakaan desa di samping pembelian kelengkapan dan koleksi perpustakaan.

Bagi P.K 15 – Perumahan dan Hartanah, sebanyak **RM13,034,810.00** (Ringgit Malaysia Tiga Belas Juta, Tiga Puluh Empat Ribu, Lapan Ratus Sepuluh) disediakan untuk menampung kos bagi beberapa projek yang telah dikenal pasti. Ini adalah termasuk kerja baik pulih Projek Perumahan Rakyat dan Kehidupan Bandar Komuniti Sejahtera.

Bagi P.K 16 – Pembangunan Projek Bekalan Air Selangor, sebanyak **RM223,350,000.00** (Ringgit Malaysia Dua Ratus Dua Puluh Tiga Juta, Tiga Ratus Lima Puluh Ribu) disediakan oleh Kerajaan Negeri. Di antara projek-projek utama di bawah P.K ini ialah pembangunan Horas 600, pembinaan Loji Rawatan Air Labuhan Dagang Kuala Langat iaitu termasuk bagi Fasa 2, Pembangunan Loji Rawatan Air Semenyih 2, projek pengepaman air kolam / pembenihan awan, kajian pembangunan sumber air di Pulau Ketam serta kerja menaik taraf rumah pam SYABAS.

Bagi P.K 17 – Projek Khas Negeri, sebanyak **RM24,705,010.00** (Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Juta, Tujuh Ratus Lima Ribu, Sepuluh) disediakan untuk menampung beberapa kos yang telah dikenal pasti. Ini adalah termasuk Dewan Serbaguna Kuala Selangor, Perpustakaan Awam Selangor Fasa 2, Kota Darul Ehsan, bangunan pentadbiran Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, kerja pemuliharaan Masjid Diraja Sultan Suleiman, Klang dan Masjid Sultan Ala'eddin Kampung Bandar, Kuala Langat, projek pembinaan tempat letak kereta awam bertingkat di Seksyen 5, Shah Alam, Pusat Latihan Inovasi Sabak Bernam, Taman Rakyat Shah Alam, *Art Gallery / Heritage Walk*, pembinaan Muzium Tekstil dan Muzium Setem serta Dewan Serbaguna PD Petaling.

Bagi P.K 18 – Inisiatif Peduli Rakyat, sebanyak **RM117,320,010.00** (Ringgit Malaysia Satu Ratus Tujuh Belas Juta, Tiga Ratus Dua Puluh Ribu, Sepuluh) disediakan untuk Pusat Khidmat Krisis Sehenti, Skim Kesihatan Wanita, Elaun Anak ke Nurseri, Kesedaran Kenegaraan, Hadiah Anak Masuk Universiti, Skim Tunas, Tabung Warisan Anak Selangor dan Program Pemberian Air Percuma.

Bagi P.K 19 – Am, sebanyak **RM69,298,582.96** (Ringgit Malaysia Enam Puluh Sembilan Juta, Dua Ratus Sembilan Puluh Lapan Ribu, Lima Ratus Lapan Puluh Dua dan Sen Sembilan Puluh Enam) disediakan untuk projek baik pulih bangunan kerajaan, pengambilan balik tanah dan pelbagai projek lain.

P.04 – Perbendaharaan Negeri Selangor

Sejumlah **RM2,000,000.00** (Ringgit Malaysia Dua Juta) telah diperuntukkan kepada P.04 – Perbendaharaan Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut sebanyak **RM300,000.00** (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu) diperuntukkan kepada P.K 1 – Pembangunan Teknologi Maklumat, manakala untuk P.K 2 pula adalah sebanyak **RM1,700,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Juta, Tujuh Ratus Ribu) untuk Projek Am.

YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER DAN AHLI-AHLI YANG BERHORMAT SEKALIAN

P.08 – Jabatan Pertanian Negeri Selangor

Sejumlah **RM15,790,000.00** (Ringgit Malaysia Lima Belas Juta, Tujuh Ratus Sembilan Puluh Ribu) telah diperuntukkan kepada P.08 – Jabatan Pertanian Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut sebanyak **RM1,700,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Juta, Tujuh Ratus Ribu) diperuntukkan kepada P.K 1 – Pembangunan Taman Agroteknologi.

Bagi P.K 2 – Pembangunan Tanaman Kelapa, sebanyak **RM930,000.00** (Ringgit Malaysia Sembilan Ratus Tiga Puluh Ribu) diperuntukkan untuk membiayai program tanam semula dan pemulihan.

Bagi P.K 3 – Pembangunan Industri Padi, sebanyak **RM2,200,000.00** (Ringgit Malaysia Dua Juta, Dua Ratus Ribu) diperuntukkan untuk membiayai program peningkatan hasil padi.

Bagi P.K 4 – Pembangunan Tanaman Buah-buahan, sebanyak **RM1,300,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Juta, Tiga Ratus Ribu) diperuntukkan untuk membiayai kos pembangunan tanaman kekal dan tanaman singkat masa.

Bagi P.K 5 – Pembangunan Tanaman Sayuran dan Kontan, sebanyak **RM700,000.00** (Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Ribu) diperuntukkan untuk membiayai program pembangunan tanaman sayuran serta pembangunan tanaman kontan.

Bagi P.K 6 – Pembangunan Tanaman Herba dan Rempah Ratus, sebanyak **RM400,000.00** (Ringgit Malaysia Empat Ratus Ribu) diperuntukkan.

Bagi P.K 7 – Pembangunan Madu Lebah dan Kelulut, sebanyak **RM300,000.00** (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu) telah diperuntukkan.

Bagi P.K 8 – Pembangunan Produk Hiliran Pertanian, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak **RM1,200,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Juta, Dua Ratus Ribu) untuk menaik taraf bengkel dan program bantuan peralatan IAT.

Manakala Bagi P.K 9 – Pembangunan Tanah Terbiar, sebanyak **RM300,000.00** (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu) diperuntukkan.

Bagi P.K 10 – Pembangunan Tanaman Cendawan, sebanyak **RM700,000.00** (Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Ribu) diperuntukkan untuk rumah cendawan, kelengkapan dan peralatan serta kemudahan penyimpanan.

Bagi P.K 11 – Pembangunan Golongan Sasar dan Belia Tani, sebanyak **RM2,600,000.00** (Ringgit Malaysia Dua Juta, Enam Ratus Ribu) diperuntukkan bagi perkara berkaitan program latihan golongan sasaran, program promosi pertanian & IAT, jualan terus tanaman serta latihan belia dan usahawan, di samping inovasi dan teknologi pertanian.

Bagi P.K 12 – Pembangunan Teknologi Fertigasi, sebanyak **RM1,960,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Juta, Sembilan Ratus Enam Puluh Ribu) diperuntukkan untuk pembangunan fertigasi tertutup dan fertigasi terbuka.

Bagi P.K 13 – Pembangunan Kompleks Pertanian, sebanyak **RM800,000.00** (Ringgit Malaysia Lapan Ratus Ribu) diperuntukkan bagi tujuan pembinaan Kompleks Pertanian Hulu Selangor.

Bagi P.K 14 – Program Pencegahan Perosak Bersepadu, sebanyak **RM200,000.00** (Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu) telah diperuntukkan untuk program tersebut.

Manakala bagi P.K 15 – Pembangunan Bunga-bunga dan Tanaman Hiasan, sejumlah **RM500,000.00** (Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu) diperuntukkan.

P.10 – Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

Sejumlah **RM5,600,000.00** (Ringgit Malaysia Lima Juta, Enam Ratus Ribu) telah diperuntukkan kepada P.10 – Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Daripada jumlah

tersebut sebanyak **RM2,200,000.00** (Ringgit Malaysia Dua Juta, Dua Ratus Ribu) diperuntukkan kepada P.K 1 – Pembangunan Pengukuhan Sumber Hutan yang bertujuan untuk mengukur dan menanda hutan simpan, pembangunan sistem maklumat perhutanan dan rancangan pengurusan hutan, projek pencegahan dan pengawalan kebakaran hutan, pengurusan hidrologi dan zon penampungan hutan paya gambut, *Central Forest Spine* serta pensijilan hutan.

Bagi P.K 2 – Program Pembangunan Sumber Hutan, sebanyak **RM491,000.00** (Ringgit Malaysia Empat Ratus Sembilan Puluh Satu Ribu) diperuntukkan untuk projek dan program hutan tadahan air, tanaman mengaya, bakau, herba dan pokok nadir, serta penyediaan tapak semaian.

Dalam P.K 3 – Pemerksaan Hutan, sebanyak **RM1,675,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Juta, Enam Ratus Tujuh Puluh Lima Ribu) diperuntukkan untuk projek pembangunan hutan lipur, projek pembangunan pusat kecemerlangan hutan negeri, projek pembangunan hutan komuniti Kota Damansara, projek perhutanan bandar, pembangunan hutan pelajaran, tanaman hutan perkampungan, pemulihan kawasan terosot dan sensitif serta tanaman hutan tani.

Seterusnya, P.K 4 – Pembangunan Infrastruktur, sebanyak **RM584,000.00** (Ringgit Malaysia Lima Ratus Lapan Puluh Empat Ribu) diperuntukkan untuk Kompleks Perhutanan Sungai Buloh, pusat kecemerlangan hutan paya gambut, pembangunan taman negeri Selangor, perhubungan jalan hutan dan baik pulih bangunan.

P.K 5 – Program Pemuliharaan Alam Sekitar, sebanyak **RM150,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh Ribu) diperuntukkan untuk hutan simpanan hutan dara, petak fenologi dan HCVF.

Manakala bagi P.K 6 – Program Penguatkuasaan Hutan, sebanyak **RM500,000.00** (Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu) telah diperuntukkan untuk perkara tersebut.

YANG BERTHORMAT TUAN SPEAKER DAN AHLI-AHLI YANG BERTHORMAT SEKALIAN

P.12 – Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor

Sejumlah **RM194,000,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Ratus Sembilan Puluh Empat Juta) telah diperuntukkan kepada Kepala P.12 – Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut sebanyak **RM3,109,960.00** (Ringgit Malaysia Tiga Juta, Satu Ratus Sembilan Ribu, Sembilan Ratus Enam Puluh) diperuntukkan kepada P.K 1 – Pelbagai Rancangan, bertujuan untuk membaik pulih cerun dan untuk kerja-kerja permulaan.

Bagi P.K 2 – Membina Jambatan & Jejantas, sebanyak **RM9,350,000.00** (Ringgit Malaysia Sembilan Juta, Tiga Ratus Lima Puluh Ribu) diperuntukkan bagi pembinaan jambatan dan jejantas yang telah dikenal pasti mengikut daerah di Negeri Selangor.

Manakala bagi P.K 3 – Membina Jalan, sebanyak **RM60,100,000.00** (Ringgit Malaysia Enam Puluh Juta, Satu Ratus Ribu) diperuntukkan bagi pembinaan jalan-jalan baru di seluruh Selangor mengikut prioriti dan keperluan sebenar.

Bagi P.K 4 – Menaik Taraf Jalan, sebanyak **RM116,100,040.00** (Ringgit Malaysia Satu Ratus Enam Belas Juta, Satu Ratus Ribu, Empat Puluh) diperuntukkan untuk menaik taraf jalan-jalan di seluruh Selangor mengikut daerah.

P.K 5 – Membina dan Menaik Taraf Projek Bangunan, sebanyak **RM5,340,000.00** (Ringgit Malaysia Lima Juta, Tiga Ratus Empat Puluh Ribu) diperuntukkan bagi membaik pulih istana-istana di negeri Selangor.

P.13 – Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor

Sejumlah **RM89,200,000.00** (Ringgit Malaysia Lapan Puluh Sembilan Juta, Dua Ratus Ribu) telah diperuntukkan kepada P.13 – Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut sebanyak **RM47,557,040.00** (Ringgit Malaysia Empat Puluh Tujuh Juta, Lima Ratus Lima Puluh Tujuh Ribu, Empat Puluh) diperuntukkan kepada P.K 1 – Pembangunan Projek Tebatan Banjir.

P.K 2 – Menaik Taraf Saliran, sebanyak **RM22,590,020.00** (Ringgit Malaysia Dua Puluh Dua Juta, Lima Ratus Sembilan Puluh Ribu, Dua Puluh) diperuntukkan untuk program menaik taraf sistem saliran seluruh Selangor.

P.K 3 – Pembangunan Lembangan Sungai, sebanyak **RM5,000,000.00** (Ringgit Malaysia Lima Juta) diperuntukkan untuk projek pengukuhan tebing, pembinaan ban dan benteng serta kerja-kerja pembinaan dan menaik taraf perangkap sampah atau *logboom*.

P.K 4 – Pembangunan Sumber Air dan Hidrologi, sebanyak **RM1,779,900.00** (Ringgit Malaysia Satu Juta, Tujuh Ratus Tujuh Puluh Sembilan Ribu, Sembilan Ratus) diperuntukkan untuk pembangunan stesen berserta sistem ramalan dan amaran banjir negeri.

P.K 5 – Pembangunan Saliran Mesra Alam, sebanyak **RM3,243,010.00** (Ringgit Malaysia Tiga Juta, Dua Ratus Empat Puluh Tiga Ribu, Sepuluh) diperuntukkan untuk membina dan menaik taraf kolam takungan.

P.K 6 – Pembangunan Pantai, sebanyak **RM4,050,020.00** (Ringgit Malaysia Empat Juta, Lima Puluh Ribu, Dua Puluh) diperuntukkan untuk rancangan memperkukuhkan benteng pantai di samping pemeliharaan serta pemuliharaan pantai dan muara.

Manakala P.K 7 – Pembangunan Infrastruktur Mekanikal dan Elektrikal, sebanyak **RM4,980,010.00** (Ringgit Malaysia Empat Juta, Sembilan Ratus Lapan Puluh Ribu, Sepuluh) diperuntukkan untuk menaik taraf pemasangan hidro-mekanikal, pemodenan infrastruktur dan infosistem maklumat serta pembangunan Info Geospasial Jabatan.

YANG BERTHORMAT TUAN SPEAKER DAN AHLI-AHLI YANG BERTHORMAT SEKALIAN

P.14 – Jabatan Agama Islam Selangor

Sejumlah **RM106,000,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Ratus Enam Juta) telah diperuntukkan kepada P.14 – Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut sebanyak **RM37,523,622.00** (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Tujuh Juta, Lima Ratus Dua Puluh Tiga Ribu, Enam Ratus Dua Puluh Dua) diperuntukkan kepada P.K 1 – Sekolah-sekolah Agama yang bertujuan untuk menaik taraf dan membina baru sekolah agama

Bagi P.K 2 – Pejabat Agama Islam, sebanyak **RM5,000,010.00** (Ringgit Malaysia Lima Juta, Sepuluh) diperuntukkan untuk membina dan menaik taraf bangunan kompleks Islam, pejabat agama Islam daerah dan Institut Latihan Dakwah Selangor.

Bagi P.K 3 – Masjid, sebanyak **RM60,550,913.83** (Ringgit Malaysia Enam Puluh Juta, Sepuluh) diperuntukkan untuk membina serta membaik pulih masjid seluruh Selangor.

Manakala bagi P.K 4 – Surau, sebanyak **RM2,509,950.00** (Ringgit Malaysia Dua Juta, Lima Ratus Sembilan Ribu, Sembilan Ratus Lima Puluh) diperuntukkan untuk kerja baik pulih dan naik taraf surau.

Manakala bagi P.K 5 – Pelbagai, sebanyak **RM415,504.17** (Ringgit Malaysia Empat Lima Belas Ribu, Lima Ratus Empat dan Sen Tujuh Belas) diperuntukkan untuk kerja-kerja awalan dan dokumentasi bagi projek-projek yang telah dirancang serta menampung keperluan pelbagai projek lain.

P.16 – Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor

Sejumlah **RM2,720,000.00** (Ringgit Malaysia Dua Juta, Tujuh Ratus Dua Puluh Ribu) telah diperuntukkan kepada P.16 – Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri

Selangor. Daripada jumlah tersebut sebanyak **RM650,000.00** (Ringgit Malaysia Enam Ratus Lima Puluh Ribu) diperuntukkan kepada P.K 1 – Rancangan Pembangunan.

P.K 2 – Perancangan Dasar, sebanyak **RM1,470,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Juta, Empat Ratus Tujuh Puluh Ribu) diperuntukkan bagi projek pembangunan mampan negeri Selangor dan tapak warisan dunia.

P.K 3 – Projek Khas Perancangan, sebanyak **RM600,000.00** (Ringgit Malaysia Enam Ratus Ribu) diperuntukkan bagi menampung kos kajian-kajian khas yang akan dijalankan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.

P.17 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor

Sejumlah **RM6,458,000.00** (Ringgit Malaysia Enam Juta, Empat Ratus Lima Puluh Lapan Ribu) telah diperuntukkan kepada P.17 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut sebanyak **RM993,000.00** (Ringgit Malaysia Sembilan Ratus Sembilan Puluh Tiga Ribu) diperuntukkan kepada P.K 1 – Pembangunan Komoditi Ternakan Ruminan iaitu untuk program Skim Pengganda Ternakan Ruminan Selangor, skim penternakan *breedlot*, program merakyatkan ekonomi penternak ruminan, skim galakan warisan ternak dan program pemakanan ternakan ruminan.

Bagi P.K 2 – Pembangunan Komoditi Ternakan Unggas / Bukan Ruminan, sebanyak **RM650,000.00** (Ringgit Malaysia Enam Ratus Lima Puluh Ribu) diperuntukkan untuk program transformasi penternakan unggas / bukan ruminan dan program merakyatkan ekonomi penternak unggas / bukan ruminan.

Bagi P.K 3 – Pembangunan Industri Asas Ternak, sebanyak **RM725,000.00** (Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Dua Puluh Lima Ribu) diperuntukkan untuk pembangunan produk IAT serta peningkatan pengeluaran usahawan dan pusat pemprosesan IAT daerah.

Bagi P.K 4 – Kesihatan Veterinar, sebanyak **RM120,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Ratus Dua Puluh Ribu) diperuntukkan untuk program masyarakat prihatin haiwan.

Manakala bagi P.K 5 – Regulatori, sebanyak **RM1,140,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Juta, Satu Ratus Empat Puluh Ribu) diperuntukkan untuk program kebajikan haiwan, penternakan mesra alam dan loji penyembelihan.

P.K 6 – Pembangunan Usahawan, sebanyak **RM920,000.00** (Ringgit Malaysia Sembilan Ratus Dua Puluh Ribu) diperuntukkan untuk program pengembangan veterinar dan pemasaran strategik.

Di bawah P.K 7 – Pemantapan Kualiti Perkhidmatan Veterinar, sebanyak **RM1,130,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Juta, Satu Ratus Tiga Puluh Ribu) diperuntukkan untuk membaik pulih pejabat dan kuarters kakitangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta pembinaan hospital veterinar.

Bagi P.K 8 – Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan, sebanyak **RM500,000.00** (Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu) diperuntukkan untuk pembangunan prasarana TKPM, serta TKPM ayam pedaging dan projek ladang ternakan Jabatan Sungai Nilam.

Manakala bagi P.K 9 – Pembangunan Genetik Ternakan Ruminan, sebanyak **RM280,000.00** (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lapan Puluh Ribu) diperuntukkan untuk tujuan tersebut.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, maka dengan itu saya mohon mencadangkan.

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini adalah suatu Usul yang telah di bawa oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar melalui Yang Berhormat EXCO iaitu Usul Peruntukan Pembangunan 2019.

Oleh itu, saya kemukakan Usul ini untuk dibahaskan.

Silakan Yang Berhormat Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas di bawah tajuk merujuk kepada muka surat 196, P.K 3 – Usahawan. Muka surat 196, P.K 3 – Usahawan. Saya ingin mengambil perhatian Pihak Kerajaan terhadap Bazar Darul Ehsan yang terletak di Kampung Kanchong Darat, Kuala Langat, Banting yang mana Bazar ini telah disiapkan pada tahun 2012 lebih kurang dan telah mula digunakan selepas itu dengan tujuan untuk, tujuan asalnya adalah untuk pengumpulan produk IKS di kawasan Kuala Langat. Namun disebabkan keadaan yang tidak strategik dan beberapa masalah pengurusan teknikal yang lain perkara ini tidak dapat dilaksanakan tetapi Bazar tersebut telah digunakan untuk beberapa aktiviti termasuk aktiviti kursus di bawah Pusat Wanita Berdaya dan juga aktiviti-aktiviti yang lain.

Namun disebabkan keadaan Bazar ini terletak agak jauh dan agak terpencil mengakibatkan kemudahan-kemudahan di Bazar ini telah dirosakkan dan telah berlaku vandalisme dan telah berlaku kecurian dan di atas inisiatif EXCO Usahawan yang penggal yang lepas Yang Berhormat Sementa yang mana telah kita telah mengadakan

menaik taraf Bazar ini untuk menjadi pusat aktiviti bagi Pusat Wanita Berdaya dan sejumlah belanja yang agak besar yang telah diperuntukkan untuk kemudahan-kemudahan asas membaik pulih kemudahan asas dan juga menyediakan, memberikan peralatan kepada bakal-bakal usahawan yang bersedia untuk berniaga. Namun sekali lagi perkara yang sama berlaku ya segala peralatan tersebut telah dicuri dan juga telah dirosakkan dan boleh kata keadaan Bazar ini terbiar dan juga memberi imej yang tidak baik kepada Kerajaan Negeri Selangor pada hari ini yang mana sejak ditubuhkan, sejak dibina, sejak disiapkan tiada satu aktiviti yang memberikan signifikan kepada penduduk setempat.

Saya telah memberikan soalan bertulis kepada Pihak Kerajaan berkaitan dengan Bazar ini dan jawapan telah diberikan iaitu tindakan penambahbaikan telah diambil untuk melakukan penilaian kerosakan yang akan dijalankan oleh JKR Selangor bagi membolehkan kerja pemulihan dan penyelenggaraan dibuat mulai tahun 2018. Kerja-kerja ini akan memakan masa sekitar enam bulan dan dijangka siap pada April 2019. Namun sehingga sekarang saya melihat tiada apa-apa aktiviti pembaikan yang berlaku dan juga sebelum ini dikatakan Bazar Darul Ehsan ini diserahkan kepada Koperasi Hijrah untuk melakukan aktiviti sekitar akhir 2017 juga tidak berlaku. Jadi saya ingin mengambil perhatian pihak Kerajaan untuk mengambil tindakan yang serius terhadap isu ini dan kita harapkan selepas ini sekiranya telah disiapkan pembaikan pihak-pihak yang bertanggungjawab termasuk Majlis Daerah Kuala Langat dan juga Pejabat Tanah yang bertanggungjawab untuk menjaga di kawasan bangunan ini kita harapkan dapat memberikan perhatian yang sebaik mungkin tidak lagi berlaku vandalisme dan juga tidak berlaku kecurian peralatan di bangunan ini.

Dan perkara kedua yang hendak saya sentuh adalah berkaitan dengan Jabatan Pengairan dan Saliran, kod projek 02400 ya kalau ikut sini tiada peruntukan yang diperuntukkan namun saya ingin mencadangkan di Pantai Kelanang telah berlaku telah dilakukan telah dibuat penambak ataupun pemecah ombak ya saya ingat dua tahun yang lepas namun pemecah ombak ini yang digunakan dengan konsep mengambil pasir menggunakan konsep *sand back* pasir itu diambil daripada kawasan pantai itu sendiri akhirnya pasir-pasir yang ada di kawasan pantai tersebut telah habis dan hanya tinggal selut-selut di kawasan pantai. Jadi mengakibatkan keadaan yang tidak selesa dan juga tidak menarik kepada pantai dan juga kalau ketika berlaku air pasang tinggi, air masih lagi melimpah sehingga ke kawasan dataran *parking* dan kawasan-kawasan yang berdekatan. Ini adalah menunjukkan bahawa projek ini tidak dilaksanakan dengan sebaik mungkin untuk sebagai pemecah ombak dan juga menghalang hakisan di kawasan Pantai Kelanang dan saya difahamkan ada boleh dibuat pemecah ombak ini bukan setakat kita melakukan dalam keadaan melintang tetapi juga dalam keadaan memanjang selari dengan ke arah laut jadi itu adalah cadangan yang boleh dilaksanakan untuk memastikan keadaan Pantai kita khususnya di Pantai Kelanang ini

dapat masalah ataupun keadaan pantai ini tidak hakisan di pantai Kelanang ini dapat diselesaikan. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin mengambil kesempatan untuk membahaskan beberapa perkara di sini terutamanya yang pertamanya adalah berkaitan dengan P.01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri.

Saya merujuk kepada kod projek P.K 2 – 2005 / 2006 – Kemudahan Awam Asas Desa, Naik Taraf Baik Pulih Jalan Luar Bandar yang diperuntukkan sejumlah RM3 juta setiap satu unit. Pernah menaikkan peruntukan tahunan sejumlah RM5 juta untuk kemudahan awam dan asas desa dan juga pernah menaikkan sehingga R5 juta setahun daripada dan kita pernah juga menaikkan daripada peruntukan tahunan RM10 juta seringgit. Pertama sebabnya saya melihat pada tahun 2019 dan berlaku penurunan anggaran peruntukan untuk kedua-dua PK 2 ini dan saya kira ini jumlah yang agak kecil kerana sebelum itu pun dengan jumlah yang sebegitu itu banyak keperluan-keperluan atau pun keperluan peruntukan itu tidak mencukupi. Saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan Negeri manakah sumber-sumber lain yang boleh diuntukkan untuk peruntukkan ini. Sebagai contoh tahniah kepada Kerajaan Negeri yang berjaya melakukan program pencerapan jalan luar bandar di bawah MARRIS dan juga saya ingin mendapat maklumat daripada Kerajaan Negeri sehingga pada hari ini berapa jumlah kilometer yang telah didaftarkan di dalam MARRIS dan berapakah peruntukan yang telah kita dapat diperuntukkan dengan penambahan jumlah panjang ini atau pun mungkin ada peruntukan daripada penyelarasan antara sumber kewangan ICU atau pun yang boleh digunakan secara kerjasama untuk kemudahan jalan-jalan luar bandar ini. Kerana saya melihat pada hari ini permintaan untuk jalan-jalan Kampung atau pun tanah-tanah persediaan yang akhirnya kita sifatkan sebagai jalan awam yang pernah kita luluskan oleh Kerajaan menggunakan peruntukan kerajaan negeri untuk naik taraf jalan-jalan ini yang sifatnya untuk keperluan awam digunakan selama 24 jam. Yang saya kira permintaan cukup besar dan mungkin Kerajaan negeri dapat melihat perkara ini supaya akhirnya keperluan-keperluan asas kepada masyarakat di luar bandar ini dapat dipenuhi. Saya suka merujuk di kawasan saya terutamanya di jalan Masjid atau pun jalan utama Kampung Bt 9 kebun baru yang mana inilah utama penduduk kampung yang juga menjadi jalan utama kepada kawasan perindustrian yang seperti mana saya sebutkan sebelum ini beribu-ribu tamparan atau pun lopak-lopak yang berlaku pada hari ini terutamanya selepas waktu hujan atau pun semasa waktu hujan dan ia sangat membahayakan terutamanya kepada penunggang-penunggang motosikal kerana apabila hujan dipenuhi dengan air kita tak tahu lompat dan akhirnya menyebabkan kemalangan dan sebagainya.

Yang kedua adalah berkaitan dengan PK. 5 Pendidikan yang saya masih lagi mengharapkan Kerajaan Negeri dapat melihat bagaimanakah pendidikan terutamanya bagi masyarakat orang-orang asli dapat kita memperuntukkan dengan peruntukan-peruntukan yang mungkin boleh dilihat boleh diadakan program-program selain daripada pendidikan arus perdana ada penambahan-penambahan untuk kita tingkatkan taraf pendidikan anak-anak orang asli pertama terutama di peringkat Sekolah sekali, peringkat Sekolah Rendah kerana saya kira ini sahaja yang memungkinkan mungkin tabung sabungtasi itu dapat digunakan kerana itu hanyalah untuk keperluan-keperluan di peringkat pendidikan lebih tinggi. Kalau kita tidak dapat membangunkan pendidikan di peringkat sekolah lagi anak-anak orang asli saya kira itu mungkin dilihat sebagai satu kegagalan kita untuk membangunkan masyarakat orang asli.

Yang kedua adalah berkaitan dengan Pendidikan di peringkat Institusi di bawah Kerajaan Negeri ia ini Universiti di Selangor dan juga Kuiz bagaimana kita dapat menggunakan kedua Institusi ini terutamanya dalam membangunkan program atau pun persiapan kita di dalam IR 4.0, Industri Revolution 4.0 dengan izin.

Mula saya ingin menyentuh berkaitan dengan PK. 8 Kerajaan Prihatin Bantuan NGO yang saya kira masih lagi ada bantuan-bantuan itu cuma saya ingin melihat supaya ada satu proses bagaimana kita dapat pengiktirafan atau pun anugerah kepada NGO-NGO kita yang benar-benar merupakan NGO-NGO yang cukup concern dengan masyarakat dan juga pembangunan di negeri Selangor itu sendiri.

Seterusnya PK. 9 Perbandaran Kemudahan Awam PDT saya melihat pada hari ini Kerajaan Negeri telah menyerahkan semua prasarana kedai-kedai, bengkel-bengkel di bawah Inventori pihak berkuasa tempatan yang saya lihat pada hari ini terutamanya di kawasan-kawasan Majlis Daerah mereka tidak mempunyai kekuatan dan kewangan untuk menyelenggarakan rumah-rumah kedai atau pun bengkel-bengkel yang disifatkan untuk membantu usahawan-usahawan di peringkat kampung-kampung atau pun di peringkat luar bandar. Saya mengharapkan ada peruntukan ini supaya ianya juga dapat membantu kepada masyarakat luar bandar untuk mereka meneruskan usahawan atau pun kerjaya yang mereka gunakan prasarana ini sebagai venue untuk mereka berkerjaya. Saya juga ingin menyentuh satu perkara yang mana di peringkat Kerajaan Pusat mencadangkan supaya juga ada di peringkat PBT-PBT di bangunkan Dewan-dewan Awam mungkin dewan yang berbumbung tetapi tidaklah berdinging boleh digunakan untuk masyarakat. Mereka beraktiviti program perkahwinan sebagainya terutama di kawasan-kawasan perumahan kalau mereka mengadakan aktiviti-aktiviti sebegini mungkin akan menyebabkan kacau ganggu atau pun masalah parking dan sebagainya dan akhirnya dia melonggarkan lagi usaha perpaduan di dalam kejitiran itu sendiri.

Seterusnya berkaitan dengan PK.13 Adab Melayu dan Warisan saya melihat 13003 Pembangunan Muzium-muzium Daerah yang saya lihat peruntukan hanya sekadar RM41,500 sahaja. Yang saya kira jumlah terlalu kecil kalau kita lihat hari ini kita ada beberapa muzium daerah tetapi kalau kita lihat peruntukan yang terlalu kecil saya tidak tahu. Apakah bentuk pembangunan yang kita nak bangunkan di muzium-muzium daerah sendiri.

PK. 14 Perpustakaan naik taraf membina baru Perpustakaan Desa. Saya ingin juga bertanya kepada Kerajaan Negeri apakah status yang terkini berkaitan dengan Pembangunan Perpustakaan Desa di Taman Sri Medan yang sebelum ini telah dibincangkan di peringkat sama-sama PBT untuk membangunkan Perpustakaan Desa tersebut.

Selain daripada itu saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan P.10 Jabatan Perhutanan Negeri Selangor PK. 2 2003 Tanaman Bakau dan Spesies-spesies yang bersesuaian. Tahniah kepada Kerajaan Negeri dengan usaha yang bersungguh-sungguh membangunkan tanam-tanam bakau dan menjaga spesies-spesies yang ada cuma saya mengharapkan supaya Kerajaan Negeri juga dapat melihat bagaimana tanah-tanah bakau yang ada pada hari ini juga sebahagiannya juga adalah tanah milik yang mungkin disebabkan oleh proses yang berlaku yang akhirnya tanah-tanah milik yang dulu adalah tanah daratan tetapi hari ini sudah menjadi tanah yang tepi sungai atau pun yang bersifat dengan tembakau itu tadi. Dan saya juga mengharapkan bahawa bakau di negeri Selangor ini dapat dijadikan sebagai kawasan hutan bakau dan dia dapat dijaga dengan sebaik mungkin kerana bakau-bakau ini pada hari ini kita selalu dengar berlaku kecurian. Kecurian bakau-bakau ini terutamanya digunakan untuk pembangunan yang ada di negeri Selangor itu sendiri. Cuma saya kira kalau mungkin di kawasan hutan itu ada program selective Management System seperti di Hutan Bukit Lagon yang mana pokok-pokok yang tua ditebang dan penyusunan tanaman-tanaman semula dibuat dengan secara baik, saya kira ini boleh berlaku di kawasan bakau kita bagaimana bukit smart selective Management System kita boleh lakukan juga bakau di tanam secara sistematik. Dan itu juga selain daripada menjaga bakau ini sebagai genting kepada arus air tetapi ia juga menjadi hasil kepada Kerajaan Negeri untuk pembangunan di negeri Selangor.

Saya juga ingin menyentuh kepada P. 12 Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor. PK. 2 24000 Daerah Kuala Langat yang pada hari ini, ini Jalan B5 tapi mungkin pihak Kerajaan Negeri juga boleh melihat perkara ini yang mana ada dua Jabatan di Jalan B5 di antara P.12 ke Batu 14 Jalan Klang Banting ini yang mana sifatnya Jambatan ini sudah tidak selamat di adakan satu jambatan sementara untuk mengelakkan daripada perkara-perkara yang tidak diingini. Apakah perancangan kepada pembangunan jambatan di kawasan ini kerana saya kira sudah lebih daripada 6 bulan kalau tidak silap saya dalam keadaan yang sebegitu.

Kemudian PK. 3 03402 maaf PK 3 Membina Jalan sebagaimana yang kita sedia maklum dia juga menjadi isu yang telah juga keluar dalam media harus perdana berkaitan dengan kesesakan lalu lintas di bulatan Saujana Putra yang dahulunya sudah dibincangkan dan ada Perancangan pihak Kerajaan Negeri sendiri berkaitan dengan Pembangunan Flyover di Bandar Saujana Putra atau pun di bulatan Bandar Saujana Putra. Kita mengharapkan ada sesuatu keputusan yang terbaik supaya penyuraiaan yang berlaku di kesesakan waktu punca dapat di elakkan atau dapat ditandatangani.

PK. 4 04000 Daerah Kuala Langat berkaitan dengan akibat pembangunan SKVE. Ada beberapa kebun atau pun tanah persendirian yang akhirnya disebabkan oleh pembangunan ini tidak mempunyai jalan untuk mereka membawa keluar hasil daripada kebun-kebun ini. Saya difahamkan dahulunya pihak pemaju atau pun pihak pembangun LLM sendiri pernah mengutarakan bahawa mereka akan membina jalan alternatif kepada pekebun-pekebun ini tetapi sehingga pada hari ini ia masih lagi belum dibangunkan. Saya mengharapkan Kerajaan Negeri akan melihat perkara ini supaya akhirnya permasalahan mereka ini juga dapat diselesaikan.

Yang terakhir berkaitan yang saya ingin sentuh adalah berkaitan dengan P 13 Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor saya dimaklumkan bahawa ada kajian tebatan banjir bagi kawasan Sijangkang yang mana saya rasa kejadian telah selesai beberapa tahun yang lepas tetapi apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri pada hari ini untuk menyelesaikan masalah banjir di kawasan Kampung Batu 9 juga Batu 10 Kebun Baru yang saya kira ianya disebabkan oleh pembangunan yang berlaku di kawasan Rembai dan juga pembangunan industri di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan 2 kampung yang berhampiran dengan saya sebutkan tadi. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Banting cuba ingin mengambil bahagian dalam Perbahasan Usul Pembangunan ini tetap perbahasan saya hanya akan tumpukan kepada beberapa jabatan sahaja. Yang pertama adalah berkenaan dengan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa di mana saya ingin membawa satu program atau projek pembangunan yang dikemukakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa pada beberapa tahun yang lepas iaitu pembangunan satu Mobile Apps yang dinamakan sebagai Sis Map. Sis Map yang mana saya mendapati bahawa Mobile Apps ini adalah sangat berguna bagi kami selaku Wakil Rakyat termasuk juga perkara-perkara Kerajaan di akar umbi tetapi kebelakangan ini saya mendapati bahawa Mobile Apps ini tidak berfungsi dan tidak dapat memberi sebarang bentuk maklumat yang berguna untuk kita mengenal pasti status dan syarat strata guna tanah bagi sesebuah tempat itu. Saya kira itu adalah satu kebincangan yang perlu diatasi sama apa yang dibangunkan oleh Mobile Apps yang

lain di bawah SSTU. SisMap ini dibangunkan khusus untuk membantu golongan Perancangan Badar dan Desa dan juga perkara-perkara Kerajaan untuk mendapat informasi yang tepat dan jitu dengan cara yang pantas terhadap syarat guna tanah sesebuah tanah tersebut. Dan saya mendapati apabila kita tidak dapat menggunakan Mobile Apps ini untuk membuat semakan ataupun penyelidikan siasatan maka saya rasa itu adalah satu kerugian kepada kita. Kerugian dari segi, wang dan juga masa yang dilaporkan untuk membangunkan Mobil Apps ini. Kerugian juga terhadap kita kerana kita sepatutnya menggunakan segala bentuk teknologi yang ada, untuk melicinkan kerja kita tapi akhirnya Mobile Apps yang dibangunkan ini tidak dapat berfungsi. Dan saya semak bahawa ianya adalah di bawah penyediaan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Saya tak pasti apakah masalahnya. Saya rasa ia adalah satu Mobile Apps yang sangat-sangat berguna apabila dalam, apabila saya menjalankan siasatan dan juga lawatan terhadap isu-isu kilang-kilang haram plastik. Dan, sama ada kita nak tahu, sama ada tanah itu tanah pertanian ataupun tanah industri, Apps itu banyak memberi pertolongan. Tapi sekarang ini, kita tidak dapat menggunakan Apps itu untuk menjalankan tugas kita. Saya berharap perkara itu boleh diberi perhatian.

Yang kedua, berkenaan dengan Jabatan Kerja Raya. Saya kira itu satu, Kerajaan bercadang untuk membina jalan-jalan baru di Daerah Sepang dan juga Kuala Langat. Saya mengalu-alukan cadangan ini. Tapi seperti apa yang pernah ingatkan sebelum ini dan saya juga ingin membangkitkan di sini dari segi aspek keselamatan. Kerajaan boleh dan sememang perlu membina jalan-jalan raya yang baru, untuk menyuraikan laluan trafik, untuk memudahkan aktiviti-aktiviti perdagangan, pertanian dan juga perniagaan. Tetapi pada masa yang sama kita juga tidak boleh lalai dari segi reka bentuk *engineering*. Kita juga tidak boleh lalai dari aspek keselamatan, di mana sekarang ini kita menghadapi masalah dari segi keadaan jalan yang tidak selamat pada waktu malam. Iaitu ketiadaan, ketiadaan lampu-lampu jalan yang mencukupi. Saya amat berharap bahawa dalam membina jalan-jalan baru yang bakal dilakukan di Daerah Kuala Langat dan Sepang ini, kita dapat memastikan aspek keselamatan ini diberi perhatian yang lebih serius. Iaitu sekiranya boleh, kita memohon supaya setiap bahagian jalan itu ada lampu-lampu jalan yang mencukupi khususnya selekoh-selekoh yang berbahaya, supaya keadaannya, supaya pengguna jalan raya selamat untuk menggunakannya pada waktu malam. Dan saya juga membuat saranan yang sama untuk jalan-jalan persekutuan dan juga jalan-jalan negeri. Khususnya Jalan Persekutuan Klang Banting, yang saya pernah bangkitkan, sekiranya ia tidak melibatkan kos yang banyak. Dan sememangnya lampu jalan tidak ada, apa salahnya kita hidapkan lampu pada malam seberapa banyak yang boleh. Dan kita berikhtiar untuk mencari wang untuk membayar utiliti, supaya jalan-jalan itu selamat digunakan pada waktu malam. Seperti yang, apa yang selalu kata, Jalan Persekutuan 1, 2, ada

alternatifnya. Kerana ada lebuh raya betul, seperti Lebuh Raya Utara Selatan. Tapi Jalan Persekutuan 5 ini, dia belum ada lagi jalan alternatif. Kerana jalan alternatif, ataupun jalan raya atau lebuh raya betul itu masih lagi dalam pembinaan. Jalan raya betul yang saya maksudkan itu adalah Lebuh Raya Pantai Barat. Masih dalam pembinaan. Oleh sebab itu banyak lori ataupun kenderaan–kenderaan berat, dia masih menggunakan ataupun bergantung pada Jalan Persekutuan Klang Banting nombor 5 ini, untuk kemudahan, untuk kegunaan mereka seharian. Jadi saya berharap perkara ini dapat dilihat dengan seriusnya oleh Jabatan Kerja Raya.

Satu lagi perkara dengan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor. Saya sempat memerhati projek-projek di bawah PK1, 2 dan 3 dan sebagainya, tetapi mendapati dibawah peruntukan Daerah Kuala Langat sangat sedikit. Boleh dikatakan hampir tidak ada. Dan saya rasa itu adalah sesuatu perkara yang tidak secocok. Persempadanan dengan trend ataupun aliran pembangunan yang bakal di Kuala Langat. Di mana sekiranya kita akan naik taraf Kuala Langat ini daripada sebuah Majlis Daerah kepada sebuah Majlis Perbandaran, maka sememangnya untuk tahun depan dan tahun-tahun yang ke depan lagi, kita perlu ada satu peruntukan ataupun mula memberi peruntukan-peruntukan pembangunan seperti tebatan banjir, saluran mesra alam dan sebagainya untuk Daerah Kuala Langat. Kalau kita lihat sekarang ini, peruntukan diberikan kepada Daerah Petaling, Daerah Sepang, Daerah Hulu Langat, tetapi tidak kepada Kuala Langat. Sedangkan Kuala Langat dari segi geografinya, receiving end of Lembangan Sungai Langat. Jadi saya rasa, sekiranya kita jaga Klang ini, betul-betul nak jaga Klang ini sebab enter receiving end of Sungai Klang, sepatutnya Kuala Langat at receiving end of Sungai Langat, should be given some kind of priority and funding, dengan izin. Jadi itulah rasionalnya hujah saya. Saya memohon Kerajaan Negeri memberi seberapa banyak peruntukan dan juga respons yang boleh isu-isu yang dibangkitkan. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Teratai.

Y.B. TUAN LAI WAI CHONG : Terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas. Ada tiga isu saya ingin bangkit dalam Dewan hari ini. Satu, bekalan air. Merujuk muka surat 200, PK16. Saya mewakili penghuni-penghuni di Kampung Tasik Permai yang dalam kawasan DUN Teratai, untuk memohon Dato' Menteri Besar bagi mengkaji dan melihat masalah gangguan bekalan air dalam kampung tersebut. Sejak saya dipilih sebagai wakil rakyat dalam DUN Teratai, saya telah dimaklum oleh penduduk dalam kampung tersebut bahawa mereka telah mengalami masalah ini lebih 10 tahun. Saya juga membangkit isu ini dalam Sidang Dewan yang lepas. Tetapi saya tidak nampak apa-apa langkah bagi menyelesaikan masalah ini. Dan saya memohon pihak Kerajaan perlu mengarahkan

pihak berkaitan untuk mengeluarkan satu penyelesaian jangka panjang bagi menangani dan menyelesaikan masalah ini.

Perkara kedua, lampu isyarat. Muka surat 218. Saya mewakili rakyat Teratai mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Selangor kerana memberi peruntukan sejumlah RM194 juta kepada JKR. Walau bagaimanapun, mengikut muka surat 219, kod projek 01003, memasang lampu jalan dan lampu isyarat seluruh Selangor. Saya tidak dapat nampak JKR Selangor bersedia untuk menaiktaraf lampu isyarat kerana kod ini tidak dapat diperuntukkan. Negeri Selangor adalah satu negeri menuju ke arah Smart City, iaitu Smart Selangor. Tetapi kebanyakan lampu isyarat tidak begitu intelligent, dengan izin. Saya memohon Kerajaan Negeri Selangor menimbang semula bahawa kebanyakan jalan JKR perlu menaik tarafkan lampu isyarat daripada sistem biasa kepada synchronize system ataupun green wave system, dengan izin. Oleh itu saya memohon Kerajaan agar dapat memberikan peruntukan yang cukup dalam perkara ini supaya JKR Selangor dapat melaksanakan sistem lampu isyarat intelligent, dengan izin.

Perkara ketiga, masalah banjir, muka surat 231, PK1. Selepas saya membaca anggaran peruntukan pembangunan 2019 bagi P13, JPS Negeri Selangor, saya mengucapkan terima kasih kerajaan Selangor bahawa memberi anggaran peruntukan kepada JPS sejumlah RM89 juta. Walau bagaimanapun saya ingin membangkitkan isu banjir kilat dalam seluruh kawasan negeri Selangor. Tidak ada satu penyelesaian yang solid, dengan izin. Tak silap dari pemahaman saya, kebanyakan projek-projek yang disebut dalam PK1 ini adalah pelebaran sungai. Sila bayangkan, kalau semua sungai, parit monsun dan longkang telah di lebar dalam kawasan hulu, apakah akan jadi dalam kawasan hilir. Terutamanya Banting. Oleh itu cadangan penyelesaian daripada Teratai bagi menyelesaikan masalah banjir kilat ini adalah :

1. Kerja selenggaraan kolam takungan perlu diurus dengan baik.
2. Semua kapasiti kolam takungan yang sedia ada perlu dikaji semula. Sekali lagi saya memohon kerajaan perlu mengkajikan konsep span city, bagi menyelesaikan masalah banjir dalam negeri Selangor.

Itu sahaja yang ingin saya bangkitkan. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, Kuala Kubu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih, Tuan Speaker. Saya cuma ada satu isu saja. Saya rujuk kepada , muka surat 209. P08, PK1. Saya nampak Kerajaan Negeri ada membangunkan beberapa TKPM, iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan. Saya

rasa di senaraikan ada sebanyak lima. Ini adalah satu usaha yang baik. Saya nak bangkit di sini ialah mengenai dengan TKPM, yang disediakan sebagai kawasan penempatan semula kepada pengusaha ternakan lembu, kerana selama ini kawasan yang disediakan itu tidak begitu sesuai. Kerana tanah berbukit-bukit, yang memerlukan modal yang sangat besar bagi memulakan penternakan. Kerajaan Negeri perlu mengambil langkahlah bagi mengatasi masalah yang dihadapi penternak lembu secara kecil-kecilan.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Yang Berhormat, itu merujuk kepada Veterinar, 258, lembu. Ini pertanian. Muka surat 258.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Oh, tak sama.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Jabatan Pertanian. Itu bawah Jabatan Veterinar.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Still also pembangunan, ma.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Perbahasan itu betul, Yang Berhormat, Cuma mungkin rujukan P, itu tidak tepat.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Ini usul, Veterinar di mana.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Veterinar di bawah P17, Yang Berhormat.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : 258. Okey, P, saya minta maaf, sorry. Jadi sebab nampak TKPM, terus masuk sana. Saya pergi ke PK, muka surat 258, PK8. Saya rasa saya tak payah ulang apa yang saya telah memberi penjelasan tadi. Iaitu penternak-penternak lembu secara kecil-kecilan. Mereka tidak dapat memindahkan kawasan asal mereka kepada kawasan TKPM kerana mereka mempunyai modal yang begitu besar untuk membangunkan kawasan yang disediakan memandangkan dia berbukit-bukit. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, Balakong. Minta maaf Yang Berhormat, sebab dalam ini tak ada color pula, tempat Yang Berhormat. Tak jumpa.

Y.B. PUAN WONG SIEW KI : Tak apa, tak apa, nanti saya catkan jadi putih. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. (GELAK) Saya ingin membahaskan berkenaan dengan muka surat 198, kod projek PK 703001. Program pembangunan generasi muda. Harap-harap saya tak salahlah. Setahu saya, penggerak belia tempatan, PEBT, adalah satu

inisiatif di bawah Pejabat Menteri Besar, bertujuan melahirkan kepimpinan belia, yang berwibawa dan dapat menjadi agen perubahan kepada golongan belia di Selangor. Kalau tak silap saya memang, berada di sini kan. So, setelah sembilan tahun sejak tahun 2009, PEBT di adakan, terdapat sambutan hangat daripada kalangan anak muda. Walau bagaimanapun, rancangan ini masih mempunyai banyak ruang untuk menambahbaik lagi. Masalah yang pertama adalah kekeliruan peranan PEBT. Kebanyakan ADUN, pihak PEBT dan Ahli Majlis masih tidak jelas dengan peranan PEBT ini. Banyak masalah telah timbul apabila Ahli Majlis menyalahgunakan sebagai penolong mereka. Dan menggunakan peruntukan PEBT untuk program Ahli Majlis. Terdapat juga perkara yang berlaku di mana pihak PBT menggunakan peruntukan PEBT tanpa kebenaran PEBT untuk mengadakan program PBT. Disebabkan pihak PBT dia, ada setengah-setengah pihak PEBT tiada akaun sendiri dan hanya meminjam akaun PBT. Kekeliruan juga berlaku apabila PEBT dikehendakkan parking, dengan izin, di bawah PBT, dan cara urusan setiap PBT adalah tidak sama dan tidak selaras. PBT mempunyai rang dan kuasa yang sangat besar untuk menguruskan PEBT mengikut suka hati PBT. Hal ini adanya PBT yang membenarkan setiap Pengerusi PEBT, mempunyai akaun sendiri, seperti MBSA dan juga PBT yang tidak membenarkan Pengerusi-pengerusi PEBT menguruskan akaun sendiri. Seperti MDHS. Tiada garis panduan yang selaras kepada semua PEBT dan juga pihak PBT menyebabkan lain PBT ada lain tafsiran terhadap peranan PEBT. Masalah juga timbul semasa pihak PBT mempunyai kuasa untuk membatalkan kuota PBT. Seperti apa yang sedang berlaku sekarang di MDHS. Untuk makluman Timbalan Speaker dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, kuota PBT yang diagihkan mengikut kuota Ahli Majlis di setiap PBT terdapat 9 daripada 12 PBT mempunyai kuota Ahli Majlis di bawah Orang Besar Daerah seperti contohnya MPKj dengan MDHS juga ada kuota untuk Orang Besar Daerah. Masalah timbul apabila Majlis mempunyai kuasa untuk membatalkan kuota PBT di bawah Orang Besar Daerah tanpa merujuk kepada MSN dan sekretariat PBT. Dan mereka tiada, tidak mempunyai kuasa untuk mendapatkan balik kuota tersebut. Sekiranya pihak Majlis dapat membatalkan kuota PBT dengan apa-apa jua alasan, bagaimanakah pihak Kerajaan merancang Bajet yang tepat untuk kegunaan PBT? Saya berharap pihak Kerajaan dapat menyempurnakan sistem pengurusan PBT demi menyelesaikan masalah-masalah yang tertimbul ini. Rancangan PBT memang satu rancangan yang memberi banyak peluang kepada anak muda supaya mereka dapat dilantik dan diberi peluang menjadi seorang pemimpin. Jadi saya amat berharap usaha ini dapat dilanjutkan dengan lebih berkesan. Sekian. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dengkil.

Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH: Terima kasih kepada Timbalan Speaker. Saya mengambil peluang pada petang ini untuk mengambil bahagian. Ada beberapa isu mengenai peruntukan pembangunan di kawasan Dengkil, terutama sekali PK 12, saya ingin menarik perhatian Dewan pada PK 2 - Membina Jambatan dan Jejantas - Kod 02600 Daerah Sepang. Baru-baru ini seorang pelajar UiTM Dengkil yang cuba melintasi jalan di persimpangan lampu isyarat berhadapan pintu masuk UiTM parah dilanggar sebuah kenderaan untuk ke pasar malam. Ini sering berlaku, sering berlaku dan kekhuatiran saya adalah keselamatan jangka panjang pelajar-pelajar situ termasuk penduduk setempat yang menggunakan persimpangan tersebut setiap hari. Justeru saya menyeru Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan untuk membina sebuah jejantas di kawasan ini bagi menyelesaikan isu keselamatan tersebut. Termasuk pembinaan *anticline* (dengan izin) di sepanjang jalan berkenaan agar tidak ada lagi pelajar dan individu memerbahayakan diri mereka serta orang lain hanya untuk melintas jalan. Keperluan membina jejantas ini amatlah runcing dan wajib disegerakan.

PK 4 – Menaik Taraf Jalan Daerah Kuala Langat, Kod 04044050406. Keperluan Menaik taraf di Jalan Olak Lempit di bawah daerah Kuala Langat. Saya menerima banyak aduan mengenai lampu jalan, jalan rosak dan juga lampu isyarat yang sering mati apabila, ini di Labuan Dagang, persimpangan-persimpangan jalan Kampung Labuan Dagang. Ia mengundang kemalangan dan memerbahayakan keselamatan pengguna sekitar. Ini sudah sering berlaku. PK 4 juga jalan daerah Sepang, menaik taraf jalan daerah Sepang 046030460464605. Kerap kali lampu isyarat yang sering terpadam ataupun terputus apabila hujan lebat ataupun ribut. Dan Ini mengundang kepada kemalangan juga di dalam pekan Dengkil itu sendiri. Ada beberapa kawasan saya maklum mengenai perkara ini dalam soalan bertulis dan soalan mulut pada EXCO. Dan saya beralih kepada VOT P13 – saya ingin menarik perhatian Dewan, PK 101560 sehingga 01514 muka surat 232. Baru-baru ini ada keluarga terjejas dengan banjir susulan air Sungai Langat yang meningkat selepas hujan lebat. Hakikatnya situasi banjir ini berlaku setiap tahun tiba musim di kawasan-kawasan tertentu. Keadaannya hampir buruk berbanding tahun sebelum-sebelumnya. Antara kampung-kampung yang terlibat Kampung Revolusi Hijau, Kampung Lalang, Kampung Semarang, Kampung Seri Tanjung, Kampung Ampar Tenang, Kampung Ternang Buang. Pada mangsa dan penduduk di kawasan yang terjejas, banjir mengundang masalah seperti keselamatan keluarga dan pelbagai kerugian harta benda. Ramai penduduk tidak mempunyai sumber untuk memperbaiki kerosakan setiap kali rumah dimasuki air. Apa pun saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Bencana Keselamatan Daerah yang sentiasa memberi komitmen dan perkhidmatan yang amat cekap apabila berlaku kejadian-kejadian banjir ini. Dengkil ada beberapa lagi cadangan membabitkan banjir kilat. Terdapat kewujudan lot-lot LED dipanggil LED yang menyumbang kepada punca permasalahan banjir kilat. Apa yang saya maksudkan lot-lot LED ini adalah lot-lot yang dijual secara murah tanpa ada kebenaran merancang dan ini ada di dalam

laporan JPS dan minta perhatian untuk tindakan segera bagi pengusaha-pengusaha LED ini. Antara faktor penyumbang terbesar banjir kilat di kawasan-kawasan yang padat. Isu ke-3, P 13 dalam hal menaik taraf eh! PK 2 Kod 02600 Menaik Taraf Saliran. Dalam hal menaik taraf jalan di Dengkil khususnya, saya tertarik dengan jumlah yang diperuntukkan bagi tujuan tersebut. Bagi daerah ialah Dengkil RM0. Soalan saya kepada EXCO, adakah ini disengajakan atau adakah sistem saliran di Dengkil begitu baik sehinggakan tiada memerlukan sebarang menaik taraf. Saya, tidak cukup ya. Duit tidak cukup. Saya juga ingin memohon penjelasan EXCO berkenaan jumlah ini didapati, adakah melalui permohonan dari pihak JPS daerah ataupun bagaimana? Jenis projek menaik taraf yang bagaimana pula diterima jika sesuatu permohonan itu dihantar? Jika benar begitu saya berharap JPS Daerah dapat mempertingkatkan usaha mengenal pasti sistem saliran yang memerlukan menaik taraf. Isu ke-4 berkenaan P01 saya ingin menarik perhatian dewan PK 4 kod 044002 Pembangunan Orang Asli muka surat 197. Perkara ini turut menyentuh pembangunan ekonomi kampung tradisi dan memajukan hasil kraf tangan. Untuk pengetahuan Speaker, Timbalan Speaker serta Ahli Dewan di kawasan saya di Dengkil terdapat kependudukan orang asli yang terdiri dari pelbagai suku kaum orang asli. Di sini banyak menghasilkan kraf tangan pelbagai untuk dijual. Mengetahui bahawa revolusi industri P.0 bakal membawa perubahan yang besar dari setiap sudut dari hasil kita menghasil, mempergunakan dan produk di pasaran. Saya bimbang produk orang asal akan terpinggir dalam keghairahan mengejar kemajuan. Dan mereka turut tercicir dalam terlibat dalam revolusi ini. Justeru, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri membantu menyuntik formula dan mencuba nasib yang sama digunakan dalam strategik pembangunan ekonomi yang lain. Seperti mana yang dibentangkan oleh warisan orang asal dapat dipelihara dan dikongsi dan pada masa yang sama menjadi punca pendapatan yang serius dan menguntungkan. Cadangan saya, sebagai permulaan Kerajaan Negeri boleh memulakan merangsang industri dengan mewujudkan satu hab perniagaan barang kraf tangan orang asal berdekatan pintu masuk negara seperti di gedung beli-belah di Mei Shui ataupun mana-mana kios bersesuaian tempat di KLIA dan KLIA 2. Di samping itu satu karnival besar-besaran yang mengumpulkan produk-produk serta mempamerkan adat-adat budaya orang asal diadakan untuk menarik minat orang ramai terhadap orang ramai serta kebudayaan kreativiti orang asal khususnya yang asal di Selangor. Perkara ke-5, Vot 201 saya ingin menarik perhatian dewan kod- PK 7 Generasi Muda dan Sukan. e-sukan semakin mendapat perhatian dalam kategori anak muda dan pembangunnya hendaklah diberi sedikit penekanan dari Kerajaan Negeri. Dan kita sedia maklum memang Dato' Menteri Besar sendiri pun menekan apa jua bentuk program-program berkaitan dengan generasi muda. Untuk pengetahuan Dewan, pembangunan e-sport/e-sukan di negara-negara seperti Korea Selatan dan Jepun sebagai contoh yang boleh dijadikan penanda aras. Saya melihat populariti e-sukan di kalangan anak muda ini mendapat perhatian Kerajaan Negeri dan Pusat namun masih banyak aspek pembangunan yang tidak

mendapat perhatian sewajarnya. Jika kita mahu setaraf negara seperti negara-negara seperti tersebut, kita perlu agresif dan komited. e-sukan bukan sekadar penganjur sukan pertandingan ia juga tentang peng *connecting internet* (dengan izin) pembangunan komuniti e-sukan ke secara keseluruhan, pengenalan e-sukan dalam sekolah-sekolah, sokongan dan perlindungan kepada atlet-atlet kepada e-sukan, kestabilan ekonomi atlet, kemudahan kelab-kelab kepada atlet. Justeru, saya berpandangan lebih banyak yang perlu dilakukan Kerajaan Negeri sekiranya kita bercita-cita untuk menjadikan e-sukan satu lagi cabang sukan yang membangga serta menguntungkan Kerajaan Negeri dan negara amnya. Saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri menyediakan satu *blueprint* pembangunan e-sukan yang holistik dan menyeluruh untuk dibentangkan. Saya juga mencadangkan agar satu jawatankuasa terdiri daripada pemain-pemain yang terdiri daripada e-sukan dan juga *shareholder* lain dibentuk untuk memastikan semua perancangan dan *blueprint* dijalankan mengikut jadual dan sezam, sezaman dengan strategik pembangunan di negara ini. Janganlah nanti e-sukan dijadikan modal meraih sokongan anak muda tetapi akhirnya menjadi *rektored* ahli politik. Saya yakin di Selangor perkara-perkara ini akan diambil perhatian malah dijadikan contoh bagi negeri-negeri lain untuk pembangunan e-sukan. **Vot P01** saya sekali lagi ingin menarik perhatian dewan, pada kod PK Seven – Generasi Muda - muka surat 198. PK 7 Maaf (dengan izin). Terima kasih Pelabuhan Klang. Baru-baru ini Malaysia menduduki, mendaki 2 anak tangga untuk *raking* Persekutuan dalam bola sepak antarabangsa FIFA di posisi 167 daripada 169. Malangnya pada tahun ini, bukan tahun yang kurang membanggakan untuk pasukan bola sepak negeri apabila mereka tersingkir awal dalam Piala Malaysia. Menduduki tempat ke-8 dalam liga super dan kalah dalam perlawanan Piala FA. Saya ingin tahu sebanyak mana dalam peruntukan Pembangunan Generasi Muda dan Sukan ini diperuntukkan negeri bagi membantu menaik taraf kualiti, mutu dan akses anak muda desa kepada fasiliti dan latihan bola sepak khususnya anak muda dalam lingkungan dalam umur 11 hingga 17 tahun? Keduanya, adakah Kerajaan Negeri berhasrat meneruskan inisiatif pembangunan akar umbi dalam bidang bola sepak melalui penganjuran pertandingan bola sepak di peringkat desa dan kampung-kampung?

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sambung esok atau Yang Berhormat aaa..

Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH: Sikit.

TIMBALAN SPEAKER: Sebab dah jam 4.30.

Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH: Saya. Apakah kejayaan yang telah besar ditempuhi oleh Pasukan Bola Sepak Merah Kuning yang wujud di daerah Selangor ini.

3 DISEMBER 2018 (ISNIN)

Berapakah peruntukan yang diberikan akademik pada tahun dan adakah perubahan pada program tersebut? Selangor perlu mengembalikan kegemilangan bola sepak

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat, minta Yang Berhormat duduk dan sambung esok Yang Berhormat.

Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH: Yang menjadi kenyataan. Terima kasih. Terima kasih.

TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan 4.30 petang dengan ini saya menangguhkan dewan sehingga hari esok 4 Disember 2018 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan Ditangguhkan Pada Jam 4.30 Petang)